



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**  
*Fourth Session*

---

**Jilid IV**

**Bil. 21**

**Hari Rabu**

28hb Disember, 1994

---

#### KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

#### RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Tabung Haji 1994 (Ruangan 41)**

**Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1994 (Ruangan 78)**

**Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri  
Malaysia 1994 (Ruangan 93)**

**Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan  
Pekerja (Pindaan) 1994 (Ruangan 118)**

**Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 1994 (Ruangan 146)**

**Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994 (Ruangan 157)**

#### USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan  
daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan 72)**



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Selasa, 28hb Disember, 1994**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PERSATUAN BELIA NEGARA - PENGLIBATAN DALAM PROGRAM RAKAN MUDA**

**1. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah perkembangan terakhir terhadap 9000 Persatuan Belia Negara yang tidak aktif sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bagaimanakah reaksi setiap persatuan belia tersebut dalam meningkatkan taraf persatuan mereka dan meminta supaya badan-badan swasta menolong membantu memperbaiki persatuan tersebut supaya kembali aktif; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk melibatkan mereka dalam program rakan muda. Jika ada diminta supaya kementerian membentangkan perkara tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato'Ismail**

**bin. Said]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Menurut laporan awal kajian perkembangan pembangunan belia berasaskan kepada sumber maklumat dari 101 Pegawai Belia dan Sukan Daerah kedudukannya adalah seperti berikut:
  - (i) jumlah keseluruhan persatuan belia seluruh negara ialah 9,510 buah dengan keahlian seramai 925,145 orang atau 11.921 daripada jumlah penduduk belia;

- (ii) daripada jumlah tersebut sejumlah 650 buah persatuan belia tidak bergabung dengan mana-mana persatuan peringkat kebangsaan atau dikenali sebagai persatuan persendirian;
- (iii) sebanyak 8,660 buah persatuan belia berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan manakala 850 buah tidak berdaftar atau masih dalam proses pendaftaran;
- (iv) daripada jumlah keseluruhan persatuan belia berkenaan hanya 39% sahaja yang aktif menjalankan program dan aktiviti untuk ahli.

Adalah didapati bahawa persatuan-persatuan yang berkenaan ini. menunjukkan reaksi yang positif terhadap usaha-usaha dari mana-mana pihak termasuklah pihak swasta untuk memulih dan menyegarkan semula supaya kembali menjadi aktif. Di atas Landasan inilah maka Kementerian Belia dan Sukan memperkenalkan program Rakan Muda bertujuan untuk melibatkan kerajaan, badan-badan sukarela, swasta dan juga masyarakat bertindak di atas konsep tanggungjawab bersama dalam bentuk kerakanan bagi menganjurkan kegiatan gaya hidup yang produktif.

- (b) Sememangnya program Rakan Muda adalah bertujuan untuk melibatkan persatuan-persatuan sukarela menjayakan pelaksanaannya. Mereka ini hendaklah mengemukakan cadangan mana-mana program Rakan Muda untuk dilaksanakan kepada Kementerian Belia dan Sukan bagi mendapatkan pertimbangan bantuan yang sewajarnya. Jika mereka ada program maka Rakan Muda akan bersama-sama mereka.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen adakah kementerian bercadang untuk memastikan bahawa persatuan-persatuan belia yang tidak berdaftar dengan mana-mana persatuan belia iaitu bermaksud persatuan belia yang bebas tidak memasuki mana-mana persatuan supaya ianya disyaratkan sesuatu pertubuhan belia yang ingin menubuhkan persatuan belianya mestilah bergabung dengan persatuan-persatuan belia yang sedia ada di negara kita.

**Dato' Ismail bin Said:** Taan Yang di-Pertua, oleh kerana memandangkan persatuan belia di negara kita ini merupakan pertubuhan sukarela maka Kementerian Belia dan Sukan tidak akan memaksa untuk memastikan mana-mana persatuan yang tidak bergabung dengan mana-mana persatuan induk di peringkat kebangsaan. Walau macam mana pun terpulanglah kepada persatuan individu yang berkenaan untuk berbuat demikian.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan persatuan-persatuan belia ini banyak terkubur disebabkan pemimpinnya bertukar dari satu tempat ke satu tempat yang lain terutama sekali Pengerusi ataupun Setiausaha, adakah Kementerian Belia dan Sukan mempunyai pegawai khas yang bertanggungjawab menubuh, menggerak dan memaju serta menyelaraskan aktiviti serta membawa persatuan belia ke arah acuan yang dikehendaki oleh negara?

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan. Yang di-Pertua, yang sebenarnya tugas Pegawai Belia dan Sukan di semua peringkat terutama sekali di peringkat daerah adalah untuk memimpin, memandu dan juga menyelaraskan kegiatan pertubuhan belia di peringkat daerah yang berkenaan. Dan jika sekiranya sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi ada mana-mana persatuan yang berkubur oleh kerana masalah pertukaran kepimpinan, insya-Allah pegawai yang berkenaan akan memainkan peranan untuk membimbing persatuan yang berkenaan sehinggalah persatuan itu ada pemimpin gantinya.

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mahu pihak Kerajaan memahami bahawasanya saya berdiri di sini bukanlah menentang rancangan program Rakan Muda malahan menyokongnya dan berikrar akan membuat segala mungkin bagi menjayakan rancangan Rakan Muda yang begitu berfaedah.

Soalannya, tidakkah penubuhan rancangan Rakan Muda ini seolah-olah menampakkan bahawasanya rancatigan ini telah mengambil alih aktiviti-aktiviti persatuan belia yang telah sedia ada. Kerana selain daripada tujuan untuk menghidup atau menolong pertumbuhan yang lebih pesat oleh persatuan-persatuan belia, nampaknya kegiatan-kegiatan Rakan Muda ini tidak langsung mendapat persetujuan atau maklumat dari Majlis-majlis Belia Negeri dan Majlis-majlis Belia Daerah. Seolah-olah Rakan Muda ini dibuat dengan begitu rupa dengan menarik segala lapisan belia ataupun muda-mudi ke dalam rancangan Rakan Muda ini. Itu yang pertama.

Yang keduanya, mengapakah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah soalan?

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Soalannya. Saya telah soal. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada soalan, tidak boleh cakap.

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Saya ingat tidakkah ini menampak keadaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini soalan tambahan, boleh. Hujah tidak boleh.

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Soalan ini ialah berkaitan dengan Rakan Muda, tidakkah rancangan Rakan Muda ini menampakkan seolah-olah dia mengambil alih tugas persatuan-persatuan belia yang sedia ada? Nanti saya harap dapat difaham dalam bahasa kebangsaan.

Yang keduanya, mengapakah sebanyak 650 buah persatuan belia yang dibiarkan persendirian? Apakah sebab-sebabnya? Mengapa mereka ini tidak mahu bergabung dengan badan-badan gabungan kebangsaan yang ada?

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas sokongan yang diberi oleh Yang Berhormat terhadap program Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan. Sukacita saya maklumkan bahawa Rakan Muda bukanlah satu pertubuhan dan juga bukan satu badan

khusus. Ia merupakan program-program yang diatur sedemikian rupa oleh Kementerian Belia dan Sukan, sebanyak 9 program kesemuanya. Program yang merupakan program gantian alternatif kepada kegiatan-kegiatan negatif yang dilakukan oleh anak muda kita pada hari ini.

Sebenarnya, kita tidak mengambil alih tugas badan-badan belia yang ada sekarang. Yang sebenarnya, program ini adalah merupakan saling lengkap-melengkapi di antara satu sama dengan lain dan sebab itulah kita memerlukan peranan persatuan belia untuk menjayakan program ini untuk memantapkan lagi kedudukan belia di seluruh negara.

Mengenai soalan Yang Berhormat yang kedua, yang sebenarnya untuk makluman. Yang Berhormat, sebelum kita mengelolakan program Rakan Muda ini, kita telah pun mengadakan pertemuan dengan berbagai pihak, bukan sahaja dengan persatuan belia malahan dengan golongan-golongan muda yang lain juga, pemimpin-pemimpin pelajar, golongan korporat yang terdiri daripada anak muda, yang terlibat dengan dadah, yang terlibat dengan seni, seniman dan sebagainya, sebelum kita merangkakan program Rakan Muda ini, Tujuan kita bertemu kumpulan ini ialah untuk mengenali mereka secara dekat dan memahami cita rasa mereka. Jadi, tidak timbullah masalah kita tidak runding dahulu dengan persatuan belia itu di peringkat sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi.

Mengenai 650 buah persatuan yang tidak berdaftar bergabung dengan persatuan induk yang lain, sebagaimana saya sebutkan tadi oleh kerana pertubuhan belia di negara kita adalah merupakan

pertubuhan sukarela, maka kita tidak boleh paksa mereka ini untuk bergabung atau memilih untuk bergabung mana-mana persatuan induk di peringkat kebangsaan.

#### TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1994 - SASARAN JUMLAH PELANCONG

2. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bilangan pelancong mengikut negara asalnya yang telah rnelawat Malaysia bagi tahun 1993 dan 1994;
- (b) adakah program peningkatan industri pelancongan dan pembukaan pejabat cawangan di luar negara telah dapat membantu meningkatkan bilangan pelancong di luar negara. Sekiranya ya, adakah kerajaan bercadang untuk membuka lebih banyak pejabat cawangan di luar negara dan di negara mana; dan
- (c) adakah program Tahun Melawat Malaysia 1994 telah mencapai targetnya dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menarik pelancong-pelancong pada tahun-tahun hadapan.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato'**

**Sabbaruddin Chik]**: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 1993, sejumlah 6.5 juta pelancong telah dicatatkan melawat negara kita. Daripada jumlah tersebut, Singapura menyumbangkan sebanyak 62.32, ini lebih kurang 4 juta. Manakala Thailand pula menyumbangkan sebanyak 7.2%, lebih kurang 455,000. Angka ketibaan pelancong yang

melawat Semenanjung Malaysia sehingga bulan Oktober tahun ini ialah seramai 5.7 juta. Dengan lebih tepat lagi, 5,689,000. Hampir-hampir 5.7 juta orang pelancong. Singapura dan Thailand masih merupakan penyumbang terbesar pelancong ke Semenanjung Malaysia dengan sumbangan sebanyak 63.6% bagi Singapura dan 8.1 % bagi Thailand. Diikuti oleh Jepun, Taiwan, Indonesia, United Kingdom, Australia, Hong Kong, China dan juga Amerika Syarikat.

- (b) Pembukaan pejabat-pejabat cawangan di luar negara sememangnya membantu meningkat bilangan pelancong dari luar negara yang berminat serta datang melawat ke negara kita. Kerajaan sedang menimbangkan atau Kementerian sedang berusaha untuk mendapatkan kebenaran untuk membuka tiga lagi cawangan bagi masa hadapan iaitu di Bombay, Jakarta dan juga di Manila. Dan dengan pembukaan tiga cawangan ini, Kementerian berharap ketibaan pelancong ke negara kita dan rantau yang berkenaan akan dapat dipertingkatkan lagi.
- (c) Kementerian yakin bahawa usaha untuk mencapai target kita yang yakni pelancong-pelancong sejumlah 7 juta dalam tahun 1994 ini dan memperolehi hasil pertukaran wang asing sebanyak RM6,000 juta dapat dicapai melalui program Tahun Melawat Malaysia 1994, dengan adanya usaha-usaha promosi yang dijalankan di dalam dan juga di luar negara. Bagi bulan November dan Disember ini dijangka akan dapat menyumbangkan seramai 1.1 juta lagi pelancong ke

DN.28.12.94

Semenanjung Malaysia. Dengan adanya juga angka-angka ataupun pelawat-pelawat luar negara, ke Sabah dan ke Sarawak, saya yakin kita akan mencapai target kedatangan pelancong seramai 7 juta orang itu. Dari segi langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menarik melancong ke negara ini, pada tahun-tahun hadapan, usaha-usaha dan galakan pelancong ke luar negara akan diteruskan dan memperkenalkan produk-produk dan destinasi-destinasi pelancong utama ke negara rasakan kepada terma-terma seperti berikut:

- (i) Kita sedang mempromosi 8 destinasi utama yang terdapat di negara kita iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka, Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, Taman Negara, Sarawak dan juga Kinabalu; dan
- (ii) Malaysia sebagai tempat membeli-belah dengan mengadakan kempen membeli-belah di beberapa pusat membeli-belah seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan juga di Johor Bahru.

Selain daripada itu juga, kita menggalakkan "Sports Tourism" ataupun "Pelancongan Sukan". Kita juga akan membangunkan produk pelancongan berasaskan eco dan agrotourism. Selain dari itu juga, kita menggalakkan konvensyen, menggalakkan seminar dan pameran. Kita juga akan menggalakkan pelancongan dalam negeri. Selain daripada itu juga, penganjuran acara-acara seperti Pesta Flora, Pesta Malaysia dan Perlumbaan-perlumbaan Motorsikal dan Kereta seperti Grand Prix.

Kita berharap terdapat penyertaan-penyertaan oleh mereka yang berkenaan di dalam pameran-pameran dan pertunjukan-pertunjukan pelancongan serta di dalam penganjuran seminar-seminar dan bengkel-bengkel yang raempunyai penyertaan asing kerana dengan adanya penyertaan seperti ini, maka lebih ramai lagilah pelancong-pelancong datang ke negara kita.

**Tuan Haji Shuib bin Haji Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan meraberi tahu berapa ramaikah rakyat Malaysia ini yang pergi ke Thailand dan berapa ramai pula rakyat Thailand yang datang ke Malaysia?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan. tadi bilangan orang Thailand datang kemari bagi tahun 1993 daripada 6.5 juta kepada 7.2 juta iaitu lebih kurang 455,000 orang. Ini mengikut definisi World Tourism Organisation. Ertinya mereka yang tinggal di sini lebih daripada sehari.

Bagi orang Malaysia ke Thailand, sebenarnya saya tidak ada angka oleh sebab ini bukannya di bawah tugas Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Kementerian ini hanya menggalakkan orang datang ke Malaysia. Dalam pada itu saya yakin pelancong-pelancong Thailand berjumlah lebih kurang 5 juta setahun. Sebahagian besarnya adalah datangnya daripada Malaysia. Begitu juga Singapura, sebahagian besar pelancong-pelancong datangnya daripada Malaysia. Sebahagian besar daripada pelancong-pelancong ke Kanada datangnya daripada Amerika Syarikat. Memang biasanya pelancong yang dekat itu yang ramai. Sebab itu sebahagian besar daripada pelancong Malaysia datangnya daripada Singapura. Mengenai apa orang Malaysia buat di Thailand, itu saya tidak tahu.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya

ingin tahu setakat mana popularity, dengan izin, ecotourism sebagai satu produk pelancongan di kalangan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan apakah langkah-langkah yang khusus diambil oleh kementerian, mungkin bersama-saraa kementerian lain seperti Kementerian Alam Sekitar untuk memelihara alam sekitar di tempat-tempat di mana ecotourism ini ditawarkan?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, ecotourism atau agrotourism dari segi Malaysia sebenarnya merupakan aspek-aspek tourism yang baru berkembang. , Naraua demikian, popularitinya begitu cepat sekali meningkat. Maka kita dapati sebahagian-besar "mereka dari Eropah, khususnya dari German misalnya, memang mementingkan perkara-perkara seperti ini. Tetapi pelancong-pelancong dari Singapura, dari Thailand kurang berminat perkara-perkara seperti ini.

Pelancong-pelancong dari Jepun misalnya, mereka lebih suka shopping, lebih suka tempat-tempat hiburan. Jadi, berbeza di antara satu pelancong dengan satu pelancong yang lain. Bagi orang Amerika, orang German, orang Belanda memang lebih pentingkan kepada ecotourism, lebih penting kepada agrotourism. Oleh sebab perkara ini penting, memang kita berusaha bukan sahaja dengan Kementerian Alara Sekitar tetapi juga dengan badan-badan lain yang ada kaitan dengan ekologi ini dan kita membuat kerjasama dengan mereka supaya galakan pelancongan dari aspek ini dapat kita pertingkatkan.

## BANTUAN MAKANAN KEPADA MANGSA BANJIR DI PANTAI TIMUR

**3. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Penerangan menyatakan. selaku Pengerusi jawatankusa Bencana Alam Negara mengenai:

- (a) apakah yang dibuat ke atas barang makanan seperti beras, gula dan sardin yang telah dibeli pada tahun lepas untuk memberi bantuan makanan kepada mangsa banjir setelah banjir tidak melanda di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan. yang diperuntukkan untuk membeli barangan keperluan tersebut untuk menghadapi banjir pada tahun 1994 ini.

**Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa pada tahun 1993 banjir tidak melanda negeri-negeri di Pantai Timur adalah tidak tepat. Sebaliknya bencana banjir tahun lalu telah mengorbankan seramai 29 nyawa, manakala sejumlah 21,492 orang mangsa banjir di negeri-negeri Pantai Timur terpaksa dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan banjir. Dengan sebab itu kesemua bahan-bahan makanan yang diperuntukkan bagl bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan dan di Johor telah habis digunakan manakala lebih bahan-bahan makanan untuk mangsa banjir di Terengganu telah diagih-agihkan kepada rakyat termiskin di negeri tersebut.

Di Pahang, lebih stok tersebut telah dilelong dan hasil jualan sebanyak RM7.344 telah dimasukkan ke dalam Tabung Malapetaka Negeri Pahang.

(b) Pada tahun 1994 jumlah peruntukan bagi membeli barang-barang keperluan banjir adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Peruntukan</b>
Kelantan	RM300.000
Terengganu	RM83.000
Johor	RM3.6 juta
Pahang	RM1.6 juta

Terima kasih.

**Puan Hajah Habshah binti Haji Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Penerangan, kenapakah kementerian ini pula dijadikan sebagai Jawatankuasa Bencana Alam?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kenapa Menteri Penerangan dipilih sebagai Pengerusi Bencana Alam Kebangsaan ialah disebabkan daripada segi penghebahan maklumat pada masa-masa tertentu yang memerlukan maklumat kepada orang ramai apabila berlakunya banjir pada satu-satu masa ataupun pada satu-satu ketika. Sekian, terima kasih.

**PASPORT MALAYSIA - KEMUDAHAN BAGI MENDAPATKAN  
PASPORT BARD/GANTIAN DI LUAR KEGARA**

4. **Puan Kian Sit Har** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah bantuan-bantuan dan kemudahan diberi kepada mereka yang mempunyai Pasport Malaysia tetapi hilang semasa berada di negara asing/tamat tempoh dan apakah bantuan diberi oleh kementerian untuk mendapatkan pasport baru dan membantu raereka yang berkenaan pulang ke Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Kegeri [Tuan Oag Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, warganegara Malaysia yang berada di luar negara yang pasport mereka tamat tempoh sahlakunya boleh memohon

melanjutkan tempoh sahlaku pasport berkenaan di mana-mana Pejabat Perwakilan Malaysia Luar Negeri. Bagi kes kehilangan pasport, Pejabat Perwakilan Malaysia akan mengeluarkan "Sijil Perakuan Cemas' untuk membolehkan seseorang warganegara pulang ke Malaysia. Selepas itu mereka bolehlah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan pasport baru ataupun pasport gantian di Jabatan Imigresen.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk mendapatkan satu pasport gantian?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen telah menetapkan peraturan-peraturan yang tertentu untuk menentukan sesuatu kehilangan pasport itu di bawah keadaan mana akan diganti dengan senang dan di bawah keadaan mana tidak akan diganti dengan senang. Antara contohnya, kalau seseorang itu hilang pasport di luar daripada kawalannya, umpamanya bencana alam, kena curi, kena rompak atau sesuatu yang memang tidak boleh mereka kawal tnaka selepas disiasat dau terbukti, Jabatan Imigresen akan menggantikan pasport itu dengan serta-merta. Tetapi bagi mereka yang hilang pasport secara sengaja seperti menjual pasport atau mendepositkan pasport itu dengan agensi-agensi yang lain ataupun menggunakan pasport itu untuk tujuan-tujuan yang lain, maka ini Jabatan Imigresen tidak akan mengeluarkan pasport dengan senang bahkan mereka akan dikenakan tangguhan pengeluaran pasport untuk satu tempoh yang memadai.

Bagi mereka yang hilang pasport kerana menyimpan di tempat yang tidak selamat ataupun tercicir, juga akan dikenakan penangguhan kerana mereka tidak menjaga pasport itu secara berhati-hati.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah aktiviti-aktiviti penjualan pasport Malaysia hebat dan apakah harga pasaran pasport Malaysia?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya seseorang itu menjual pasport mereka tidak akan mengakuinya walaupun kadang-kadang disyaki oleh pihak Imigresen ataupun pihak Polis tetapi pemegang pasport itu tetap tidak akan mengakui, tetapi pihak Jabatan Imigresen dan Polis tahu. Ada di antara mereka misalnya, mereka berada di Jepun ataupun di negeri yang lain untuk pergi bekerja tanpa lain, sampai satu ketika bila mereka hendakkan wang yang banyak, mereka akan menjualkan pasport.

Saya diberi tahu secara tidak rasmi bahawa Pasport Malaysia kadang-kadang boleh dijual sehingga RM15,000 atau RM20,000 kerana pasport Malaysia itu boleh digunakan oleh banyak nationality. Orang Taiwan, orang Republik Rakyat China, orang India, orang Indonesia dan orang Hong Kong suka kepada Pasport Malaysia dan semua mereka ini boleh menggunakannya. Maka itulah sebabnya harga pasport Malaysia bernilai dan itulah sebabnya Jabatan Imigresen terpaksa mengawal dengan teliti supaya semua rakyat Malaysia menyimpan pasport dengan berhati-hati.

**JAMBATAN SUNGAI RAJANG DI DURIN - PEMBINAAN**

5. **Tuan Janggu Anak Banyang** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kajian mengenai cadangan jambatan menyeberangi Sungai Rajang di Durin sudah siap dan jikalau sudah, bilakah ianya akan dimulakan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian kemungkinan bagi cadangan jambatan Sungai Rajang telah pun siap pada bulan November 1994. Buat masa ini kerja-kerja rekabentuk terperinci sedang dijalankan sehingga ke peringkat penyediaan dokumen tender yang dijangkakan siap pada penghujung tahun 1995.

Tender untuk pembinaan dijangka dipanggil pada awal tahun 1996 apabila peruntukan diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

**KESATUAN SEKERJA - MENGAWAL AKTIVITI**

6. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah-langkah kementerian tersebut untuk mengawasi tindakan-tindakan pemimpin 'kesatuan sekerja yang melampaui batas di dalam mengkritik usaha-usaha kerajaan di atas isu-isu sumber manusia. Tidak dapat dinafikan mesyuarat tahunan International Labour Organisation di Geneva menjadi tempat untuk mengkritik dan mengecam dasar-dasar Kerajaan Malaysia. Kementerian perlu mengawasi dan mengawal secara teliti aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja dan sebahagian daripada pemimpin yang tidak bertanggungjawab. Pihak kementerian harus mengambil langkah-langkah pencegahan dan tindakati awal bagi mengatasi sikap-sikap pemimpin kesatuan sekerja yang tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar dan memberi perhatian yang serius terhadap tindakan-tindakan pemimpin kesatuan sekerja yang mengkritik dan mengancam dasar-dasar kerajaan, khususnya semasa mereka menghadiri Persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di

Geneva. Sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan demokrasi dan menghormati hak-hak kesatuan sekerja di dalam dan di luar negara, kerajaan tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan ke atas pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang terbabit pada masa ini, selagi tindakan mereka itu tidak menjejaskan kepentingan negara seperti keselamatan dan ekonomi negara.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila Yang Berhormat Menteri beri jawapan bahawa kita sebagai sebuah negara demokrasi tidak boleh mengambil tindakan yang agak tegas sedikit, iaitu membawa mereka ke muka pengadilan ataupun buat tanaman. Tetapi isu-isu yang dibangkitkan di luar negara itu bukan isu yang dibangkitkan oleh ahli-ahli, tetapi isu individu. Jadi, apakah itu dinamakan demokrasi yang diamalkan oleh kesatuan-kesatuan sekerja ini. Jadi, kenapa kerajaan tidak boleh mengambil tindakan tegas dalam masalah ini?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sudah terangkan tadi, kerajaan kita dinamakan demokrasi dan menghormati hak-hak kesatuan sekerja, sebab itu kerajaan tidak mahu ambil apa tindakan.

#### OPERASI TEMPAT LETAK KERETA - KAWALAN

7. **Dato' Soong Siew Hoong** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah, jika ada, undang-undang dan peraturan-peraturan kerajaan mengenai kegunaan dan operasi tempat letak kereta di atas tanah terbuka hakmilik pihak swasta dan Kerajaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
- (b) jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sememangnya terdapat undang-undang yang digubal khusus bagi tujuan pengendalian tempat-tempat letak kereta, baik di atas tanah persendirian mahupun di atas tanah Kerajaan. Undang-undang yang berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Undang-undang Kecil Pelesenan (Tempat Letak Kereta Persendirian) Wilayah Persekutuan, 1982;
- (ii) Undang-undang kecil ini dibuat menurut seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang mana ianya menggariskan peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh mana-mana pihak atau individu yang ingin menjalankan perniagaan terapat letak kereta di atas tanah-tanah terbuka milik. persendirian;
- (iii) Perintah Lalu-lintas Jalan (peruntukan Tempat Letak Kereta) tbu Kota 1969; dan
- (iv) Perintah Lalu-Lintas Jalan (.Letak Kereta Bermeter) Wilayah Persekutuan, 1984.

Kedua-dua perintah tersebut dibuat menurut seksyen 72(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan memberi kuasa kepada pihak berkuasa berkenaan atau badan awam untuk mengadakan tempat letak kereta yang sesuai bagi kenderaan-kenderaan.

#### RUMAH KOS RENDAH - PENYEDIAAN RUANG YANG SELESA

8. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan keadaan kedudukan rumah kos rendah adakah lebih baik dan selesa daripada dahulu. Sekiranya boleh rumah tersebut ada ruangan yang cukup untuk keluarga bagi mengelakkan anak-anak remaja keluar mengikut budaya lepak.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan]:** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan rumah kos rendah sememangnya adalah lebih baik dan lebih selesa mengikut piawaian pembinaan yang munasabah, mengambil kira keselamatan dan keselesaan penghuninya. Semenjak diperkenalkan program TAKR, bermula dalam Rancangan Malaysia Keempat, piawaian minimum untuk rumah kos rendah yang dipatuhi adalah ditetapkan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha sentiasa dibuat untuk memperbaiki rekabentuk rumah TAKR mengikut teknologi perumahan yang ada dari semasa ke semasa. Ruang tetamu dan bilik-bilik memang disediakan seperti dinyatakan dalam spesifikasi-spesifikasi ini terlalu detail, jadi, saya rasa tidak perlu mendetailkannya.

Di samping itu, kerajaan juga berikhtiar mengadakan kemudahan bagi keperluan sosial dan rekreasi di tempat awam di semua kawasan perumahan. Ini termasuklah taman permainan dan dewan perhimpunan. Ini diberi keutamaan oleh pihak berkuasa tempatan dalam merancang pembangunan kawasan tempatan di kawasan masing-masing.

#### IV - KERJASAMA ANTARABANGSA

**9. Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah kerajaan mendapat kerjasama antarabangsa dalam mendapatkan media-letronik untuk tayangan di kaca TV terutama daripada negara-negara yang baru dan hubungan perdagangan dengan Malaysia.

**Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini RTM melaksanakan kerjasama dalam bidang penyiaran radio dan televisyen dalam bentuk pertukaran filem dan penerbitan bersama dengan Indonesia. Manakala dengan Brunei Darussalam pula hanya merupakan rancangan radio, manakala dengan Singapura, pertukaran rancangan bersama tahunan yang diadakan setiap tahun antara RTM dan SBC.

**PROJEK TERBENGKALAI - JUMLAH**

**10. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa banyak lagi projek-projek yang terbengkalai yang masih tidak dipulihkan dan berapakah jumlah harganya; dan
- (b) bilakah projek-projek yang masih terbengkalai itu akan diselesaikan dan di manakah projek-projek yang berkeadaan sedemikian.

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah projek perumahan yang masih terbengkalai di dalam proses pemulihan, sebagaimana yang ada dalam rekod kementerian ini adalah 90 projek dan melibatkan kewangan sebanyak lebih kurang RM920 juta.
- (b) Bilakah projek-projek tersebut dapat dipulihkan bergantung kepada beberapa perkara seperti bilakah projek telah dikenal pasti dan setakat manakah tahap pembangunannya. Tempoh masa untuk dipulihkan berbeza dari projek ke projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek perumahan yang terbengkalai terdapat di semua negeri di Semenanjung, dan kedudukan projek mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan rumah terbengkalai</b>
Perlis	4
Kedah	6
Pulau Pinang	9
Perak	11
Selangor	15

Wilayah Persekutuan	3
Negeri Sembilan	9
Melaka	2
Johor	9
Kelantan	6
Terengganu	6
Pahang	10

PEKBALAKAN HARAM - LANGKAH MEMBANTERAS

11. **Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Perusahaan Utama raenyatakan;

- (a) adadah kegiatan pembalakan haram berleluasa di negara kita;
- (b) apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan oagi menakutkan pembalakan haram; dan
- (c) cara apakah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengesan dan membanteras kegiatan pembalakan haram.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi-pihak Kementerian Perusahaan Utama.

Sejak penerimaan pakai Akta Perhutanan Negara 1994 (Pindaan) 1993, jumlah kes pembalakan haram di Semenanjung Malaysia telah berkurangan. Dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini kejadian pembalakan haram telah menurun dari 512 pada tahun 1991 kepada 72 kes sahaja dari Januari-September tahun ini.

Mengikut rekod Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi tempoh tahun 1991 hingga sekarang terdapat 970 kes pembalakan haram yang dikesan dan telah diambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang yang berkenaan. Pecahan kes mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kes</b>
1991	512 Kes
1992	191 Kes
1993	195 kes
1994	72 kes

Di Sabah memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga kerja pembalakan haram tetapi kegiatan tersebut tidaklah berleluasa dan adalah terkawal, manakala di Sarawak pula kegiatan pembalakan haram setakat ini adalah masih di tahap yang kecil dan dalam keadaan terkawal. Kebanyakan pembalakan haram di negeri tersebut dibuat oleh penduduk tempatan itu sendiri pada kadar yang kecil.

- (b) Bagi menakutkan pembalok haram di Semenanjung, kerajaan telah menguatkuasakan Akta Perhutanan Negara, 1984 (Piridaan) 1993 dengan peruntukan-peruntukan baru yang lebih ketat termasuk menaikkan denda maksimum sebanyak 50 kali ganda iaitu dari RM10,000 kepada RM500,000 dan mengenakan hukuman penjara mandatori 1 tahun kepada pesalah. Kerajaan negeri Sabah pula, sentiasa prihatian terhadap golongan yang tidak bertanggungjawab ini yang melakukan kegiatan pembalokan haram.

Antara langkah yang diambil untuk menakutkan golongan seperti ini ialah dengan menggubal Enakmen Perhutanan "1968 dengan memberi penekanan kepada penalti yang sepatutnya dikenakan- Manakala di Sarawak, negeri Sarawak telah merabuat pindaan kepada Ordinan Perhutanan dengan menambah jumlah penalti terhadap pembalok dan pengeksport haram.

Penalti untuk pembalok ataupun pengeksport haram pada masa sekarang ialah hukuman penjara mandatori selama 1 tahun dan denda 10 kali nilai kayu balok yang dipotong.

- (c) Antara langkah yang diambil untuk mengesan dan membanteras kegiatan pembalokan haram di Semenanjung ialah melalui kerjasama yang erat antara Jabatan Perhutanan di Semenanjung Malaysia dan pihak polis dalam mempertingkatkan lagi penguatkuasaan dan memerangkap pesalah serta langkah meningkatkan semakan di atas tanah serta menggunakan helikopter di dalam rondaan penguatkuasaan telah memberi kesan positif..

Di Sabah, antara langkah yang diambil ialah dengan membuat rondaan darat dan udara dari masa ke semasa, menubuhkan pusat-pusat kawalan di tempat yang strategik, menubuhkan unit pengesanan khas dan mempergiatkan lagi aktiviti perondaan dan pengendalian sempadan hutan simpan.

Di Sarawak, kerajaan negeri telah menubuhkan satu unit penguatkuasaan khas, untuk mengendalikan segala urusan mengenai pembalakan dan pengeksport haram. Pihak jabatan juga menggunakan khidmat helikopter untuk membuat pengawasan dari udara dan akan mengatur dengan cepat pegawai-pegawai ke tempat-tempat yang terdapat aktiviti pembalakan haram apabila-dikesan oleh pihak-pihak yang berkuasa.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah lori-lori dilarang mengangkut kayu balak pada waktu malam dan apakah tindakan telah di ambil terhadap aktiviti tersebut?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini secara bertulis.

#### KERETA NASIONAL - JUMLAH EKSPORT

12. **Tuan Chong Chi. Siong** minta menteri Perdagangan -Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) bilangan kereta nasional yang dieksport pada tahun 1993 dan 1994. Sebutkan negara-negara yang berkenaan; dan
- (b) berapa buah syarikat Kereta asing yang minat usahasama dengan syarikat tempatan untuk membuat kereta tempatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S.Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Syarikat Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) telah mula mengeksport kereta-kereta "keluaranya sejak 'tahun 1986 lagi. Pada tahun 1993, jumlah kereta yang

dieksport telah mencapai 20,269 unit. Sehingga bulan Nowember, 1994 atau untuk 11 bulan bagi tahun 1994, jumlah kereta nasional yang dieskport ialah sebanyak 13,962 unit. Pasaran eksport terbesar kereta Proton ialah United Kingdom/Eire, Singapura, Perancis, Chile, Belgiura dan Brunei Darussalam.

- (b) Bagi kereta penumpang terdapat banyak pihak yang menunjukkan minatnya untuk bekerjasama dengan syarikat tempatan untuk mengeluarkan kereta tempatan. Bagi Proton Bhd., sehingga kini ia telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan 2 buah syarikat kereta asing iaitu syarikat Citroen dari Perancis dan Rover Group Ltd. dari United Kingdom. Memorandum dengan Citroen adalah bagi pengeluaran model baru kereta Proton berdasarkan kepada model kereta Citroen termasuk menggunakan enjin diesel. Manakala bagi projek dengan Rover Group Ltd. pula ianya bertujuan untuk meneliti potensi perniagaan dan usahasama teknikal di bidang pembangunan dan pengeluaran enjin bagi kenderaan pacuan empat roda (four-wheel drive), dengan izin.

Selain dari itu, bagi kenderaan perdagangan, PERODUA Sdn. Bhd. sedang meneliti cadangan projek pengeluaran van dengan syarikat Daihatsu dari Jepun. Syarikat Industri Otomotif Komersil (M) Sdn. Bhd. (INOKOM) pula sedang melaksanakan projek untuk mengeluarkan trak satu tan dengan kerjasama syarikat Hyundai dari Korea Selatan. Untuk pengeluaran bas berlantai rendah (low deck buses), syarikat kumpulan UMW berusahasama dengan syarikat Dennis Speciality Ltd. dari United Kingdom bagi projek tersebut. Kumpulan HICOM Bhd. pula akan menghasilkan trak dengan muatan 3 tan hingga 5 tan melalui ikatan perjanjian teknologi dengan kumpulan TATA, India.

**Tuan Chong Chi Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih dengan jawapan tadi, saya cuma hendak bertanya, adakah Kementerian sedar, setakat ini bilangan kereta nasional yang dieksport: cukup hebat, tetapi rakyat Malaysia tidak dapat membeli kereta nasional semasa. Jadi, selalu kena tunggu selama 2 atau 3 bulan. Ada juga sungutan yang berbunyi "hendak membayar komisen luar biasa". Jadi, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah ini?

**Datuk S.S.Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kereta Proton klca baharu sahaja menjadi kereta yang begitu popular dan kita boleh lihat pihak Proton dan pihak Perodua sedang mengambil tindakan untuk membesarkan kilang-kilang mereka untuk mengeluarkan lebih banyak kereta untuk meraenuhi tempahan, bukan sahaja dari dalam negeri tetapi juga dari luar negeri.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, adakah eksport subsidi diberikan bagi mempesatkan eksport Proton ke negara-negara lain, kalau ada berapa peratus subsidi ini dan untuk berapa lagi lama subsidi eksport ini akan diberikan?

**Datuk S.S. Subrmaniam:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa subsidi yang sedang diberi kepada Proton untuk penjualan di luar negeri.

#### PUNGUTAN CUKAI JABATAN HASIL DALAM NEGERI - JUMLAH

13. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah cukai yang dapat dipungut oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dari tahun 1992 - 1993 dan akhir 1994.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Hasil Dalam Negeri mengutip 5 jenis cukai utama. Pertama, cukai pendapatan; kedua, cukai petroleum; ketiga, lain-lain cukai pendapatan; keempat, duti setem dan kelima, cukai keuntungan harta tanah.

Daripada jumlah hasil dikutip oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, kira-kira 70% adalah merupakan cukai pendapatan dan daripada jumlah kutipan cukai pendapatan, kira-kira satu pertiga daripada jumlahnya adalah merupakan cukai individu manakala dua pertiga merupakan cukai pendapatan yang dikutip daripada syarikat-syarikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah cukai yang celah dipungut oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri pada tahun 1992 ialah RM18.4 ribu juta, 1993 - RM17.1 ribu juta dan daripada Januari hingga November tahun ini kira-kira RM19,000,000.

Dari segi kadar pertumbuhan, tahun 1993 mencatatkan kenaikan sebanyak 10.8% berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagi tahun ini kita dapati kutipan dari Januari hingga November - kutipan untuk 11 bulan tahun ini, telah pun melebihi 3% anggaran yang kita jangka di kutip daripada Januari hingga September tahun ini - untuk 12 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun ini kita jangka dapat mengutip RM20.2 ribu juta. Ini adalah hasil yang dijangka dikutip oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Jika angka RM20.2 ribu juta ini tercapai, maka ini merupakan kira-kira 18% kenaikan berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu tahun 1993.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, peratusan (percentage) hasil negara yang dikutip oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi tahun 1992 ialah 39.2% dan tahun 1993 kira-kira 40.9% daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan adalah dikutip oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar bahawa terdapat agen-agen insurans individu yang berpendapatan antara RM12,000 hingga RM18,000 sebulan, di mana mereka ini tidak membuat pembayaran hasil kepada kerajaan? Adakah mereka ini termasuk di kalangan orang yang patut membayar cukai pendapatan? Adakah juga terdapat kalangan-kalangan lain yang melarikan diri daripada membayar cukai?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Memang kerajaan sedar ada pihak ataupun golongan tertentu yang cuba melarikan diri dari cukai. Ini adalah perkara yang lazim, sebagai manusia, tidak ada sesiapa yang sanggup membayar cukai, ataupun kalau sanggup, tidak sanggup membayar sepenuhnya. Perkara biasa berlaku dalam pelarian membayar cukai, tetapi Jabatan Hasil Dalam Negeri sentiasa mengesan perkara ini dari semasa kesemasa bagi memastikan mereka yang sepatutnya membayar cukai, menunaikan tanggungjawab mereka.

Jika agen insurans ini pendapatan mereka RM12,000 hingga RM18,000 sebulan, maka mereka sepatutnya membayar cukai pendapatan dan kalau ada kes-kes tertentu yang dirujuk kepada kita, kita akan menyiasat.

Secara umumnya, Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah cekap dalam tindakannya dan jika ada maklumat daripada orang ramai tentang kes-kes - pelarian cukai ataupun mereka yang tidak membayar cukai sepenuhnya dirujuk kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri maka, insya Allah, mereka akan mengambil tindakan sewajarnya.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah Jabatan Hasil Dalam Negeri membuat anggaran tentang betapa besarnya saiz ekonomi hitam ataupun saiz ekonomi di bawah tanah, apa yang disebutkan dalam bahasa Inggeris sebagai "the black economy and the underground economy" yang terdiri daripada mereka yang walaupun patut membayar cukai pendapatan tetapi tidak kerana hasil mereka tidak dapat dikesani, Saya ingin tahu sahaja berapa besarnya saiz ekonomi hitam itu? Adakan apa-apa anggaran dibuat?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada anggaran tentang saiz black atau underground economy ini. Kita tahu bahawa ia wujud akhir-akhir ini. Pendapatan yang diperolehi daripada bookies umpamanya yang terlibat dalam perjudian menetapkan result ataupun keputusan permainan bola sepak mengikut laporan akhbar, mereka mendapat pendapatan yang lumayan. Secara ringkasnya, Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak ada membuat anggaran tentang saiz ekonomi hitam ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ranim bin Baba.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 14.

**INFLASI - KESAN KENAIKAN KADAR UPAH**

14. **Hajah Zaleha binti Hussin [di bawah S.0.23(2)]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah pihak kementerian sedar bahawa kenaikan kadar upah telah mengatasi kenaikan kadar produktiviti para pekerja di mana bagi bulan Januari-Julai 1994 ianya telah meningkat 6.7% dan keadaan ini akan mengakibatkan inflasi berlaku. Apakah garis panduan yang diberikan oleh pihak kementerian kepada majikan-majikan dalam menentukan kenaikan gaji para pekerja agar majikan tidak menaikkan gaji dengan sesuka hati yang akhirnya akan menjejaskan usaha kerajaan untuk merabendung dan mencegah inflasi.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, keadaan pasaran buruh yang ketat telah menyebabkan kos tenaga buruh mengatasi kenaikan kadar produktiviti.. Dasar Buruh Negara telah menggariskan supaya penentuan upah mengandungi kira pertumbuhan syarikat/industri dan produktiviti buruh.

Untuk mengurangkan kadar peningkatan kos tenaga buruh melebihi kos pengeluaran, Kementerian Sumber Manusia menggalakkan pelaksanaan sistem upah yang fleksibel di samping memastikan kenaikan kadar upah selaras dengan peningkatan produktiviti buruh serta mewujudkan sistem upah yang peka dan responsif kepada keadaan pasaran yang berubah. Untuk mencapai matlamat ini, kementerian saya telah:-

- (i) mengatur program untuk melengkapkan pegawai-pegawai Jabatan Perhubungan Perusahaan dengan pengetahuan mengenai konsep dan sistem upah fleksibel bagi membolehkan mereka memandu majikan/kesatuan sekerja melaksanakan sistem

- upah fleksi;
- (ii) menggalakkan majikan dan kesatuan sekerja memasukkan komponen-korapponen upah yang fleksibel semasa merundingkan perjanjian bersama;
  - (iii) mengenal pasti pihak industri yang mempunyai sikap terbuka terhadap konsep sistem upah fleksi dan menggalakkan mereka memperkenalkan sistem upah fleksi di dalam perjanjian bersama; dan
  - (iv) mempergiatkan usaha promosi konsep upah fleksi melalui kajian, ceramah, bengkel, seminar dan lain-lain majlis yang melibatkan majikan dan kesatuan sekerja.

**PROGRAM RAKAN MUDA - JUMLAH PERUNTUKAN**

15. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah ringgit yang telah diperuntukkan untuk Program Rakan Muda;
  - (b) apakah projek pembinaan atau program tertentu yang telah dirancang untuk menjayakan Program Rakan Muda; dan
  - (c) Pertubuhan Belia mana yang layak memohon peruntukan tersebut dan apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan peruntukan itu tidak disalah guna.

**Dato' Ismail bia Said:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program Rakan Muda merupakan satu perkara baru bagi Kementerian Belia dan Sukan bagi tahun 1994. Oleh yang

demikian, peruntukan khas bagi pelaksanaan program berkenaan telah tidak disediakan di bawah anggaran asal Perbelanjaan Mengurus Kementerian bagi tahun 1994. Walau bagaimanapun, setelah kerajaan meluluskan pelaksanaan program berkenaan, peruntukan tambahan sebanyak RM6.9 juta telah pun diluluskan khas untuk membolehkan Kementerian melaksanakan berbagai aktiviti di bawah program berkenaan pada tahun 1994. Bagi tahun 1995 pula, sejumlah RM15.69 juta telah diperuntukkan khas untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti di bawah Program Rakan Muda. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa Kementerian masih dalam usaha melancarkan aktiviti-aktiviti yang tertentu bagi menjayakan program berkenaan, maka sekiranya peruntukan yang disediakan itu tidak mencukupi, Kementerian akan berusaha untuk memohon peruntukan tambahan kepada pihak Perbendaharaan.

- (b) Bagi menjayakan program Rakan Muda, tumpuan Kementerian Belia dan Sukan akan diuruskan kepada dua pendekatan. Pendekatan pertama ialah pembinaan Institut Kemahiran Belia Negara yang akan dibina di setiap negeri sebagai tambahan Kepada pusat-pusat latihan yang sedia ada. Ini adalah penting memandangkan salah satu ciri yang penting dalam Rakan Muda ialah untuk melahirkan sebanyak yang mungkin belia yang berkemahiran selaras dengan kehendak

tenaga mahir yang diperlukan negara menjelang tahun 2020. Pendekatan kedua bagi menjayakan program Rakan Muda ialah pembinaan pusat-pusat Rakan Muda di setiap daerah di negara ini. Pembinaan pusat-pusat ini adalah dibuat melalui dua cara. Satu, ialah dengan menaikkan kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti padang bola, gelanggang takraw, gelanggang silat dan kemudahan-kemudahan lain. Yang keduanya adalah dengan cara membina baru pusat-pusat Rakan Muda di mana di dalamnya didirikan komponen-komponen -yang berkait rapat dengan 10 gaya hidup yang mencakupi elemen sukan, seni mempertahankan diri, kecintaan pada alam, seni budaya, reka cipta, kemaniran, kecergasan, kemasyarakatan, rekreasi dan juga Briged Rakan Muda.

- (c) Pertubuhan-pertubuhan yang dapat turut merancang dan mampu melaksanakan mana-mana gaya hidup Rakan Muda akan dipertimbangkan untuk " diberi sumbangan peruntukan, Peruntukan akan disalurkan kepada persatuan dengan syarat mereka mengemukakan kertas kerja terperinci berkenaan program yang akan dilaksanakan dan laporan maklum balas dan penilaian keberkesanan program selepas pelaksanaan satu-satu program.

**Dato' Shahiruddin bin Ab. Moin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen,

banyak peruntukan-peruntukan untuk melaksanakan Program Rakan Muda, Bagi saya, di seluruh negara, seluruh daerah terdapat Majlis Belia-belia Daerah yang boleh memainkan peranan utama dalam menjayakan program ini. Soalannya, kenapakah pihak kementerian tidak langsung memberikan perhatian dari segi Kewangan kepada Majlis-majlis Belia Daerah untuk menggerakkan kegiatan belia di seluruh daerah dan negara ini?

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar pada satu ketika oleh kerana Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai kewangan yang cukup terutama sekali di bawah Belanja Mengurus untuk memberi bantuan kepada persatuan-persatuan belia di semua peringkat, termasuklah Majlis Belia Daerah sebab itulah kementerian tidak dapat memberi bantuan yang secukupnya kepada Majlis Belia Daerah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Tetapi walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, mulai pada tahun 1995 iaitu tahun hadapan, di bawah Program Rakan Muda ini mana-mana Majlis Belia Daerah ataupun persatuan belia yang ada program yang khusus di bawah Rakan Muda, insya Allah, peruntukan akan kita salurkan dengan sewajarnya.

**Tuan Shuib bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, Rakan Muda saya cadangkan banyak hendak dibuat di daerah-daerah. Tiap-tiap daerah ada satu kompleks ataupun tempat. Tetapi bagaimana pula belia-belie yang tinggal jauh di pedalaman di kampung-kampung? Di mana mereka hendak pergi main? Di mana mereka hendak mengambil bahagian? Kalau

hendak datang ke daerah, tambang, belanja yang banyak. Apakah rancangan atau cadangan untuk membantu terus ke kampung-kampung atau desa-desa?

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, jangkauan Rakan Muda biar sampai ke akar umbi iaitu ke kampung-kampung di seluruh pelusuk negara. Sungguhpun ia jauh dari pusat daerah, Rakan Muda insya Allah akan sampai ke tempat mereka asalkan mereka ini ada program yang khusus untuk dilaksanakan. Misalnya kalau kampung yang berkenaan tinggal terpencil dan ada program untuk seni mempertahankan diri, untuk membina gelanggang silat, insya Allah, Rakan Muda akan sampai ke tempat mereka.

**ORANG ASLI - PENINGKATAN TARAF SOSIO-EKONOMI**

16. **Tuan Itam Wali biu Nawan** minta Menteri Perpaduan Negara dan Perabangunan Masyarakat memandangkan Rancangan Malaysia Kedua hingga Rancangan Malaysia Keenam pertumbuhan ekonomi Orang Asli didapati amat perlahan dan untuk mempercepatkan pencapaian mereka, adakah pihak kementerian bercadang memperkenalkan dan menggunakan konsep penswastaaan terhadap projek-projek perabangunan sosio-ekonomi masyarakat ini di masa akan datang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang bercadang memperkenalkan dan menggunakan konsep penswastaaan terhadap projek pembangunan yang dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli di masa akan datang.

Walau bagaimanapun, adalan diingatkan bahawa adalan penting bagi Orang Asli untuk mempertingkatkan taraf pendidikan supaya peningkatan taraf ekonomi akan diiring dengan peningkatan mutu kehidupan.

**BANTUAN PEMBIAYAAN PEMBEDAHAN KEPADA PESAKIT MISKIN**

17. **Tuan K. Vijayanathan** uiinta Menteri Kesihatan menyatakan, memandangkan kepada angka pesakit-pesakit daripada keluarga miskin yang memerlukan bantuan bagi penyakit di antara yang mana seumpamanya pembedahan buah pinggang (kidney cransplantsj dan pembedahan jantung, yang mana telan buat rayuan melalui media untuk bantuan dan memandangkan kepada faktor bahawa seharusnya hendaklah ada suatu masyarakat penyayang, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk membantu kes-kes ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Mohd. Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang prihatin dan sedar terhadap golongan miskin dan yang berpendapatan rendah yang perlu mendapat rawatan pembedahan seperti pembedahan pemindahan buah pinggang (kidney transplants), pembedahan jantung (neart operation) tidak termasuk heart transplant, dengan izin di hospital kerajaan ataupun di IJN.

Seperti pesakit lain juga, pesakit yang memerlukan pembedahan yang elective, dengan izin, pemindahan buan pinggang perlu diperiksa dahulu untuk pembedahan tersebut. Setelah memenuhi kriteria tersebut, pesakit yang tidak mampu akan dibiayai oleh kerajaan melalui satu sistem yang telah pun kita tubuhkan supaya orang yang boleh membayar perlu membayar dan orang yang tidak boleh membayar tidak perlu membayar. Sebab ada orang yang boleh membayar tetapi tidak mahu membayar. The able but not wanting to pay, dengan izin. Sebab kita perlu melakukan ini oleh kerana pembiayaan untuk pembedahan tersebut adalah tinggi. Setakat ini subsidi yang telah dikeluarkan oleh kerajaan juga bertambah tiap-tiap tahun.

Di Institut Jantung Negara (IJN), di mana kerajaan membiayai pesakit yang miskin juga memerlukan seseorang itu melalui satu sistem yang bernama 'means test' ataupun ujian keupayaan pembayaran. Walau bagaimanapun, pesakit berkenaan perlu diperiksa dan ditemuduga dahulu sebelum dia dihantar ke hospital tersebut oleh hospital kerajaan. Jadi, kalau sekiranya Yang Berhormat ada pengikut-pengikut Yang Berhormat yang memerlukannya, perlu rujuk dahulu di hospital tempatan, barulah boleh dirujuk kepada IJN selepas itu. Tidak boleh masuk terus ke IJN. Mereka akan disifatkan sebagai private patients kalau mereka pergi terus dan kita tidak akan beri subsidi kalau mereka pergi terus sebab mereka bercadang, hendak melangkah queue.

Selain daripada IJN, Kementerian Kesihatan telah juga merancang untuk menyediakan perkhidmatan pembedahan jantung di Pulau Pinang iaitu di Hospital Pulau Pinang yang akan beroperasi pada penghujung tahun ini. Doktor sudah pun dinantar, peruntukan cukup sedia dan insya Allah pada awal tahun depan ataupun akhir tahun ini, tinggal beberapa hari lagi, the first operation ini Penang shall be conducted, dengan izin. Kemudian di Johor.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

**Tuan Abdul Rashid bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara yang disebutkan tadi ialati termasuk satu yang saya hendak soalkan iaitu masalah buah pinggang (kidney problem). Sebelum operation dibuat, kita dapati bahawa sakit buan pinggang ini bukan hanya golongan atasan tetapi banyak sekarang ini terlibat yang miskin termasuklah yang bukan di kalangan pegawai kerajaan.

Saya dapati banyak kes-kes yang kita rujuk kepada hospital didapati bahawa mereka ini tidak boleh menggunakan mesin dialisis, di mana mereka ini terpaksa merujuk kepada badan-badan tertentu untuk mendapatkan bantuan segera bagi menggunakan mesin dialisis di hospital-hospital yang memerlukan wang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalannya Tuan Abdul Rashid.

**Tuan Abdul Rashid bin Ismail:** Jadi, apakah kementerian sedar bahawa masalah ini sudah pun menjadi satu masalah yang besar di kalangan pesakit-pesakit yang kurang mampu? Apakah tindakan segera yang harus diambil oleh pihak kementerian?

**Dato' Mond. Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, isu ini bukan isu baru tetapi isu lama dan kita mesti memberitahu rakyat bahawa kita mendapat satu congestion, keadaan yang agak berat, kes-kes baru yang memerlukan mesin dialisis ialah lebih kurang 1,800 tiap-tiap tahun (yang baru). Tetapi kita telah menyasat dan kita telah dapati bahawa walau banyak mana mesin kita sediakan pun tidak cukup. Oleh kerana itulah maka kita telah merabuat keputusan untuk menswastakan ini dengan faktor subsidi dimasukkan dalam proses penswastakan ini.

Oleh kerana masa diambil untuk menswastakan ataupun menjalankan penswastakan ini agak panjang sedikit, maka kita sedang menunggu walaupun keputusannya akan dibuat tidak lama lagi, menunggu cadangan-cadangan daripada syarikat-syarikat yang tertentu untuk memberi satu pendekatan di mana orang-orang yang miskin yang memerlukan dialysis machine boleh mendapat perkhidmatan tersebut.

Walau bagaimanapun, saya diberitahu - bahawa ramai daripada pesakit-pesakit ini boleh menjalankan proses di rumah sendiri melalui sistem yang dinamakan self-administered-treatment tetapi ramai daripada pesakit-pesakit enggan dilatih untuk menjalankan proses tersebut. Oleh kerana itu maka congestion ini bertambah lagi. Oleh kerana itu kita terpaksa memoeri perhatian dan keutamaan kepada pegawai kerajaan, kemudian kepada rakyat biasa yang miskin yang boleh juga mendapat bantuan daripada foundation tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

**[Masa untuk Pertanyaan Bagi Jawab Mulut telah cukup. Jawapan bagi soalan No. 18 hingga 42 akan dimasukkan ke dalam naskhah bercetak kelak]**

**RANG UNDANG-UNDANG  
RANG UNDANG-UNDANG TABUNG HAJI 1994**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

3.37 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Tabung Haji 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Mulia Profesor DiRaja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid supaya diadakan satu Perbadanan Jemaah Haji Tanah Melayu untuk mengendalikan satu cara penyimpanan wang yang senang lagi teratur bagi maksud menunaikan fardu haji telah membuka satu Lembaran sejarah yang sangat penting bukan sahaja dari aspek ekonomi tetapi juga agama Islam itu sendiri.

Sebelum penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada tahun 1963, sebilangan bakal jemaah haji terpaksa menjual harta mereka untuk mengerjakan Rukun Islam yang kelima, Tetapi apabila mereka balik dari Tanah Suci, kadangkala mereka tidak mempunyai mata pencarian lagi. Sejak itu sepanjang 32 tahun yang lalu, LUTH telah berjaya melaksanakan tugas asasnya seperti yang terkandung dalam akta penubuhannya iaitu pengurusan tabungan wang untuk uraah Islam Malaysia bagi tujuan pemergian haji serta penyediaan dan pengawalan perkhidmatan haji yang sempurna.

Di dalam memperkatakan matlamat dan perancangan masa depan, LUTH telah menerima hakikat bahawa pencapaian selama ini tidak boleh dibanggakan jika sekiranya ia tidak dapat dikekalkan dan terus ditingkatkan. Di sinilah terletak cabaran Tabung Haji. Dalam

hubungan ini, kita tidak harus lupa bahawa Tabung Haji diasaskan sebelum era Dasar Ekonomi Baru. Kini ia berhadapan dengan era Wawasan 2020. Untuk itu Tabung Haji telah mengenal pasti peranan yang sewajarnya . dimainkan untuk meningkatkan lagi prestasinya selaras dengan kehendak dan harapan umat Islam setakat pimpinan negara masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan keperluan dan kehendak semasa bagi menjadikan Tabung Haji sebagai institusi yang terunggul dalam mempertingkatkan martabat ummah di negara ini, maka undang-undang tubunnya iaitu Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1962, pindaan pada tahun 1969 perlu dipinda sekali lagi dan digantikan dengan sebuah akta baru yang lebih menghayati realiti hari ini dan menjanjikan Kesempatan dan peluang untuk lebih luas pada masa-masa akan datang.

Justeru itu, matlamat pengubahsuaian akta ini yang dibentangkan pada Dewan yang mulia pada kali ini ialah:-

- (i) untuk meminda dan memperbuatkan semula Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 bagi menyesuaikan kepada Keadaan dan perubahan semasa di negara ini;
- (ii) untuk mengukuh dan memberi nafas baru kepada perbadanan ini selaras dengan hasrat ummah dan bertepatan dengan cabaran-cabaran masa kini dan di hari muka demi untuk melengkapkannya dan membolehkannya berupaya menyumbang ke arah kebaikan dan kejayaan bersama;

- (iii) untuk menyusun daya maju dan cara tindak yang mampat serta padat di bawah lingkung rentang perundangan serta peruntukan undang-undang yang lebih licin, padat, bersepadu serta berkesinambungan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam urusan dan pengendalian haji, Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah sekian lama sejak kewujudannya dalam tahun 1963 menyumbang dan memberikan perkhidmatan yang membanggakan untuk tidak kurang dari setengah juta jemaah haji di negara ini.

Keadaan sewaktu ianya ditubuhkan sudah jauh berubah dan berbeza dengan situasi masa kini. Perbelanjaan hidup pada tahun 1960-an dan sekarang memang jauh berbeza apatah lagi jika renungan dibuat untuk 30 tahun yang akan datang.

Tidak mustahil bagi semua kos untuk menunaikan fardu haji juga akan meningkat dalam jangka masa yang sama. Justeru itu, satu kaedah baru bagi penyimpanan melalui tabung yang telah disediakan dahulu perlu digubal semula supaya setiap persediaan dan cara peiaksanaan boleh diselaraskan dan diseimbangkan dengan persekitaran dan keadaan yang sentiasa berubah dan kian mencabar.

Kini Lembaga Urusan dan Tabung Haji menjadi satu entiti yang unik dan unggul bukan sahaja di negara ini bahkan di seluruh dunia. Tidak ada negara yang memanfaatkan tabungan sebagai persiapan jangka

panjang untuk menyempurnakan ibadah di samping menjadikan kesempatan tersebut suatu wadah mengukuhkan ekonomi ummah.

Dengan itu secara tidak langsung entiti ini perlu terus wujud, walau apapun bidang pengurusan yang diceburi dengan penuh kecekapan, kebijaksanaan serta kesempurnaan. dalam semua tindakan, suci dari berbagai cacat cela, keberkesanan. dalam semua penghasilan dan mampu muncul sebagai contoh dalam hal keduniaan dan ibadat kepada Tuhan lengkap dengan ketertiban, keamanan dan kewibawaan.

Justeru itu, ruang Lintang peruncukan perundangan sangat memerlukan pemberian kuasa, tanggungjawab, peranan dan perlindungan yang secukupnya kepada golongan yang terlibat bagi mereka mempunyai tunjang yang tegap untuk menerokai bidang-bidang penyimpanan sebagai satu tabungan., pelaburan, keusahawanan, teknologi, ilmu, pembangunan, pembahagian dan guna sumber untuk kejayaan yang setimpal dengan segala pertumbuhan di negara ini. Dengan ini, secara tidak langsung Tabung Haji akan terlibat dengan arus pertumbuhan sektor awam, sektor korporat dan sektor pelaburan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penyediaan kepada Rang Undang—undang yang dibentangkan pada hari ini, segala pengalaman yang diharungi hampir 32 tahun yang lampau, yang melibatkan lebih dari setengah juta orang umat Islam yang telah dihantar ke Tanah Suci serta pandangan dari pihak-pihak yang terlibat telah diambil kira. Untuk itu, Tabung Haji terpaksa memperluaskan cebur dirinya dalam berbagai aktiviti yang direstui oleh kerajaan untuk pulangan

yang terbaik mungkin bagi pendeposit serta jemaah mengecap hasil dan keuntungan yang berterusan.

Juga gelaran lamanya perlu dinatijahkan kepada "Tabung" sebagai punca setiap persediaan, baik pun bagi tujuan haji mahupun untuk urusan seharian. Dengan itu, ganti nama kepada Akta Tabung Haji 1994 dianggap amat bersesuaian.

Tumpuan utama di dalam Akta baru ini mencakupi perkara-perkara berikut:

- (a) terhadap fungsi struktur perlantikan dan keanggotaan Lembaga Pengarah atau pengurusan;
- (b) terhadap penyediaan jawatankuasa-jawatankuasa yang sesuai untuk membantu Lembaga menjalankan tugas dan tanggungjawabnya;
- (c) terhadap libat diri dalam bidang-bidang korporat yang tidak bercanggah dengan mana-mana hukum syarak;
- (d) terhadap pemberian perkhidmatan, pengawalan serta pengawasan ke atas pengelola jemaah haji melalul pemberian lesen kepada syarikat-syarikat swasta yang dipilih; dan
- (e) mengenakan hukuman yang setimpal bagi segala salah laku dari pengelola jemaah haji.

Secara terperinci perkara-perkara yang termaktub Akta Tabung Haji, 1994 adalah seperti berikut:

- (i) Nama Akta dipinda daripada Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 kepada Akta Tabung Haji 1994. Akta yang sedang

dikemukakan. kepada Dewan yang mulia ini adalah suatu Akta baru yang rnerangkumi perubahan. struktur dan fungsi institutsi itu sendiri dan dengan demikian pemakain. nama baru kepada Akta ini digunakan;

- (ii) Tujuan Akta adalah meminda dan memperbuat semula Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969, seperti mana yang telah saya sebutkan di dalam matlamat pindaan yang dibuat;
- ( iii) Bagi mengimbangkan peranan yang dimainkan oleh kerajaan sebagai pemegang amanah rakyat dengan cebur diri Lembaga yang menerokai berbagai bidang, termasuklah bidang—bidang swasta dan perniagaan. antarabangsa, kuasa mentadbir juga turut berubah di mana Menteri yang bertanggungjawab ke atas institusi ini berkuasa melantik mana-mana anggota Lembaga untuk menjadi Ketua Eksekutif. Keahlian Lembaga adalah terdiri dari seorang Pengerusi (yang dilantik oleh Menteri), seorang wakil dari Jabatan Perdana Menteri, seorang wakil Perbendaharaan dan tidak lebih daripada 7 orang ahli yang dilantik oleh Menteri. Kesemua anggota Lembaga mestilah muslim dan warganegara Malaysia;
- (iv) Fungsi Lembaga adalah untuk mentadbirkan Kumpulan Wang dan segala perkara berkenaan kebajikan jemaah haji dan merumus dasar mengenainya. Ini terraasuk kuasa melaksanakan mana-mana fungsi keseluruhannya atau sebahagiannya di dalam Malaysia ataupun. di luar Malaysia. Dengan adanya

peruntukan ini Tabung Haji dapat mengambil peluang-peluang pelaburan yang lebih meluas termasuk yang terdapat di luar negara. Bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsinya, Lembaga diberi kuasa untuk mengadakan beberapa jawatankuasa, setiap satu terdiri daripada beberapa ahli dan diberikan syarat rujukan yang tertentu. Ini adalah sebagai penggantian. Pada Akta lama di mana Majlis Penasihat Kewangan dan Majlis Penasihat Urusan Haji yang mana dengan tertubuhnya Akta baru ini telah dimansuhkan;

- (v) Satu peruntukan baru di bawah Akta ini adalah Lembaga boleh dengan kelulusan Menteri menyertai sesuatu perkongsian, usaha sama atau lain-lain kegiatan untuk memperolehi keuntungan dengan mana-mana pihak lain termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun ataupun syarikat swasta.

Lembaga juga boleh dengan kelulusan Menteri mempunyai syer dan sekuriti dalam badan-badan lain dan seterusnya boleh melupus dan mengurusniagakannya serta menubuhkan atau menganjur penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965. Kesemua peruntukan-peruntukan ini adalah bagi membolehkan aktiviti komersil dan perniagaan diterokai dengan mana-mana pihak yang mempunyai potensi pelaburan yang bermutu tinggi. Ini juga akan membolehkan Tabung Haji merebut peluang pelaburan secara meluas dan

mempastikan pulangan kepada pendeposit Tabung Haji adalah pada tahap yang setanding dengan pasaran. Di samping itu, kawalan yang lebih rapi dari pihak Menteri akan memastikan segala pelaburan Tabung Haji adalah mengikut kajian dan good business judgement, dengan izin serta berpandukan hukum syarak untuk memelihara kesejahteraan wang deposit bakal-bakal haji mendapat keberkatan yang berpanjangan;

**(vi) Kumpulan Wang Pendeposit Tabung Haji**

Peruntukan Seksyen 15 merumus semula jenis wang yang boleh dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang dan pengeluaran serta kegunaan wang dari dalam Kumpulan Wang itu. Kumpulan wang itu termasuk wang dari sumber yang diperolehi melalui pelaksanaan sesuatu projek, pinjaman harta, pelaburan atau pemberian dan juga deposit. Seksyen 16 menghadkan pendeposit kepada individu Muslim warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia dan tujuan deposit itu pula dihadkan untuk maksud simpanan bagi pendeposit itu menunaikan haji atau sebagai simpanan bagi pelaburan atau bagi maksud lain yang dibenarkan oleh Lembaga;

**(vii) Pembiayaan atau Bantuan Kewangan**

Lembaga boleh dengan kelulusan Menteri, memberi pembiayaan wang atau bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat yang berkaitan dengannya.

**(viii) Garenti dan Surat Tanggung Rugi**

Lembaga- dan Perbadanan yang ditubunkannya tidak boleh sama sekali memberi apa-apa garenti atau Surat Tanggung Rugi.

**(ix) Pelaburan**

Aset kumpulan wang setakat yang tidak dikehendaki dibelanjakan di bawah Akta boleh dilaburkan -keseluruhannya atau sebahagiannya di dalam Malaysia atau di luar Malaysia, tetapi Lembaga mestilah mendapatkan kelulusan Menteri terlebih dahulu sebelum melabur;

**(x) Tabung Simpanan**

Pengeluaran dari Kumpulan Wang Rizab hanya boleh ditentukan oleh Menteri (seksyen 21(3)) tetapi pemindahan aset masuk ke dalam Kumpulan Wang Rizab itu bolehlah ditentukan oleh Lembaga;

**(ix) Pembahagian Untung**

Pengisytiharan untung di bawah seksyen 22 membolehkan pihak Lembaga Tabung Haji mengisytiharkan suatu juralah wang sebagai untung yang boleh diagihkan kepada pendeposit dalam bentuk istilah dividen atau bonus dan kaedah pemberiannya pula tidak terhad kepada satu cara sahaja. Ringkasnya, akta ini tidak mengikat Lembaga kepada satu cara pemberian bonus, Lembaga berkuasa memutuskan sama ada wajar

mengisytinarkan sejumlah wang sebagai untung yang bolen diberikan kepada pendeposit bagi sesuatu tempoh atau tanun tertentu. Jika Lembaga membuat keputusan sedemikian ianya mestilah mendapat persetujuan Menteri sebelum diisytiharkan kepada pendeposit. Jumlah dan masa bagi pembahagian untung itu adalah terserah kepada Lembaga. Keputusan Lembaga mengenai jumlah untung yang patut diterima oleh seseorang pendeposit adalah muktamad dan mengikati pendeposit.

**(xii) Akta Wang Tidak Dituntut,1965**

Tertakluk kepada pengisytinaran bahawa Akta Wang Yang Tidak Dituntut, 1965, tidak dikenakan kepada Lembaga tabung Haji, segala wang yang tidak dituntut yang dipegang oleh Lembaga tidak perlu dibayar kepada Tabung Yang Disatukan. Ianya bolehlahdikendalikan oleh Lembaga Tabung Haji sendiri sehingga wang tersebut dibayar kepada pendeposit yang berkenaan Seksyen 23;.

**(xiii) Pengelola Jemaah Haji**

Akta ini merombak semula peruntukan mengenai pelesenan pihak swasta menjalankan kegiatan berkenaan dengan pengurusan perjalanan jemaah haji ke Tanah Suci. Kuasa pelesenan secara pentadbiran untuk syarikat-syarikat swasta metabawa jemaah haji diberi kepada Lembaga Tabung Haji dan Lembaga boleh menetapkan apa-apa syarat yang diperlukan mengenaiaya.

Hukuman bagi kesalahan kerana menjalankan tanpa lesen

apa-apa perniagaan atau kegiatan lain bagi pengelolaan perjalanan ke Tanah Suci bagi menunaikan haji dipinda menjadi lebih berat dari dahulu. Bagi kesalahan pertama, boleh didenda tidak kurang daripada RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi setahun ataupun kedua-duanya. Bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya, boleh didenda tidak kurang dari RM500,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Jika mana-mana pengelola jemaah haji melanggar mana-mana terma atau syarat-syarat lesennya, maka ianya boleh dikenakan hukuman seperti berikut:-

- (i) kesalahan pertama boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya;
- (ii) kesalahan kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya (seksyen 30(1)(b)).

**(xiv) Jemaah Haji**

Akta ini melarang sesiapa jua dari membuat atau cuba membuat perjalanan menunaikan haji di Tanah Suci selagi beliau belum:-

- (a) memperolehi pasport haji;
- (b) memperolehi visa melalui Lembaga Tabung Haji;
- (c) membayar sepenuhnya tambang dan belanja sara hidup secukupnya semasa di Tanah Suci; dan
- (d) menjalani pemeriksaan perubatan yang diluluskan oleh Lembaga.

Pelanggaran larangan ini boleh dihukum denda tidak melebihi RM5.000 atau dipenjara tidak lebih 3 bulan atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan didenda tidak lebih RM10,000 atau dipenjara tidak melebihi 6 bulan bagi kesalahan kedua atau selanjutnya.

**(xv) Bendedahan Rahsia**

Adalah menjadi suatu kesalahan bagi seorang pegawai atau pncngkhidmat Lembaga yang membocorkan apa-apa maklumat atau rahsia tanpa izin Lembaga. Kesalahan ini boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya; dan

**(xvi) Pindah Kuasa**

Akta ini memperuntukkan supaya segala kuasa, hak keistimewaan, kewajipan, liabiliti atau obligasi Lembaga Urusan dan Tabung Haji di bawah Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 turun kepada Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah scksyen 3 Akta Tabung Haji 1994 ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika kesemua peruntukan yang telah dibentangkan di dalam Rang Undang-undang Tabung Haji 1994 dapat ditetapkan hasrat serta laluan cara yang digubal khusus untuk mencapai bukan sahaja matlamat penggubalan akta lama babkan ianya memberi pendekatan kepada daya gerak yang boleh memikul amanah yang diberikan kepada kerajaan untuk menentukan bahawa Lembaga dapat bertindak dengan sebaik mungkin.

Pindaan-pindaan yang dikemukakan adalah semata-mata bertujuan untuk membolehkan Tabung Haji bertindak bukan sahaja sebagai tabung simpanan bagi tujuan menunaikan fardhu haji malahan mahu ditonjolkan sebagai sebuah badan pelaburan yang mampan dan efisien.

Dengan kedudukan aset yang mencapai RM2.074 bilion dan jumlah pendeposit terkumpul mencapai 2.7 juta orang dengan simpanan terkumpul berjumlah RM1.88 bilion sehingga tabun 1993, Tabung Haji perlu memanfaatkan aset-aset ini dengan melaburkan secara kolektif dalam berbagai-bagai sektor ekonomi seperti perladangan, perkilangan, perhubungan, teknologi tinggi, infrastruktur dan sebagainya. Pulangan dari pelaburan ini bukan sahaja diagih-agihkan di kalangan pendeposit dalam bentuk dividen, malah digunakan untuk membantu menanggung kos pengendalian haji setiap musim haji.

Penglibatan Tabung Haji dalam kegiatan-kegiatan pelaburan yang melibatkan kegiatan-kegiatan perdagangan, perniagaan, perladangan dan perumahan sebenarnya telah mendapat pengiktirafan yang begitu tinggi dari beberapa pihak. Misalnya, Syeikh Besar -Al-Azhar, Dr. Muhammad Abdul Rahman Bissar pernah memberi pendapat bahawa segala amalan yang dilaksanakan oleh Tabung Haji bukan sahaja halal di sisi syarak malah merupakan satu ibadah yang agung dalam meninggikan martabat ummah. Sanjungan dari Syeikh Besar Al-Azhar merupakan kemuncak daripada kejayaan Tabung Haji. Ia seolah-olah memberi cop jaminan "Baik" dari segi pengurusan haji yang mantap dan perniagaan mengikut hukum syarak.

Pergerakan pantas atau "momentum" dari haluan pemantapan kekuatan ekonomi dunia pada hari ini memerlukan pelaburan Tabung Haji tidak hanya terbatas kepada aktiviti-aktiviti pelaburan dan perniagaan yang biasa dijalankan. Tabung Haji perlu mengambil peluang keemasan ini untuk menjalankan aktivitinya menurut lunas-lunas yang dibenarkan oleh Islam dari segi tuntutan syarak demi kebaikan, kesejahteraan dan pembangunan ekonomi ummah. Untuk itu, Tabung Haji telah bersedia untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang baru khususnya dalam bidang teknologi tinggi dalam usaha mencatatkan kejayaan baru bagi mempertingkatkan taraf ekonomi dan kemahiran umat Islam keseluruhannya. Inilah satu-satunya jalan bagi umat Islam untuk keluar dari era belenggu kegelapan dan kebinaan ke arah era baru, era peningkatan martabat.

Tuan Yang di-Pertua, ada saranan dari setengah-setengah pihak bahawa Tabung Haji tidak perlu mencari untung dari wang tabungan pendeposit. Dengan lain-lain perkataan, Tabung Haji tidak perlu bersusah payah berusaha mendapat pulangan dari wang tabungan ini dengan melabur wang simpanan mereka iaitu satu keadaan yang statik tanpa ada apa-apa pengembangan.

Dalam scenario ini, para penyimpan terpaksa menokok sendiri simpanan. dari masa ke semasa sehingga cukup wang naik hajinya yang berkurangan kerana susut nilainya akibat inflasi di samping mengejar kenaikan yuran-yuran yang dikenakan oleh pihak-pihak berkuasa Arab Saudi dan lain-lain kenaikan harga sewa, tambang dan sebagainya.

Bagi Tabung Haji, tanggungjawab mentadbirkan wang tabungan penyimpan-pemimpan dapat dilaksanakan dengan lebih wajar dari hanya menyediakan tabung untuk simpanan. wang semata-mata. Dari pengalaman selama 32 tahun sejak ianya wujud, beberapa kos seperti pengwujudan Infrastruktur (lebih daripada 80 buah pejabat negeri-dan daerah yang dihubungi oleh satu sistem komputer yang canggih), kos mentadbirkan berjuta-juta transaksi wang simpanan setahun dan sebagainya dapat ditampung dari aktiviti pelaburan. tabungan tersebut secara yang tidak bercanggah dengan hukum syarak. Lebih dari itu, pulangan daripada pelaburan ini sebahagiannya telah diagih-agihkan bagi menarapung kos pengendalian haji.(RM16 juta-bagi tahun 1993).

Sebahagian besar dari pulangan ke atas pelaburan ini juga dibahagikan-bahagikan kepada pendeposit-pendeposit setiap tahun sebagai bonus. Bagi mereka yang tidak mengeluarkan bonus ini, simpanan mereka dengan sendirinya berkembang atas kadar 8% hingga 9% akhir-akhir ini iaitu setelah dibayar zakat perniagaan oleh Tabung

Haji bagi pihak pendeposit-peudeposit kepada Majlis-majlis Agama Islam di setiap negeri.

Dari segi aktiviti pelaburan tidak dapat dinafikan Tabung Haji telah membuat sumbangan yang tidak sedikit dalam pembangunan negara bukan sahaja dari aspek peningkatan taraf sosio-ekonomi penyimpan-penyimpan bahkan juga dalam pasaran modal negara. Penglibatannya dalam penyertaan ekuiti syarikat dalam beberapa bidang membolehkan peluang-peluang pekerjaan, pengurusan serta pengaliran teknologi (technology transfer), dengan izin, diperolehi oleh kaum bumiputera. Memandang dari perspektif inilah, maka Tabung Haji memutuskan untuk tidak hanya menyimpan wang pendeposit-pendeposit secara pasif tetapi mentadbirkannya secara yang dapat memberi faedah yang optima kepada semua pihak.

Walau apa pun, Tabung Haji akan sentiasa memastikan bahawa matlamat asal penubuhannya untuk membolehkan umat Islam Malaysia menunaikan fardu haji sebaik mungkin tidak akan diabaikan. Segala perancangan masa depan Tabung Haji akan sentiasa mengambil kira dan lebih responsif serta raengutaraakan kehendak pelanggannya iaitu jemaah haji, pendeposit dan umat Islam secara umumnya. Tumpuan kepada pelanggan akan menjadi perkiraan utama di dalam usaha Tabung Haji menjadi sebuah organisasi yang berkualiti. Ini kerana pengurusan haji yang sempurna bukan sahaja akan membantu para jemaah mendapat-haji yang mabrur tetapi secara tidak langsung dapat mempertingkatkan martabat ummah secara menyeluruh.

Untuk itu Tabung Haji juga akan terus mempertingkatkan perkhidmatan pengendalian jemaah-jemaah haji bagi menjamin kebajikan dan kualiti pengurusan haji sentiasa terpelihara, kemas dan selesa. Bagaimanapun, ini semua akan hanya dapat dihasilkan melalui pulangan pelaburan yang berterusan dan setanding dengan pasaran. Tambahan pula, Tabung Haji yang kini tidak lagi menerima bantuan kerajaan dalam pengendalian operasinya sejak tahun 1994 memerlukan Tabung Haji bergerak lebih pantas di dalam mencari dan meneroka peluang-peluang pelaburan yang boleh memberi pulangan yang stabil untuk tempoh yang panjang.

Perlu dijelaskan bahawa penubuhan Tabung Haji bukan bertujuan untuk monopoli urusan pemergian jemaah ke Tanah Suci. Penglibatan syarikat-syarikat swasta amat digalakkan bagi mewujudkan satu budaya persaingan yang sihat. Tabung Haji sentiasa memberi peluang, bimbingan dan galakan kepada syarikat-syarikat pelancongan untuk menyertai bidang pengendalian haji bagi membolehkan para jemaah membuat pilihan. agensi-agensi yang pada hemat mereka dapat membantu para jemaah memperolehi haji yang mabrur. Kerajaan memang bersedia untuk memberi kuota yang lebih kepada syarikat-syarikat swasta sekiranya mereka mampu membuktikan bahawa segala perkhidmatan yang diberikan cukup memuaskan dan berkualiti tinggi.

Bagaimanapun, kita tidak hendak melihat apa yang berlaku sebelum ini berulang. Misalnya, antara tahun 1992 dan 1993, sebanyak 10 kes yang melibatkan 1,210 orang bakal haji telah dikesan yang menyebabkan bakal jemaah haji terkandas atau tertipu. Antara

kes-kes tersebut ialah kerana tidak mendapat visa tempahan berlebihan daripada kelayakan, terkandas kerana kesuntukan masa, wang jemaah diselewengkan dan jemaah tidak mendapat perkhidmatan seperti yang dijanjikan sedangkan wang dibelanjakan lebih tinggi dari wang naik haji biasa yang dikenakan oleh Tabung Haji.

Tidak ada faedahnya sekiranya kerajaan memberi kuota lebih sedangkan pihak swasta belum bersedia dan mampu menguruskan jemaah haji secara sempurna dan terbaik. Sebaliknya, jika mereka telah bersedia dan telah membuktikan mereka berkeupayaan untuk mengambil alih sebahagian daripada tugas Tabung Haji, saya tiada halangan untuk membenarkan pihak swasta untuk menguruskan sebahagian besar jemaah yang berdaftar dengan Tabung Haji asalkan jemaah berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan ini kerana kewujudan Tabung Haji tidak bermotifkan keuntungan semata-mata.

Tabung Haji ditubuhkan bagi membolehkan umat Islam menabung secara berdikit-dikit untuk membolehkan sampai hajat mereka menunaikan Rukun Islam yang kelima. Ini terbukti setiap musim haji, Tabung Haji telah memberi subsidi antara RM400 hingga RM800 seorang, bergantung kepada jumlah jemaah haji ke Tanah Suci. Lebih sedikit kuota, lebih banyak subsidi terpaksa diberikan. Apatah lagi mulai tahun 1994, Tabung Haji tidak lagi menerima apa-apa grant atau bantuan kewangan kerajaan dalam operasi haji. Jelas sekali bahawa Tabung Haji tidak mengejar keuntungan tetapi untuk memikul suatu amanah besar bagi memastikan seruan panggilan Ilahi dilaksanakan dengan sempurna, tersusun dan terpelihara sepanjang masa.

Mulai musim haji tahun 1415 Hijrah bersamaan tahun 1995 Masihi, pengurusan Tabung Haji telah memutuskan bahawa pengendalian jemaah haji Malaysia secara swasta akan diluluskan kepada konsortium syarikat-syarikat bumiputera dan bukan lagi kepada mana-mana syarikat bumiputera tertentu seperti mana dilakukan terdahulu. Pengendalian secara konsortium ini bermaksud sebuah syarikat yang kukuh dari segi pengurusan, kewangan dan pengalaman akan dibantu oleh dua buah syarikat sedernana dan sebuah syarikat baru bergabung secara penggabungan tenaga, modal dan kemahiran untuk mengendalikan bersama pengurusan haji secara swasta.

Buat permulaannya, Tabung Haji telah meluluskan 6 buah konsortium syarikat yang melibatkan 24 buah syarikat-syarikat pelancongan yang berprestasi tinggi untuk mengendalikan jemaah haji Malaysia secara swasta. Adalah diharapkan dengan usaha yang gigih mereka serta bimbingan dan tunjuk-ajar dari Tabung Haji, konsortium-konsortium ini akan berkembang maju dan akhirnya mengambil alih sebahagian daripada jemaah haji Malaysia. Pada ketika itu, dengan sendirinya wujud saingan kepada Tabung Haji. Justeru itu, tidak perlu diwujudkan Tabung Haji yang kedua yang diperbadankan kerana konsortium-konsortium swasta ini sepatutnya dapat memberi persaingan kepada Tabung Haji dengan lebih berkesan daripada raana-raana pihak yang diperbadankan yakni satu langkah kebelakang atau, dengan izin, regressive step. Melainkan ada unsur-unsur yang ingin melintat perpecahan Kekuatan ekonomi umat Islam yang telah dibina selama ini, Yang pasti rugi nanti bawakan Tabung Haji tetapi orang-orang miskin, orang-orang kampung dan

golongan berpendapatan rendah yang berlandung sebagai pendeposit utama pada hari ini.

Dilihat dari segi positifnya, rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini menuntut kemajuan yang progresif melalui pengwujudan tabung yang boleh digunakan oleh umat Islam dengan sebaik mungkin bukan sahaja untuk menunaikan fardu haji bahkan untuk mengukuhkan ekonomi ummah itu sendiri bagi segala urusan harian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pencapaian dan kegemilangan Lembaga Urusan Tabung Haji yang dicipta di atas kejayaan demi kejayaan dapat dilihat melalui penghargaan dan pengiktirafan yang telah diterima oleh Tabung Haji sama ada dari dalam atau luar negara dimulai dengan Anugerah Ramon Magsaysay pada tahun 1987 kepada Pengarah Besarnya pada ketika itu, Dato' Haji Hanafiah bin Haji Ahmad, kerana kepimpinannya telah membolehkan umat Islam di Malaysia menunaikan fardu haji dengan baik lagi selamat dan memperbaiki kedudukan ekonomi mereka.

Anugerah Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank) yang berpusat di Jeddah, Arab Saudi dalam urusan bank secara Islam pada tahun 1990; Anugerah Khas Perkhidmatan Awam dalam bidang Pengurusan Teknologi Maklumat pada tahun 1992 dan yang terakhir ialah Anugerah Kualiti Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada tahun 1993.

Kejayaan-kejayaan yang diperolehi ini bukan bermakna Tabung Haji boleh berpeluk tubuh sahaja 'and rest on its laurels', dengan izin. Tabung Haji mesti bergerak cergas mencapai matlamat asasnya ditubuhkan dan pada masa yang sama mencari dan meneroka peluang-peluang pelaburan yang akan dapat memberi keuntungan yang lumayan supaya dapat digunakan untuk memberi kemudahan kepada bakal jemaah haji Malaysia mengerjakan haji mereka dengan selesa dan sempurna, insya Allah, haji yang mabrur.

Justeru itu, berdasarkan hasrat murni ini, sewajarnya Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 digantikan dengan sebuah akta baru iaitu Akta Tabung Haji 1994 demi memperkemaskini dan memperbaiki struktur, fungsi dan peranan Tabung Haji dalam mencapai visi pucuk pimpinan negara ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Tabung Haji dan untuk mengadakan perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang, Puan Hajah Zaleh binti Hussin.

**4.13 ptg.**

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk menyokong suatu Rang Undang-undang Tabung Haji 1994. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Tabung Haji yang dalam masa 32 tahun telah pun menunjukkan kewibawaan. dan juga kejayaannya dalam melaksanakan pengurusan mengenai jemaah-jemaah haji yang ada di dalam pelaksanaan haji di negara Mekah,

Saya melihat daripada apa yang telah diperkatakan oleh Menteri sebentar tadi, kita dapati begitu tinggi cita-cita yang dikehendaki oleh Lambaga ini untuk menjadikan Tabung Haji ini sebagai satu institusi kewangan Islam yang boleh dibanggakan oleh umat Islam dalam negara ini dan juga oleh umat Islam di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, dengan adanya suatu pindaan Akta dengan Akta baru yang telah pun membolehkan Tabung Haji bukan hanya sebagai satu tabung pendeposit ataupun tabung hanya sebagai tabungan untuk umat Islam mengerjakan haji di Mekah tetapi ia diluaskan. pula kepada pelaburan, korporat dan sebagainya dan juga usaha sama di bidang perniagaan.

Apa yang ingin. saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, walaupun cita-cita pihak Tabung Haji begitu baik dalam gerakan

menyahun cabaran Wawasan 2020, tetapi janganlah lupa, sebagai satu amanah besar daripada Allah S.W.T. kepada Tabung Haji dalam melaksanakan pengurusannya kepada jemaah haji yang pada saya walaupun sebentar tadi Menteri menyatakan ada setengah golongan mengatakan bahawa Tabung Haji tidak perlu mencari keuntungan, tetapi yang penting ialah Tabung Haji menunjukkan kebolehan dan kejayaannya dalam pengurusan haji kepada jemaah-jemaah haji.

Walau bagaimanapun, saya tidak hendak menyokong terhadap kenyataan yang demikian tetapi lebih menegaskan bahawa yang penting bagi Tabung Haji adalah dalam asas penubuhannya yang asal iaitu supaya pihak jemaah haji benar-benar mendapat kemudahan, kesejahteraan semasa berada di Mekah terutama dalam masalah-masalah kebajikan dan sebagainya.

Saya difahamkan bahawa kebanyakan daripada pendeposit Tabung Haji ini adalah umat-umat Islam yang bukannya daripada golongan yang senang, tetapi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri mengenai tambahan-tambahan bayaran kepada mereka yang telah pun menunaikan haji kali kedua dan sebagainya. Ini pun pada saya kita perlu mengingatkan kepada sepotong ayat Quran yang bermaksud, "menunaikan haji bagi mereka yang berkuasa". Jadi, maknanya mereka yang akan menunaikan haji adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kesanggupan dan mempunyai penabungan kewangan yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Menteri mengenai pengelolaan haji terutama daripada pihak swasta. Saya dapati pengelolaan haji daripada syarikat-syarikat swasta yang berada dalam negara kita ini,

saya tidak faham bagaimanakah pembahagian kuota yang diberikan kepada mereka dalam bentuk keadilan ini? Walaupun ada di antara mereka yang mengacakan bahawa mereka mempunyai kemampuan dan mencukupi syarat dan sebagainya tetapi masih tidak dapat lagi diiktiraf sebagai suatu syarikat swasta yang dapat benar-benar mengelolakan jemaah haji di negara ini.

Di samping itu, mengenai pengelolaan haji ini saya dapati masih ada lagi jemaah haji kita yang berada di negara Mekan yang pergi ke Mekah dengan menggunakan visa umrah. Mereka pergi ke Mekah mulai daripada sekarang dengan menggunakan visa umrah dan mereka berada di Mekah bersembunyi-sembunyi. Ada satu gerakan iaitu satu kumpulan yang mengendalikan jemaah haji ini menerusi visa umrah dan mereka ini nampaknya lebih ramai telah memungut nama-nama. Perkara ini saya nampak berleluasa di negeri Kelantan dan mereka ini telan pun berurusan dengan satu kumpulan di Mekah yang memang sedia ada di negara Mekah itu sendiri. Saya tidak faham bagaimanakah caranya mereka ini dibenarkan berada di Mekah dengan menggunakan visa umrah samailah kepada pelaksanaan haji di bulan haji yang telah dibenarkan oleh pihak yang berkuasa di Mekah.

Di samping itu, saya juga ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri, dengan adanya Akta baru yang telah dipinda ini iaitu penghapusan kepada ahli penasihat haji. Apakah baik dan buruknya dengan penghapusan ahli penasihat haji dan apakah cara dan tindakan yang dapat dibuat oleh pihak Lembaga Tabung Haji dengan ketiadaan ahli penasihat haji yang bertugas khusus untuk memberi pandangan dan juga nasihat kepada pinak Lembaga dalam pengurusan

haji terutama dalam bidang—bidang kebajikan yang membolehkan pelaksanaan Tabung Haji untuk mengurus hal ehwal jemaah haji di Mekah dengan teratur dan baik? Saya tidak mendapat penjelasan secara luas daripada Menteri sebentar tadi mengenai penghapusan ini dengan wujudnya Akta baru yang disebut di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa perkara yang saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Menteri dalam penerimaan mengenai pindaan suatu Akta Rang Undang-undang Tabung Haji 1994. Terima kasih,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiada sesiapa lagi? Banyak perkara yang ditimbulkan dalam Akta ini dan dalam catatan saya tidak kurang daripada 20 points semuanya.. Kalau tiada, saya minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

**4.18 ptg.**

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha :**  
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Zaleha binti Hussin atas sokongan beliau kepada Rang Undang-undang Tabung Haji 1994 ini.

Yang Berhormat telah meminta penjelasan berkenaan dengan kebajikan jemaah haji di Tanah Suci. Sebenarnya, Tabung Haji dan saya sendiri sedang berusaha membuat perundingan dengan pihak-pihak tertentu di Arab Saudi dan juga dengan Menteri Wakaf Morocco untuk mendapatkan tapak tanah secara usaha sama dengan Tabung Haji untuk mendirikan perumahan untuk jemaah haji pada masa hadapan.

Pihak Kerajaan Morocco ini, tanah mereka dahulu telah diambil alih oleh Kerajaan Arab Saudi untuk mendirikan istana yang berhampiran dengan Masjidil-Haram. Jadi, Kerajaan Morocco tidak mahu menerima pampasan bentuk wang. Dia minta ganti tanah itu dengan tanah supaya Kerajaan Morocco dan pihak Kami dari Tabung Haji dapat joint-venture mendirikan sebuah bangunan di mana jemaah haji dari Malaysia dapat ditempatkan pada satu bangunan; bangunan untuk jemaah haji, bangunan untuk petugas-petugas Tabung Haji, pegawai-pegawai Tabung Haji, Hospital Tabung Haji dan sebagainya, semua ditumpu kepada satu pusat, tidak bercampuran dengan maktab-maktab di seluruh Mekah atau Madinah.

Saya juga baru-baru ini dengan pegawai-pegawai tinggi Tabung Haji sedang berbincang dengan satu rombongan yang mewakili keluarga Di-Raja Arab Saudi, di mana kita berbincang seperti saya sebutkan tadi, kalau mereka ada tanah berhampiran dengan Masjidil Haram ataupun di Mekan ataupun Masjid Nabawi di Madinah, kita minta supaya kita dapat joint-venture mendirikan hotel ataupun bangunan apartment, di mana jemaah haji dapat ditempatkan pada satu tempat, dan mereka dapat menjalankan amalan mereka, mengerjakan haji dengan selesa, dengan teratur. Ini sedang dalam proses perbincangan. Kita berharap juga dalam mesyuarat MABIM, iaitu Mesyuarat Menteri-menteri Agama dari Brunei Darussalam, Singapura, Indonesia dan Malaysia - mesyuarat tidak rasmi MABIM ataupun Menteri-menteri Agama ASEAN, kita telah berbincang baru-baru ini mengenai seminar haji, di mana kita mengatakan bahawa kita boleh berkongsi dari segi kewangan,

joint-venture dengan pinak Saudi, kerana tanah di Saudi Arabia itu tidak boleh dimiliki oleh orang asing. Jadi, kita terpaksa joint-venture ataupun usaha sama dengan rakyat Saudi ataupun syarikat Saudi ataupun Kerajaan Arab Saudi, Jadi, olen itu kita berniat untuk mendirikan sebuah perkampungan Melayu, iaitu dari Malaysia, Singapura, Indonesia, boleh jadi dari Selatan Thailand supaya pada satu tempat itu boleh dijadikan perkampungan Melayu, walaupun misalnya jauh tiga atau lima kilometer dari Masjidil Haram, kita boleh men'charter' shuttle bus service dari tempat itu ke Masjidil Haram. Jadi, distance atau kejauhan tempat itu dari Masjidil Haram tidak menjadi masalah.

Sekarang untuk jemaah haji yang mengerjakan haji tahun hadapan, insya Allah kerajaan telah mendapat kelulusan daripada pengurusan MAS yang baru ini untuk mengurangkan tambang tiket untuk mereka pergi haji sebanyak RM300. Jadi, wang naik haji untuk Malaysia ialah boleh dikatakan antara termurah di rantau Asia Tenggara ini. Kalau tak silap saya Indonesia memerlukan RM10,000 untuk jemaah haji mereka menunaikan fardu haji. Singapura pula kalau tak salah saya S\$8,000 atau hampir 359,000 - bermakna kurang lebih RM10,000. Begitu juga negara Brunei Darussalam. Kita pula kalau tak salah saya.....

Timbalan Yang di-Pertua: Lebih sedikit RM5.000.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: RM5,000 lebih sedikit, tak sampai RM6,000.

	<b>tambang Baru</b>	<b>Tambang Lama</b>
Semenanjung	RM5.630	RM5.930
Sarawak	RM5,850	RM6,150
Sabah	RM6.010	RM6.310

Jadi, ini menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia dan juga Tabung Haji sedang berusaha sedaya-upaya untuk mengurangkan - kalau dapat niat saya minta kalau dapat RM4,800 cukup untuk jemaah haji Malaysia menunaikan fardu haji, kerana saya mahu semua orang miskin di negara ini diberi peluang menunaikan Rukun Islam kelima, insya Allah pada satu hari nanti. Itulan dalam ucapan saya tadi kita hendak ada kegiatan Tabung Haji dalam pelaburan, investment. Kita hendak dia dapat keuntungan sampai beribu juta bilion ringgit supaya dengan keuntungan itu dapat digunakan sebagai subsidi kepada pemergian haji untuk jemaah haji dari Malaysia. Jadi, inilah satu tujuan dan niat kita.

Juga di Tanah Suci kita sedang - dahulunya Tabung Haji terpaksa menyewa perumahan di Mekah dan Madinah menerusi Muassasah Asia Tenggara di Mekah dan Muassasah Adirah di Madinah. Tetapi baru-baru ini dalam perbincangan saya dengan Menteri Haji, kita telah diberi peluang untuk menyewa terus (direct) dengan tuan punya rumah. Jadi, kita dapat mengurangkan sewa dan juga rumah-rumah yang berdekatan dengan Masjidil Haram di Mekah dan Masjid Nabawi di Madinah dengan lebih lagi cantik, lebih lagi selesa daripada 5 atau 10 tahun yang lalu. Juga kita sedang berusaha berbincang dengan Nagabah, iaitu agensi transport Kerajaan Saudi supaya jemaah haji kita dapat menggunakan bas-bas hawa dingin dan tidak lagi menggunakan bas-bas lama yang usang yang tak senonoh. Jadi, inilah cara-cara kita hendak membuat kemajuan dan memberi keselesaan kepada jemaah haji dari Malaysia, setahun demi setahun supaya improvement sentiasa ada.

Berkenaan dengan levi - kalau nak ikut saya, tak payah levilan. Kita beri peluang semua orang naik haji, semua sama harga. Tetapi kerajaan memandang begini - untuk mereka yang mengerjakan haji pertama kali, itulah priority kita, keutamaan kita. Banyak lagi yang belum mengerjakan haji *di* Malaysia *ini*. Jadi, kerajaan dan Tabung Haji sedang memberi banyak kemudahan yang saya sudah sebutkan tadi; kalau dapat diturunkan lagi harga naik haji, beri kemudahan yang selesa, perumanan, transport dan sebagainya. Tetapi untuk mereka yang sudah mengerjakan haji dua kali, tiga kali, empat kali, kita minta berilah laluan kepada mereka yang belum. Oleh kerana ekonomi Malaysia sedang meningkat lebih 8.5% setahun, bermakna orang kampung kita banyak duit dalam poket. Anak-anak mereka berjaya dalam business, menjadi pegawai besar di kementerian-Kementerian dan sebagainya, mereka mengirim duit pada ibu bapa.

Kadang-kadang mereka memberi bantuan supaya ibu bapa mereka naik haji. Dengan itu bermakna dari segi backlog cases, atau permintaan bakal jemaah haji untuk pertama kali naik haji memang banyak tiap-tiap tahun - meningkat. Tetapi seperti telah saya katakan masalah kuota ini ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi, untuk Malaysia hanya 18,000 orang. Misal kata kita mempunyai lebih 40,000 orang untuk naik haji - macam mana kita hendak menjalankan satu dasar untuk memilih dengan seadil-adilnya. Sebab itulah kita menggunakan komputer.

**Puan Hajah Zaleha bin Hussin: [Bangun].**

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Puan Zaleha? Nampaknya jawapannya panjang, lebih panjang daripada ucapan pembentangan. Sila.

**Puan Hajah Zaleha bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Sebenarnya, selain dari yang disebutkan sebentar tadi, bagaimanakah kalau orang yang berkenaan menunaikan haji kali kedua, kerana nazar misalnya dan nazar ini wajib ditunaikan. Jadi, apakah mereka ini juga dikenakan tambahan wang untuk tambang itu?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Saya belum habis cerita tadi. Saya hendak ceritakan, oleh kerana tabung Haji memberi subsidi di antara RM400 hingga RM800.00 seorang, kepada jemaah haji.....

Timbalan Yang di-Pertua: Dalam bill pun lengkap penjelasannya tentang ini.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Olen kerana itu, dari segi kos, kita kata orang yang sudah menunaikan fardu haji kedua, ketiga, keempat dan kelima - boleh

naik, dengan nazar dan apa-apa lagi yang dikehendaki, misalnya, kalau hendak mengerjakan haji bagi pihak emak bapanya yang belum naik haji dan sebagainya - kita kata boleh, bukan tidak boleh, kita tidak menghalang tetapi mestilan membayarkan kos yang ditetapkan itu.

**Timbalan Yang di-pertua:** Saya rasa sudah jelas semua penjelasan yang diberi oleh Dato' Menteri.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji-Wan Ahmad Tajuddin:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Saya hendak tanya soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bukan soalan tambanan, minta penjelasan.

**Datin Hajah Wan Intan binti Baji Wan Ahmad Tajuddin:** Maaf, Kalau tidak salah saya, pada tahun yang sudah, Tabung Haji ada memincangkan, mengatakan kalau ramai yang hendak pergi, tetapi bagaimana orang yang pertama, dia mengbantar nama terlambat, orang yang telah pergi dua, tiga kali, dia menghantar nama lebih awal, habis - jawabnya "first come, first serve", dengan izin, kalau first come, first serve, bermakna orang di kampung selalu tewas sebab orang kampung ini dia tidak faham. Kadang-kadang tinggal terlampau jauh, jadi, kadang-kadang perkhabaran itu selalu terlambat bagaimana Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nanti, ada satu Usul.

## USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**4.35 ptg.**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11 (1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Afiffudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11 (1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai Rang Undang—undang Ranun Prosedur Jenayah (Pindaan.) 1994, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG HAJI 1994  
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Perbahasan disambung semula,

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, seperti dalam ucapan saya sebentar tadi, Tabung Haji mempunyai pejabat-pejabatnya sampai ke pelusuk tiap—tiap negeri dalam Malaysia ini, di Sarawak dan di tempat hulu-hulu pun ada. Kalau tidak salah saya, di Sabah pun ada, dan begitu.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Zaleha, apa masalah yang ditimbulkan untuk penjelasan yang sebenar? Adakah sesuai dengan penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:**

Saya belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, ya.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:**

Jadi, dengan tiap-tiap pejabat Tabung Haji yang mempunyai komputer yang canggih, misalnya, orang dari Tawau mendaftar pukul 8.00 pagi ini, orang dari Kota Bharu ataupun dari Pasir Mas mendaftar pukul 9.00 - pendaftaran mereka memang direkodkan dengan serta-merta di Ibu Pejabat Tabung Haji. Dengan itu kita secara adil menjalankan first come, first serve di tiap-tiap pejabat Tabung Haji.

Berkenaan dengan levi, oleh kerana mereka sudah mengerjakan haji dan sekarang mereka hendak menunaikan sekali lagi oleh Kerana nazar dan sebagainya, mereka terpaksa membayar RM400.00 atau RM800.00 atau RM1,200.00, mengikut berapa kali dia sudah naik haji. Dengan itu ini tidak akan menghadkan mereka yang tidak pernah menunaikan fardu naji. Bukan kita kata mereka tidak boleh naik haji seterusnya.

Berkenaan dengan bagaimana pemberian kuota kepada syarikat-syarikat swasta sebenarnya, Tabung Haji telah mempunyai rekod prestasi syarikat-syarikat. Tiap-tiap syarikat swasta, sebelum mereka membawa jemaah haji tiap-tiap tahun yang lampau mereka mesti mempunyai rekod 3 tahun sekurang-kurang, membawa orang pergi Umrah, Selepas itu mereka akan diberi lesen untuk membawa jemaah haji dan prestasi mereka pula akan diperiksa tiap-tiap kali mereka berada di tanah Suci. Apabila habis musim haji Tabung Haji akan membuat post-mortem, dengan izin.

Jadi, dengan itu kita dapat mengawal prestasi syarikat-syarikat yang bagus ataupun yang akan disenaraihitamkan oleh Tabung Haji. Tetapi sekarang, dengan cadangan yang diutarakan oleh pihak Pengurusan Tabung Haji tahun ini, untuk jemaah haji tahun hadapan kita menggunakan konsortium, di mana 6 buah konsortium telah di tuding dan tiap-tiap satu konsortium mengadakan sekurang-kurang 4 syarikat. Jadi, corps tiap-tiap satu konsortium itu ada mempunyai kewangan yang banyak dan teguh, dari segi pengurusan yang mahir, banyak mempunyai pengalaman berpuluh tahun membawa jemaah haji ke Tanah Suci, maka dengan itu kita berharap bahawa konsortium ini akan berjaya membawa jemaah haji dari Malaysia.

Misal kata, tahun lalu, kalau tidak salah saya 10% telah diberi kepada swasta untuk mengendalikan haji dan Insya-Allah, pada satu masa Tabung Haji bolen memberi, kalau hendak 50% bakal naji pergi ke pihak swasta, tetapi syarat yang penting ialah mereka mesti mempunyai keupayaan dan kualiti yang tinggi untuk mengendalikan jemaah haji Malaysia itu. Saya tidak mahu jemaah haji yang balik dari tanah suci kompelin bahawa syarikat konsortium ini tidak seperti yang di Kuala Lumpur dahulu. Berjanji dua orang dalam satu bilik, terpaksa bayar RM20.000 seorang, tetapi apabila di Mekah - 4 orang hingga 6 orang satu bilik. Mana adil, itu tipu. Jadi, saya tidak mahu komen-komen seperti itu akan berlaku selepas ini.

Berkenaan dengan visa umrah, semasa perjumpaan saya dengan Menteri Haji Arab Saudi baru-baru ini, beliau telah mengucapkan tahniah kepada kita dari segi sambutan Tabung Haji yang baik dan juga beliau mengatakan bahawa bilangan rakyat Malaysia yang

menggunakan visa umrah untuk menunaikan haji - dia kata bilangannya sangat kecil, kalau tidak silap saya Tabung Haji dan Konsul Jeneral kita di Mekah tidak mempunyai report yang mengatakan umat Islam dari Malaysia telah ditangkap kerana menggunakan visa umrah semasa musim haji - tahun haji yang lalu, bukan tahun 1993.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan yang jelas daripada Yang Berhormat Menteri, sebab saya dapati ada yang menggunakan visa umrah ke negara Mekah dan terus menunggu sehingga musim haji dan di negara Mekah tersebut ada kumpulan dari orang Mekah sendiri yang menerima - adakan ini disedari oleh Mamlakah Saudi Arabia dan juga kerajaan kita?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai rekod-rekod atau pengetahuan bahawa kes-kes tersebut berlaku tetapi dua, tiga tahun yang lalu pernah berlaku di mana orang—orang dari Malaysia menggunakan visa umrah untuk menunaikan fardu haji. Bermakna mereka tinggal lama di sana sampai musim haji. Kemungkinan, seperti Yang Berhormat telah jelaskan bahawa mereka itu tidak diketahui oleh Kerajaan Arab Saudi dan mereka tidak melapor kepada Tabung Haji di Mekah. Boleh jadi ahli-ahli politik tertentu menggunakan perjalanan yang salah dari segi hukum Arab Saudi.

Point yang terakhir, berkenaan dengan penasihat haji. Sebenarnya Tabung Haji sendiri dengan pengalaman selama 32 tahun telah mempunyai pakar rujuk mereka sendiri dan pakar rujuk ini ialah ulama-ulama yang terkenal di negara ini dan oleh kerana dengan adanya pakar rujuk, kita tidak hendak menyusahkan jawatankuasa-jawatankuasa dari negeri-negeri di seluruh Malaysia untuk datang mesyuarat menjadi Jawatankuasa Penasihat Tabung Haji.

Jadi, dengan itu, kita setakat dengan adanya pakar rujuk yang boleh dikatakan setanding tertinggi pun dari jawatankuasa yang lama, saya fikir itu mencukupi untuk jemaah haji di musim haji. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, point-point yang saya dapat huraikan menjawab kepada soalan-soalan ataupun point-point yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Zaleha Hussin dan sebelum saya mengundur diri, saya ingin mengumumkan kepada Dewan yang mulia ini,

Tabung Haji Malaysia ini boleh dibanggakan sebagai satu institusi yang boleh dikatakan bermutu tinggi kerana dalam perjumpaan saya dengan Presiden Soeharto dalam tnesyuarat tidak rasmi Menteri-menteri Agama Malaysia, Brunei, Singapore dan Indonesia, kami cadangkan kepada Kerajaan Indonesia untuk menubuhkan satu Tabung Haji Indonesia seperti Tabung Haji di Malaysia ini. Oleh kerana dengan bilangan rakyat seramai 200 juta itu, 90% adalah umat Islam, Tabung Haji Indonesia boleh menjadi satu gergasi ekonomi di rantau ini bahkan di Asia, not only in South Asia but as well as in Asia itself. Kalau kita kerjasama dengan Tabung Haji Malaysia, Tabung Haji Indonesia dengan institusi misal kata Tabung Haji Brunei, 3 buah institusi Tabung Haji ini boleh, dengan izin, raid the New York Stock Exchange seperti mereka buat "rigging" kepada Kuala Lumpur Stock Exchange pada hari ini. Kalau foreign funds mencabutkan pelaburannya dari KLSE, kica berasa harga saham kita turun. Kita juga boleh main demikian di New York Stock Exchange ataupun di London Stock Exchange. Itulah hasrat kami dari Tabung Haji. Dengan itu, sekianlah terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertuat** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 59 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang—undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RAN6 UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2) 1994**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **4.47 ptg.**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar**]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya- Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Stem 1949 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan buat kali yang kedua sekarang.

Pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa membentangkan Belanjawan 1995 baru-baru ini.

Di sini, saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Bab 1 Rang Undang-undang ini adalah merupakan pengenalan kepada skop pindaan-pindaan yang terlibat di bawahnya.

Tuan Yang di-Pertua, Bab 11 Rang Undang-undang ini adalah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Pada masa ini, asas percukaian yang diamalkan di negara ini adalah mengikut bidang perolehan dan remittance. Dengan ini, pendapatan yang berpunca di Malaysia dan pendapatan yang berpunca di luar negeri tetapi telah diremit balik ke Malaysia tertakluk kepada cukai di Malaysia.

Namun begitu, bidang tersebut tidak terpakai bagi sektor tertentu iaitu bank, insurans serta perkapalan laut dan udara. Pengecualian cukai di Malaysia tidak menarik bagi pelabur-pelabur untuk meremit balik pendapatan yang telah diperolehi di luar negeri. Bagi memperbaiki keadaan ini, Fasal 4 bertujuan untuk mewujudkan seksyen baru iaitu seksyen 3C untuk memberi pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi di luar negeri dan diremitkan ke Malaysia oleh syarikat pemastautin. Walau bagaimanapun, pengecualian ini adalah tidak meliputi pendapatan syarikat pemastautin yang menjalankan perniagaan bank, insurans, pengangkutan laut dan udara kerana asas percukaian bagi sektor tersebut adalah berdasarkan bidang pendapatan sedunia.

Pengecualian cukai ke atas pendapatan syarikat yang diremit ke Malaysia oleh syarikat pemastautin adalah selaras dengan dasar reverse investment untuk menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia yang berkemahiran melabur di luar negeri dan seterusnya membawa balik pendapatan yang diperolehi. Langkah ini dijangka dapat menambahkan modal dan memperbaiki imbalan pembayaran negara. Pengecualian cukai ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

Sebagai langkah untuk meringankan bebanan cukai individu terutamanya yang berpendapatan rendah, Fasal 5 telah meminda seksyen 6A bagi menambahkan rebat kepada seseorang pembayar cukai dan isterinya jika pendapatan bercukai yang ditaksirkan tidak melebihi RM10,000. Bagi pembayar cukai, rebat berkenaan ditambah dari RM90 kepada RM110, manakala bagi isterinya pula, rebat dinaikkan dari RM50 kepada RM60. Pindaan ini memberi faedah kepada golongan berpendapatan rendah dan akan menjadikan sistem cukai pendapatan individu lebih progresif iaitu golongan yang berpendapatan rendah membayar cukai pendapatan yang lebih kecil dibandingkan dengan golongan berpendapatan sederhana. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1995.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 34B supaya potongan dua kali ke atas perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan ataupun, dengan izin, R&D diperluaskan untuk meliputi pembayaran bagi penggunaan khidmat syarikat R&D dan syarikat R&D (Kontrak) iaitu syarikat R&D yang mendapat galakan taraf perintis ataupun elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Fasal ini juga bertujuan untuk mengelakkan syarikat yang berkaitan dengan suatu syarikat R&D yang telah mendapat galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 daripada layak untuk mendapat galakan potongan khas iaitu potongan kali yang kedua berkenaan perbelanjaan yang dilakukan bagi penggunaan perkhidmatan yang diadakan oleh syarikat R&D itu.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai dari tahun taksiran 1994 selaras dengan pengumuman mengenainya di dalam Belanjawan 1994. Pada masa ini, perbelanjaan hadiah barangan promosi yang mempunyai logo bagi memajukan perniagaan syarikat hanya dibenarkan sebagai potongan sekiranya barangan promosi berkenaan diberi secara percuma kepada pameran perdagangan atau perindustrian yang diadakan di luar negara bagi memajukan eksport atau diberi secara percuma sebagai sample barangan yang diperniagakan atau diberi secara percuma kepada acara sukan dan kebudayaan yang terbuka kepada orang awam sahaja.

Memandangkan kemudahan tersebut sangat terhad, Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 39(1)(1) supaya perbelanjaan ke atas barangan promosi yang mempunyai logo perniagaan syarikat yang di-hadiahkan untuk memajukan perniagaan syarikat layak diberi potongan di dalam menentukan pendapatan bercukai syarikat. Pindaan ini berkuat kuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

Bagi menggalakkan aktiviti latihan teknikal atau vokasional, Fasal 8 bercadang meminda seksyen 44 supaya penderma wang tunai kepada institut latihan teknikal atau vokasional yang ditubuhkan dan dilaksanakan oleh badan berkanun mendapat potongan terhadap pendapatan agregatnya ke atas jumlahwang yang didermakan.

Di samping itu, Fasal 8 ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru supaya derma wang tunai yang dibuat oleh individu bagi mengadakan kemudahan perpustakaan awam, perpustakaan sekolah dan institut pendidikan tinggi dibenarkan sebagai potongan tertakluk kepada had maksima derma sebanyak RM20,000. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1995.

Selaras dengan konsep masyarakat penyayang, Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 46 bagi memberi tambahan pelepasan sebanyak RM5,000 kepada individu yang hilang keupayaan atau cacat. Fasal ini juga memberi pelepasan ke atas (c), sehingga had maksimum RM2,000 yang dibelanjakan oleh individu bagi kursus pengajian dalam negeri di institusi yang diiktiraf oleh kerajaan untuk memperolehi kemahiran teknikal, vokasional atau industri selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan kemahiran rakyat supaya mereka dapat memberi sumbangan yang berkesan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1995.

Fasal 10 bertujuan meminda subseksyen 47(1) supaya pelepasan tambahan sebanyak RM2,500 diberi bagi pasangan yang hilang keupayaan atau cacat. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1995.

Bagi meringankan bebanan keluarga yang mempunyai ramai anak, Fasal 11 memperuntukkan supaya pelepasan sebanyak RM800 bagi seseorang anak di bawah subseksyen 48(2) tidak lagi dihadkan kepada maksimum 5 orang anak. Ini bermakna, setiap orang anak layak mendapat pelepasan sebanyak RM800 seorang. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1995.

Pada masa ini, syarikat insurans nyawa dikenakan cukai ke atas pendapatan pelaburan selepas ditolak perbelanjaan pengurusan dan komisen sehingga maksimum 2X dari baki akaun hasil di hujung tahun. Ini bermakna, tiada pengasingan dibuat berhubung dengan pendapatan kumpulan wang pemegang saham dengan pendapatan kumpulan wang nyawa.

Fasal 12 -bertujuan meminda seksyen 60 untuk memperkenalkan pendekatan baru dalam mengenakan cukai atas perniagaan insurans nyawa, di mana pendapatan kumpulan wang nyawa disifatkan sebagai sumber pendapatan yang berasingan daripada sumber pendapatan kumpulan wang pemegang saham.

Dengan ini, syarikat insurans nyawa akan ditaksirkan atas pendapatan daripada kumpulan wang nyawa dan atas pendapatan kumpulan wang pemegang saham. Bagi kumpulan wang nyawa, pendapatannya adalah dari pendapatan pelaburan dan keuntungan dari pelaburan tabung tersebut selepas diambilkira kos metnperolehi dan merealisasikan pelaburan yang dijual.

Cukai pendapatan ke atas pendapatan kumpulan wang nyawa ini adalah tertakluk kepada kadar cukai konsesi sebanyak 8%. Seksyen 108 adalah tidak terpakai bagi maksud pengagihan dividen daripada pendapatan kumpulan wang nyawa kepada pemegang-pemegang polisi supaya pendapatan dividen yang diterima oleh mereka juga tidak dikenakan cukai pendapatan.

Bagi kumpulan wang pemegang saham pula, pendapatan larasannya yang disifatkan sebagai pendapatan statutory kumpulan wang pemegang saham adalah ditentukan dengan mengambil pertimbangan jumlah pendapatan pelaburan, keuntungan daripada pelaburan kumpulan wang pemegang saham dan lebih aktuari yang berbangkit daripada kumpulan wang nyawa yang diagihkan kepada kumpulan wang pemegang saham.

Walau bagaimanapun, lebih aktuari yang diberbangkit daripada kumpulan wang nyawa dan diagihkan kepada kumpulan wang pemegang saham adalah tertakluk kepada pelarasan atau pembahagian yang difikirkan patut dibuat oleh Ketua Pengarah mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967. Cukai pendapatan ke atas pendapatan kumpulan wang pemegang saham adalah tertakluk kepada kadar cukai syarikat iaitu 30%. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1995.

Fasal 12 selanjutnya memperuntukkan apa-apa kerugian yang tidak diserap oleh perniagaan insurans nyawa sebelum tahun taksiran 1995 iaitu sebelum tahun asas 1994 akan diberi potongan terhadap pendapatan statutory bagi tempoh asas untuk tahun taksiran 1995 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya berkenaan dengan kumpulan wang nyawa penanggung insurans. Begitu juga dengan apa-apa elaun modal yang tidak diserap dan elaun modal tahun semasa di mana potongan hanya diberi terhadap pendapatan larasan bagi tempoh asas bagi tahun taksiran 1995 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya berkenaan dengan kumpulan wang nyawa penanggung insurans.

Di bawah peruntukan sedia ada, hanya tuntutan yang diakui ataupun dengan izin, admitted oleh penanggung insurans pemastautin dan bukan pemastautin berkenaan dengan polisi am yang dikeluarkan olehnya boleh dipotong dalam mengira pendapatan larasan perniagaan insurans am itu. Bagi memastikan tuntutan ke atas penanggung insurans layak mendapat potongan walaupun ia belum lagi dilaporkan, Fasal 12 juga mencadangkan supaya pindaan dibuat di bawah subseksyen (5) dan (6) supaya tuntutan yang akan ditanggung, tetapi belum lagi dilaporkan ataupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Incurred But Not Reported (IBNR), berkaitan dengan polisi am yang dikeluarkan oleh penanggung insurans juga layak mendapat potongan. Pindaan ini berkuat kuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

Fasal 13 bertujuan memasukkan seksyen baru 60AB untuk memperuntukkan bahawa pendapatan yang boleh dicukai berkenaan dengan kumpulan wang nyawa adalah tertakluk kepada cukai yang dinyatakan di bawah Bahagian VIII, Jadual 1 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1995. Pada masa ini, galakan fiskal dan galakan bukan fiskal bagi Ibu Pejabat Operasi ataupun IPO diberi hanya kepada syarikat milik asing yang beroperasi di Malaysia berhubung dengan "qualifying services" yang telah dikenalpasti.

Fasal 14 bertujuan meminda seksyen 60E supaya galakan bagi IPO dapat dipanjangkan kepada syarikat milik tempatan yang menubuhkan IPO di Malaysia. Fasal ini juga bertujuan meminda takrif qualifying services dalam subseksyen 60E(7) untuk tujuan memperluaskan liputannya serta memperluaskan perkhidmatan berhubung dengan pemerolehan daripada pemerolehan komponen sahaja kepada meliputi pemerolehan keluaran siap untuk syarikat berkaitannya atau pejabatnya di luar Malaysia. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1995.

Pada masa **ini**, Tuan Yang di-pertua, potongan yang dibenarkan dalam pengiraan cukai pendapatan koperasi adalah sebanyak 6% daripada kumpulan wang ahli. Fasal 15 bertujuan meminda perenggan 65A(b) untuk memperuntukkan bahawa dalam mengira pendapatan yang boleh dicukai, suatu koperasi bagi sesuatu tahun taksiran, potongan tersebut di atas dinaikkan. daripada 6% kepada 8%. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

Fasal 16 bertujuan meminda seksyen 108 dengan memasukkan subseksyen baru (2D) dan (4D) yang memperuntukkan bahawa cukai pada kadar 30% yang berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1995 akan disifatkan telah dipotong daripada dividen yang diterima oleh pemegang saham dalam tahun 1994.

Begitu juga bagi maksud cukai yang dipotong berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh syarikat dalam tahun 1994 hendaklah pada kadar 30%. Langkah ini adalah bertujuan untuk menyifatkan cukai yang dipotong ke atas pendapatan dividen bagi dividen yang diagihkan kepada individu atau syarikat adalah diselaraskan pada kadar 30%. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

Fasal 17 bertujuan meminda seksyen. 110 untuk memperuntukkan bahawa cukai yang dipotong daripada dividen dalam tahun 1994 yang akan dibenarkan sebagai kredit cukai kepada pemegang saham bagi

tahun taksiran 1995 hendaklah disifatkan pada kadar 30%. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

Fasal 18 bertujuan meminda seksyen 154 untuk memberi kuasa kepada menteri membuat peruntukan bagi pengenaan penalti di bawah kaedah-kaedah yang ditetapkan. Langkah ini bertujuan untuk memastikan pematuhan yang lebih baik kepada peruntukan Akta. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan di bawah Fasal 19 adalah selaras dengan cadangan Belanjawan 1995. Ia bertujuan meminda kadar cukai bagi individu dalam Bahagian I, Jadual 1 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Kadar-kadar sedia ada untuk pemastautin individu di antara 2% hingga 34% dipinda kepada 0% hingga 32%.

Fasal ini juga bertujuan meminda kadar cukai bagi syarikat, orang bukan pemastautin, badan amanah, wasi iaitu dalam hal orang mati yang tinggal di luar Malaysia pada masa kematian dan penerima daripada 32% kepada 30%. Fasal ini juga bertujuan selanjutnya untuk mengurangkan kadar cukai pegangan yang terpakai bagi orang bukan pemastautin dalam Bahagian II, Jadual 1 dan Bahagian V iaitu pengurangan daripada 20% kepada 15% bagi pendapatan faedah dan pengurangan daripada 15% kepada 10% bagi pendapatan royalti dan yuran teknikal.

Kadar-kadar cukai pendapatan bagi koperasi di antara 2% hingga 34% adalah juga dipinda kepada 1% hingga 32% dalam Bahagian IV, Jadual 1. Bahagian baru VIII dimasukkan ke dalam Jadual 1 untuk

mencukai pendapatan yang boleh dicukai Kumpulan Wang Nyawa Penanggung Insurans pada kadar konsesi 8%. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995 kecuali kadar-kadar cukai pegangan yang terpakai bagi orang bukan pemastautin dalam Bahagian II dan Bahagian V yang berkuatkuasa mulai 28hb Oktober, 1994.

Pada masa ini perbelanjaan modal yang digunakan untuk membina bangunan untuk tujuan menjalankan aktiviti R&D oleh syarikat R&D dan syarikat R&D kontrak serta bangunan yang digunakan untuk tujuan latihan teknikal atau vokasional adalah tidak layak mendapat elaun bangunan industri.

Fasal 20 bertujuan meminda perenggan 37B kepada Jadual 3 untuk membenarkan elaun bangunan industri diberikan berkenaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan atas bangunan yang digunakan untuk penyelidikan oleh syarikat R&D atau syarikat R&D kontrak dan juga bangunan yang digunakan untuk tujuan latihan teknikal atau vokasional.

Fasal ini juga bertujuan meminda Perenggan 62 Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa jika sesuatu aset yang merupakan jentera atau loji diberikan sebagai hadiah kepada institut latihan teknikal atau vokasional yang ditubuhkan dan diselenggarakan oleh kerajaan atau badan berkanun atau kepada institut latihan teknikal atau vokasional yang diluluskan oleh menteri, atau kepada suatu institut penyelidikan yang diluluskan, nilai pelupusan hendaklah diangg

sebagai kosong. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1995.

Bagi menggalakkan simpanan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan hari tua, fasal 21 telah memasukkan perenggan baru 36 ke dalam Jadual 6 yang memperuntukkan bahawa jumlah wang yang diterima sebagai anuiti yang diberikan di bawah kontrak anuiti yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans nyawa dan pengendali takaful yang ditubuhkan di Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai. Pindaan ini berkuatkuasa mulai-dari tahun taksiran 1995.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III adalah berkenaan pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Pada masa ini wang yang didermakan oleh syarikat-syarikat kepada kerajaan layak mendapat potongan sekali sementara wang yang didermakan kepada kumpulan wang perumahan kos rendah kerajaan yang diuruskan oleh Bank Negara Malaysia layak mendapat potongan dua kali di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Bagi menyelaraskan kesan penjimatan cukai berhubung dengan derma kepada kumpulan wang perumahan kos rendah kerajaan di kalangan syarikat-syarikat petroleum dengan lain-lain syarikat, maka potongan yang dibenarkan bagi syarikat-syarikat petroleum hendaklah diberi sebanyak 1 1/2 kali sahaja kerana kadar cukai pendapatan syarikat petroleum adalah lebih tinggi iaitu 40% berbanding dengan kadar cukai pendapatan syarikat pada kadar 32% bagi tahun taksiran 1994.

Sehubungan dengan itu, Fasal 25 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 22 bagi memberi potongan tambahan yang bersamaan dengan

setengah kali daripada hadiah wang yang didermakan dalam tempoh dari 1hb November, 1993 hingga 30hb Jun 1994 oleh syarikat-syarikat petroleum kepada kumpulan wang perumahan kos rendah kerajaan yang diuruskan oleh Bank Negara Malaysia supaya potongan sebanyak 1 1/2 kali dapat diberi. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1994.

Bab IV adalah mengenai pindaan kepada Akta Setem 1949. Fasal 27 adalah bertujuan untuk menggantikan seksyen 20B yang lama dengan seksyen 20B yang baru. Seksyen 20B yang baru ini memperuntukkan bahawa kadar duti setem yang dikenakan ke atas suratcara pindah milik harta adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan di bawah butiran 32(a) Jadual Pertama Akta Setem 1949. Pindaan ini akan mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1995.

Bab V adalah mengenai pindaan kepada Akta Penggalakkan Pelaburan 1986. Fasal 29 adalah bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta untuk memasukkan takrif baru tertentu berikutan pengenalan insentif baru yang dimasukkan di bawah rang undang-undang ini serta pindaan kepada badan yang meluluskan projek pelancongan di bawah takrif hotel and tourist project.

Fasal 31 adalah bertujuan raemasukkan seksyen. baru 26G yang raembuat peruntukan bagi membolehkan syarikat yang terlibat dalam bidang latihan teknikal atau vokasional membuat permohonan. uatuk mendapatkan kelulusan bagi galakan elaun cukai pelaburan.

Fasal 32 bertujuan memasukkan seksyen baru 27G yang

memperuntukkan kuasa kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan persetujuan bersama Menteri Kewangan untuk meluluskan permohonan kepada syarikat latihan teknikal atau vokasional bagi mendapatkan elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah seksyen 26G tadi.

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan vokasional Fasal 34 bertujuan memasukkan seksyen baru 29H yang membuat peruntukan bahawa syarikat latihan teknikal atau vokasional yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27G akan diberikan elaun cukai pelaburan sebatiyak 100% atas perbelanjaan modal yang dilakukan bagi tempoh 10 tahun.

Elaun ini akan dikurangkan dari pendapatan statutori dan tertakluk kepada sekatan sebanyak 70% daripada pendapatan statutori bagi tahun taksiran berkenaan,

Pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil atau berbangkit yang dibuat untuk melengkapkan undang-undang ini. Tuan Yang di-pertua, saya moha mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lumj:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di—Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967; Akta Setem 1949 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Nampaknya tidak ada Ahli-ahli yang hendak berbahas.

Ahli-ahli Yatig Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1994

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

##### **5.15 ptg.**

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya monon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang berkenaan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menubuhkan satu badan yang dinamakan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) yang akan mengambil alih tugas-tugas dan fungsi yang sekarang ini dijalankan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN). Tujuan utama Lembaga Hasil Dalam Negeri ditubuhkan adalah untuk mempertingkatkan keupayaan Jabatan dalam menangani perubahan sistem dan persekitaran percukaian negara supaya lebih efisien, efektif, kompetitif serta proaktif.

Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri di dalam mesyuaratnya pada 7hb Oktober, 1992 telah mengarahkan Kementerian Kewangan mengkaji dan mengemukakan cadangan bagi menjadikan Jabatan Hasil Dalam Negeri sebagai sebuah Lembaga.

Lanjutan daripada ini, semasa membentangkan Belanjawan negara 1993 pada 30hb Oktober 1992, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa kerajaan sedang menimbangkan cadangan untuk melembagakan Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) ini. Ini selaras dengan perkembangan aliran pengurusan percukaian di merata-rata dunia yang telah mengalami perubahan ke arah penubuhan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang terkeluar dari, dengan izin, 'government main stream', khususnya di negara-negara Komanwel seperti New Zealand dan Singapura. Berdasarkan pengalaman di lain-lain negara adalah didapati bahawa agensi-agensi kerajaan yang telah dilembagakan dan dipertanggungjawabkan untuk mentadbir cukai telah bergerak dengan lebih dinamik, berkesan dan mantap.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan perdagangan antarabangsa dan perubahan persekitaran percukaian memerlukan peningkatan keupayaan Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk menangani perubahan-perubahan tersebut. Walaupun perubahan ini bertambah kompleks tetapi ianya berpotensi untuk peningkatan kutipan cukai. Di dalam usaha menghadapi cabaran dan potensi ini, Jabatan Hasil Dalam Negeri perlu lebih kompetitif serta mengamalkan pendekatan korporat dalam usaha mencapai matlamat. Kutipan hasil kini telah meningkat dengan pesatnya, iaitu dari RM10 bilion dalam tahun 1990 kepada RM17.1 bilion dalam tahun 1993. Bilangan pembayar-pembayar cukai juga telah meningkat, iaitu dari 2 juta dalam tahun 1990 kepada 2.5 juta dalam tahun 1993. Dengan peningkatan ini, satu pendekatan baru perlu diambil dalam usaha untuk mendapat faedah sepenuhnya.

Oleh itu, Jabatan Hasil Dalam Negeri perlu memberi perhatian terutamanya dalam peruntukan kewangan dan sumber manusia untuk meningkatkan kutipan hasil. Sehubungan dengan itu, penggunaan teknologi maklumat dan automasi pejabat yang canggih perlu diadakan. Ini merupakan salah satu daripada pendekatan yang boleh membantu untuk memastikan perkhidmatan yang saksama dapat diberi kepada pembayar cukai supaya kutipan hasil yang tinggi dari semasa ke semasa dapat terus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor utama bagi mewujudkan Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah seperti berikut:

(1) Meningkatkan Hasil Negara, melalui Potensi Pembayar Cukai Baru

Perkembangan ekonomi yang pesat telah mengakibatkan pertambahan kutipan hasil dan juga jumlah pembayar-pembayar cukai baru sejak empat tahun yang lalu. Perbandingan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pembayar Cukai	Jumlah Kutipan
1990	2,017,994	RM10.423 bilion
1991	2,194,978	RM13.199 bilion
1992	2,351,793	RM15.404 bilion
1993	2,511,020	RM17.197 bilion

Dengan pertambahan yang pesat ini, Jabatan Hasil Dalam Negeri perlu menguruskannya dengan lebih cekap bagi memberi perkhidmatan terbaik dari masa ke semasa.

(2) Cabaran Baru

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat serta kedudukan kewangan, sosial dan politik yang stabil, Malaysia mempunyai potensi terbaik untuk negara-negara asing membuat pelaburan. Di dalam hubungan ini, akan wujud peluang bagi kerajaan untuk memperluaskan asas percukaiannya.

**(3) Membanteras Pelarian Cukai**

Jabatan Hasil Dalam Negeri juga menghadapi cabaran daripada pembayar cukai sama ada individu ataupun syarikat. Jumlah kes siasatan yang telah selesai meningkat dari 120 kes dalam tahun 1985 kepada 383 kes dalam tahun, 1993. Jumlah denda cukai yang dikutip juga meningkat dari RM38 juta dalam tahun 1985 kepada RM210 juta dalam tahun 1993.

**(4) Pendekatan Baru Terhadap Percukaian**

Jabatan Hasil Dalam Negeri perlu meningkatkan proses dan prosedur kerja dengan memperkenalkan cara-cara baru untuk menjalankan tugas dengan lebih efektif ke arah penghasilan kerja-kerja yang lebih cemerlang dalam usaha meningkatkan kutipan cukai negara.

**(5) Mempertingkatkan Tugas-tugas Pengauditan Cukai**

Tugas pengauditan yang dijalankan walaupun secara tidak tersusun telah menunjukkan kesan positif di mana cukai tambahan dapat diperolehi bagi kes-kes yang diaudit. Umpamanya, tugas audit yang dijalankan oleh penaksir-penaksir di Cawangan Syarikat Kuala Lumpur ke atas 17 kes sahaja telah menghasilkan cukai tambahan sebanyak RM5,359,261. Sekiranya tenaga penaksir

ditumpukan kepada tugas audit, cukai tambahan dijangka akan terus meningkat.

(6) Sistem Teknologi Maklumat

Jabatan Hasil Dalam Negeri sedang dalam proses untuk mempermodenkan sistem-sistem yang ada secara berperingkat-peringkat. Peningkatan sistem komputer sedang dilaksanakan di bawah projek permodenan untuk sistem hasil ataupun, dengan izin, PUSH yang akan melibatkan, peningkatan peralatan komputer di semua peringkat. Dengan peningkatan ini, Jabatan Hasil Dalam Negeri dijangka dapat menambah pungutan hasil sebanyak RM3 bilion dalam tempoh 5 tahun.

(7) Memberikan Perkhidmatan Yang Lebih Baik Kepada Perkhidmatan Pembayar Cukai

Perkhidmatan pembayar cukai perlu mendapat layanan istimewa. Di dalam hubungan ini, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah memberi penekanan kepada perkhidmatan pelanggan di samping usaha-usaha gigih meningkatkan hasil dengan kos yang minimum.

(8) Perkhidmatan Yang Berorientasikan Pelanggan

Pengalaman semasa Minggu Perkhidmatan Pembayaran Cukai (MPPC) yang diadakan dalam tahun-tahun 1991, 1992, 1993 dan 1994 telah menunjukkan bahawa melalui perkhidmatan yang mesra dan sikap sedia membantu yang diamalkan, pembayar-pembayar cukai telah dengan secara sukarela tampil ke hadapan untuk menyelesaikan masalah cukai

mereka. Dalam tahun ini sahaja, seramai 172,967 pembayar cukai telah mengunjungi kaunter-kaunter MPPC berbanding dengan seramai 103,283 orang dalam tahun 1993 dan 62,164 dalam tahun 1992.

(9) Pendidikan cukai

Usaha-usaha telah diambil untuk menyediakan lebih banyak risalah dan buka-buku panduan percukaian untuk pembayar cukai. Di samping itu, sesi taklimat dan dialog juga diadakan agar semua yang terlibat dalam urusan percukaian, memahami akan tanggungjawab masing-masing serta mematuhi peruntukan perundangan dengan betul dan teratur.

(10) memupuk Budaya Karporat

Pendekatan terhadap pengurusan percukaian negara haruslah berubah mengikut arah aliran yang ada sekarang. Budaya kerja yang mementingkan kualiti dan produktiviti hendaklah sentiasa dipertingkatkan kepada semua pegawai dan staff jabatan.

(11) Mengurangkan Masalah Brain Drain dan Kekurangan Tenaga Mahir

Soal ini menjadi lebih serius dari hari ke hari. Gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang dilaksanakan di Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak dapat menjadi satu dorongan kepada warganegara yang berkelayakan untuk memasuki pekhidmatan jabatan. Tenaga profesional yang sedia berkhidmat dengan jabatan telah meninggalkan perkhidmatan jabatan untuk berkecimpung di dalam sektor swasta. Masalah ini amat ketara beberapa tahun kebelakangan ini. Jika masalah ini tidak dikurangkan adalah dikhuatiri jabatan tidak mempunyai tenaga mahir dan profesional yang

boleh membantu jabatan untuk mencapai hasrat meningkatkan hasil kutipan. Di samping itu, jika tenaga profesional jabatan meninggalkan perkhidmatan jabatan dan memasuki perkhidmatan swasta adalah dikhuatiri akan berlaku kebocoran fakta, aturcara percukaian kerajaan dan akan memberi kesan yang tidak baik terhadap usaha kerajaan dalam membanteras pelarian cukai dan menambah kutipan cukai negara.

#### **Kuasa Lembaga Hasil Dalam Negeri**

Lembaga Hasil Dalam Negeri akan berfungsi sebagai agen kepada kerajaan dalam mentadbir, mentaksir, memungut dan menguatkuasakan undang-undang dan akta serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pentadbiran cukai pendapatan negara. Lembaga Hasil Dalam Negeri juga akan memainkan peranan dalam memberi pandangan serta nasihat kepada kerajaan tentang apa juga perkara-perkara yang berkaitan dengan cukai pendapatan. Di samping menguruskan seminar, latihan serta hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara-negara luar dalam bidang percukaian. Lembaga Hasil Dalam Negeri akan diberi kuasa untuk mengikat kontrak dengan mana-mana pihak dalam menjalankan tugas dan fungsinya.

#### **Ke Arah Mencapai Matlamat Lembaga**

Lembaga juga mempunyai kuasa untuk menggunakan semua harta-harta Lembaga dan menguruskan aktiviti-aktiviti bagi menggalakkan pemahaman yang lebih baik tentang percukaian. Mana-mana bayaran yang dikenakan terhadap perkhidmatan profesional

yang diberikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri akan dianggap sebagai hasil kepada Lembaga. Di samping itu, kuasa dalam menguruskan soal kewangan dan mewujudkan skim perkhidmatan, struktur gaji dan sistem saraan termasuk mewujudkan jawatan dan lain-lain urusan personnel juga berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.

Tuan Yang—di-Pertua, selaras dengan hasrat dan fungsi seperti yang saya telah jelaskan tadi, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan ditadbir oleh sebuah Lembaga Pengarahnya yang tersendiri, yang berlandaskan akta tersendiri, Akta LHDN 1994. Semua ahli lembaga pengarah LHDN ini akan dilantik oleh Menteri Kewangan. Lembaga Pengarahnya adalah terdiri daripada seorang Pengerusi Eksekutif, 4 orang wakil dari sektor awam dan yang mana orang daripadanya adalah wakil dari Perbendaharaan dan 2 orang wakil bebas yang berasaskan pengalaman dalam bidang kewangan, komersil, percukaian atau undang-undang.

Dengan ini, adalah menjadi hasrat Kementerian Kewangan dengan tertubuhnya LHDN ini, ianya akan memainkan peranan yang lebih berkesan, responsif dan sensitif terhadap penambahan kutipan hasil negara. Keupayaan ini akan mudah tercapai dengan adunan penggunaan teknologi maklumat yang tinggi dan terkini serta automasi pejabat yang akan terus meningkatkan pengurusan berkualiti dan produktiviti di LHDN. Dengan peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pembayar cukai serta pengwujudan budaya korporat dalam perkhidmatan dan pengurusan LHDN akan terus memainkan peranan berkesan dalam kutipan hasil negara, maka matlamat kepada wawasan negara seperti direncanakan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

**5.30 ptg.**

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dan untuk menyokong suatu Akta bagi menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Saya percaya bahawa matlamat utama perbadanan Jabatan Hasil Dalam Negeri ialah supaya mempertingkatkan kecekapannya. Apa yang dimaksudkan dengan kecekapannya ialah bahawa usaha cukai negara ini seperti yang diukur oleh jumlah hasil cukai pendapatan sebagai peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar, akan meningkat. Ini tidak perlu dan tidak harus dicapai melalui sebarang peningkatan dalam kadar cukai pendapatan tidak kira sama ada kadar cukai pendapatan perseorangan ataupun syarikat.

Memang trend sedunia adalah ke arah menurunkan kadar-kadar cukai pendapatan perseorangan dan syarikat dan memang ini juga merupakan trend yang wujud di negara ini. Rasional adanya trend sedemikian rupa ialah kerana orang perseorangan akan mendapat dorongan untuk menambahkan penawaran usaha mereka, sementara syarikat-syarikat akan dapat mempertingkatkan tabungan dan seterusnya pelaburan dan seterusnya keupayaan penawaran negara akan bertambah. Pemintaan juga akan meningkat lantaran daripada peningkatan dalam penggunaan isi rumah dan ini adalah berekoran daripada adanya peningkatan dalam pendapatan peribadi bolehguna dan adalah juga disebabkan oleh peningkatan dalam pelaburan yang dijalankan oleh firma-firma hasil daripada adanya simpanan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kadar cukai di negara Kita telah pun dikurangkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini, namun hasil cukai pendapatan yang dikutip telah pun meningkat. Hasil cukai pendapatan sebagai peratus daripada jumlah hasil cukai Kerajaan Persekutuan telah meningkat daripada 36.42 pada tahun 1991 kepada 37.6% pada tahun 1993. Ini sudah tentu adalah hasil daripada adanya peningkatan kecekapan dalam pengutipan cukai pendapatan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dan juga pengurangan dalam insiden pengelakan cukai oleh pembayar-pembayar cukai.

Berkenaan dengan pengelakan cukai, insentif untuk pengelakan cukai akan meningkat apabila kadar cukai pendapatan adalah tinggi sementara insentif untuk mengelakkan daripada membayar cukai akan dikurangkan apabila kadar cukai pendapatan dikurangkan. Walaupun demikian, pengelakan daripada membayar cukai tidak dapat dihapuskan sama sekali. Ini adalah kerana di mana jua pun termasuklah di negara kita wujudnya apa yang disifatkan sebagai ekonomi hitam ataupun ekonomi di bawah tanah atau dengan izin, black or underground economy di mana pendapatan yang diperolehi sama ada tidak dilaporkan ataupun nilainya kurang dilaporkan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri, adanya keperluan untuk mengurangkan saiz ekonomi bawah tanah ini yang saiznya saya tidak begitu pasti, jika kita ingin mempertingkatkan lagi kutipan hasil cukai.

Selain daripada terus mengurangkan kadar cukai pendapatan, satu cara yang harus diambil ialah mewujudkan satu sistem mengawasi untuk mengawasi tentang kurang laporan pendapatan yang diperolehi, khasnya oleh, dengan izin, self-employed professionals - ahli-ahli iktisas self-employed.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa sering kali ramai di antara ahli-ahli iktisas ini bebas daripada membayar cukai yang rendah walaupun mereka ini merupakan golongan yang memperoleh pendapatan yang tinggi. Sementara ramai yang memperoleh pendapatan yang lebih rendah tetapi oleh kerana mereka tergelung dalam kategori makan gaji, akhirnya terpaksa membayar cukai yang lebih. Ahli-ahli iktisas self-employed dapat terlepas daripada membayar sebahagian daripada apa yang mereka patut bayar melalui kurang melaporkan nilai pendapatan yang mereka sebenarnya perolehi dan melalui satu sistem perakaunan cerdik atau dengan izin, intelligent accounting hasil dan perbelanjaan firma-firma mereka.

Oleh yang demikian wujudnya satu bentuk keregresifan (regresiveness) dalam sistem cukai pendapatan negara kita di mana terdapat satu golongan rakyat Malaysia yang mempunyai kebolehan untuk membayar cukai yang lebih tinggi tetapi sebenarnya membayar cukai yang kurang dan justeru itu menanggung beban cukai yang lebih rendah berbanding dengan ramai yang makan gaji yang walaupun memperoleh pendapatan yang rendah, akhirnya terpaksa membayar cukai yang lebih tinggi dan justeru itu menanggung beban cukai yang lebih berat.

Saya sedar bahawa masalah ini tidak dapat dihapuskan 100% tetapi usaha-usaha harus diambil untuk mengurangkannya. Saya berharap Jabatan Hasil Dalam Negeri yang akan diperbadankan nanti akan mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah ini, kalau tidak 100% pun tetapi sedapat mungkin mengurangkannya. Satu cara ialah dengan menambahkan lagi bilangan kakitangan yang diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dengan adanya sumber-sumber tenaga

manusia yang lebih, Lembaga ini boleh menggembangkan lebih ramai lagi kakitangan untuk mengawasi paras perniagaan dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka yang terdapat dalam, dengan izin, self-employment yang setakat ini telah kurang membayar cukai mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan ialah berkait dengan pembangunan sumber-sumber manusia Lembaga Hasil Dalam Negeri. Seperti apa yang telah saya katakan tadi, banyak firma-firma di Malaysia mengamalkan apa yang disifatkan sebagai perakaunan cerdik (intelligent accounting). Adalah penting akaun-akaun firma-firma perniagaan dan iktisas ini disemak dengan teliti.

Untuk maksud ini, lebih ramai lagi kakitangan khasnya mereka yang terlatih dalam perakaunan dan bidang kewangan harus diambil olen Lembaga Hasil Dalam Negeri. Akan tetapi kakitangan yang berkemahiran tinggi ini amat susah didapati khasnya memandangkan kepada hakikat bahawa pasaran buruh sedia kala adalah begitu ketat. Dalam hal ini Lembaga Hasil Dalam Negeri terpaksa bertanding ataupun bersaing di pasaran buruh dengan sedia membayar gaji yang lebih tinggi supaya dapat menarik kakitangan-kakitangan yang terlatih dalam perakaunan dan kewangan menyertainya.

Dengan pemerbadanan Lemaga Hasil Dalam Negeri ini, ia patut mempunyai fleksibiliti yaag lebih untuk bergerak balas kepada keadaan-keadaan yang wujud di pasaran. Saya memang berharap setelah pemerbadanan, ianya akan dapat dibebaskan daripada kekangan-kekangan birokratik berkait dengan isu gaji kakitangan dan seterusnya sedia membayar lebih supaya dapat menarik kakitangan yang berkemahiran

tinggi untuk berkhidmat dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu cara lagi ialah melalui program pembangunan sumber-sumber manusia secara langsung oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri sendiri. Sekali lagi Lembaga harus dibenarkan untuk menentukan amaun ianya akan berbelanja ke atas pembangunan sumber-sumber manusia yang pada hemat saya harus dilaksanakan secara intensif dan sekali lagi perhatian yang lebih haruslah ditumpukan kepada melatih lebih ramai lagi kakitangan dalam bidang-bidang perakaunan, percukaian dan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan.

Saya dapati bahawa Lembaga masih perlu memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mendapatkan dana bagi mengendalikan operasinya. Saya rasa kluatir ada atau tidak amalan sedemikian akan menghadkan flexibility dan seterusnya melambatkan koresponsifan Lembaga Hasil Dalam Negeri sekiranya masih terdapat pemeriksaan birokrasi ke atas segala aktiviti yang dijalankan oleh Lembaga ini yang memerlukan pembiayaan oleh Kementerian Kewangan. Saya tidak menyarankan bahawa tidak harus adanya pemerintahan sedemikian. Ini adalah kerana dana yang diberikan kepada Lembaga ini adalah wang rakyat yang harus dibelanjakan dengan cermat. Walau bagaimanapun, supaya tidak menghadkan keberkesanan Lembaga setelah ianya diperbadankan, adalah penting, dengan izin, 'birocratic red tape' dikurangkan agar Lembaga ini mempunyai dana yang mencukupi untuk melaksanakan program-programnya dengan cepat.

Tuan Speaker, selain daripada perlu mengurangkan, dengan izin, birocratic red tape oleh Kementerian Kewangan, Lembaga sendiri harus mengambil langkah-langkah untuk manperingkatkan daya pengeluaran ataupun produktiviti kakitangannya selepas diperbadankan. Suatu peningkatan dalam daya pengeluaran akan meningkatkan hasil cukai pendapatan yang dikutip, dan pada masa yang sama mengurangkan kos kutipan. Adalah penting bahawa kos pentadbiran pengutipan cukai sebagai sebahagian daripada hasil cukai pendapatan dikutip terdapat pada paras yang rendah dan harus dikurangkan dalam peredaran masa. Ini adalah kerana salah satu daripada prinsip pencukaian ialah

bahawa kos pengutipan sebagai bahagian daripada hasil cukai pendapatan haruslah terdapat pada paras yang rendah, kerana kalau tidak, hasil cukai pendapatan bersih akan menjadi rendah.

Lembaga harus juga mengambil langkah-langkah selepas perbadanan untuk menaikkan imejnya sebagai sebuah entiti yang tegas tetapi menyayang. Usaha-usaha berterusan harus diambil untuk memudahkan di mana boleh borang cukai pendapatan. Saranan-saranan mengenai kaedah pembayaran cukai pendapatan yang dapat mengurangkan beban kewangan bulanan pembayar-pembayar cukai harus dibenarkan ke atas alasan keperimanasian.

Akhirnya, saya berharap kedua-dua bahagian pentafsiran dan pengutipan Lembaga Hasil Dalam Negeri di semua negeri dapat disatukan di satu tempat supaya tidak menyusahkan orang ramai. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan ada mengatakan bahawa salah satu daripada langkah yang akan diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri ialah mengadakan dialog-dialog dengan orang ramai supaya lebih ramai dapat memahami cara mengisi borang dan perlunya mematuhi undang-undang Akta Cukai Pendapatan. Dalam mengadakan dialog ini, saya berharap Jabatan Hasil Dalam Negeri akan diperbadankan nanti, akan bekerjasama dengan dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan perdagangan dan sebagainya untuk mengadakan seminar-seminar dan seterusnya supaya skop seminar ini dapat meliputi lebih ramai lagi, dan cara yang demikian saya pasti keberkesanan dan kecekapan Lembaga Hasil Dalam Negeri akan dapat dipertingkatkan lagi.

Itu sahaja, Tuan Speaker, saya sekali lagi ingin menyuarakan sokongan saya kepada Akta yang ada di depan Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Timbalan Yaag di-Pertua: Puan Kian Sit Har.

5.45 ptg.

**Puan Kian Sit Har:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun di sini untuk memberikan sedikit pandangan tentang Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1994. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1994 yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, memberikan kuasa dan fungsi, mengadakan peruntukan kewangan bagi Lembaga tersebut dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Borang taksiran cukai pendapatan diedarkan pada setiap bulan Mac.

Bagi kemudahan orang ramai mendapatkan bantuan tentang taksiran cukai pendapatan, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah menetapkan pegawai-pegawainya di pusat membeli-belah dan juga Radio Malaysia bagi membantu orang ramai dan menjawab soalan-soalan jika ada. Keadilan yang saksama membuat taksiran adalah supaya orang ramai mempunyai keyakinan terhadap Jabatan Hasil Dalam Negeri. Misalnya seorang guru yang bersara awal mungkin beranggapan bahawa bayaran pencennya tidak perlu dibayar cukai. Penjelasannya yang diberi oleh pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri ialah cukai harus dibayar sekali pun si pembayar cukai telah mencapai umur 55 tahun. Ini adalah kerana si pembayar cukai telah memilih persaraan awal. Jika benar penjelasan yang diberi, maka orang ramai harus dimaklumkan tentang hal **ini**. Kepada pegawai-pegawai yang membuat taksiran harus diberikan bimbingan dan kursus supaya semasa menjalankan tugas tidak akan timbul kekeliruan dan kehilangan kepercayaan dari orang ramai. Perbezaan pendapatan yang bercukai harus diperjelaskan agar rakyat

benar-benar memahami walaupun menjadi tanggungjawab kepada setiap rakyat untuk membayar cukai.

Akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1994. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Yang Berhormat Tuan Saidin.  
5.48 ptg.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1994, maka saya sukacita mengambil bahagian bagi membincangkan satu dua perkara yang saya fikir perlu saya sebutkan bagi tambahan fikiran dan sebahagian daripadanya mesti dilakukan demi mengutuhkan Lembaga, iaitu dengan cara mendisiplinkan pertanggungjawaban.

Tuan Yang di-Pertua, baru tadi kita mendengar penjelasan yang begitu konkrit dari Setiausaha Parlimen betapa penambahan pendapatan melalui cukai pendapatan ini daripada tahun ke setahun dan betapa perancangan bagi meningkatkan ekonomi negara melalui Lembaga ini yang telah digariskan oleh pihak yang bertanggungjawab. Selain daripada meningkatkan hasil, Setiausaha Parlimen tadi telah manperjelaskan tentang pembanterasan larian cukai. Ini adalah satu-satunya kerja yang kuat yang akan ditumpukan oleh pihak Lembaga dalam mempertingkatkan perolehan daripada orang-orang yang selayaknya memberi cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyemak Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri dan saya biasa membaca penggubalan Akta yang lain dan saya percaya Akta itu telah dikemukakan dengan mengambil kira dan berpandukan kepada Akta-akta yang lain. Justeru itu akta yang dibentangkan dalam Dewan ini begitu konkrit, begitu kukuh dan saya yakin Dewan ini akan menerima dengan penuh keyakinan.

Namun demikian, seksyen 12(5) dalam Akta yang baru ini, pada saya amat kurang sesuai iaitu tentang pembatalan Jawatankuasa tanpa memberi sebab. Ini membayangkan ketidakadilan dan bersikap kuku besi dan amat tidak sesuai dengan keadaan alam sebelah Timur kerana zaman material dan kebendaan yang bermaharalela sekarang ini, berbagai fitnah, lebin-lebin lagi cara yang halus, seseorang yang bersabit dengan apa-apa anggapan ataupun tuduhan wajar dipanggil bagi membela diri di hadapan pengadilan bagi menyatakan sebab-seoab kenapa tindakan tidak bolen diambil terhadap mereka yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 14(2) seringkali terdapat penyata, akaun ataupun maklumat-maklumat lain seperti mana yang dikehendaki tidak dapat dibekalkan seperti yang ditentukan. Pelbagai kerenah kedapatan dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh menteri ataupun pihak yang berwajib. Kelemahan menyediakan maklumat kepada yang berkenaan dan salah laku yang dilakukan acap kali tidak mengikut prosedur walaupun tempon tertentu diberikan. Sebagai contoh yang ketara dan boleh menjadi panduan yang sangat berguna kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri ialah berkenaan dengan teguran Ketua Audit Negara ternadap kerajaan negeri yang menjalankan projek RM2juta.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi yang hendak berbahas? Dengan hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

**5.56 ptg.**

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 3 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang ini, iaitu Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon, Yang Berhormat Puan Kian Sit Har dan Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad.

Sebagaimana yang telah saya predictkan, iaitu Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon sebagai seorang Ahli Ekonomi telah pun memberi beberapa cadangan yang baik kepada pihak kerajaan untuk memperkemas dan meningkatkan lagi usaha-usaha, meningkatkan cukai dan juga meningkatkan efisieasi di dalam pengutipan cukai oleh Lembaga yang baru ditubuhkan tadi.

Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon membangkitkan perkara-perkara yang penting, seperti beliau bertanya berapa saiznya apa yang dipanggil underground economy ini. Jadi, ini kami akan mengambil peringatan dan akan cuba melalui unit intelligent yang wujud di dalam Lembaga ini agar saiz sebegini akan ditentukan dari masa ke semasa untuk kita mengetahui berapa banyak kebocoran hasil negara yang berlaku hasil daripada underground economy seperti Yang Berhormat tanya tadi.

Yang Berhormat telah mencadangkan satu sistem pengawasan ke atas soal-soal self-employed professional oleh ahli-ahli iktisas. Di sini ingin saya nyatakan bahawa orang-orang yang self-employed

professionals ini, mereka bekerja sendiri dan biasanya akan menggunakan peruntukan-peruntukan yang sedia ada yang dibenarkan untuk mengurangkan cukai masing-masing. Dia ada leeway dan dia ada kebebasan untuk begitu. Jadi, apa yang mereka gunakan daripada peruntukan-peruntukan yang sedia ada itu adalah daboolehkan. Kalau kita hendak membandingkan mereka dengan pekerja-pekerja yang makan gaji, biasanya tidak dapat. Orang-orang yang makan gaji tidak ada 'Weeway' ataupun tidak ada peruntukan untuk mengurangkan ini.

Jadi, oleh itu orang yang makan gaji tidaklah dapat membuat seperti apa Yang Berhormat panggil tadi, intelligent accounting dan lain-lain lagi dan seolah-olahnya mereka adalah tidak diberi layanan yang baik. Tetapi inilah hakikatnya, bahawa dalam keadaan.sebegini, asalkan self-employed professionals tadi membuat potongan ataupun menggunakan, .peruntukan-peruntukan. itu, itu adalah di bawah cakupan undang-undang yang ada - mereka diboolehkan.

Apa yang saya sebut tadi ialah untuk memastikan bahawa kita mengetahui tentang saiz underground economy itu, memanglah kita ada alat-alat dan juga pegawai-pegawai yang dilatih untuk mengendalikannya. Perhatian akan sentiasa akan diberi untuk mengesan aktiviti yang disebutkan tadi. Sekiranya terbukti dan dikesan jumlah cukai, penaltinya akan dikenakan secara berkesan dan dengan adanya Lembaga ini usaha-usaha ini akan lebih berhasil dan berkesan.

Yang Berhormat Dr. Toh Rin Woon juga mencadangkan- mengenai dengan mengurangkan penggunaan borang. Penggunaan borang pada masa ini adalah tidak dapat dielakkan, kerana borang-orang yang ada adalah borang-borang yang paling dikurangkan sebanyak-banyaknya dan ianya perlu untuk mengetahui tentang pendapatan-pendapatan dan butir-butir untuk dibuat penafsiran dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, struktur borang dan lain-lain aspek sentiasa kita kaji untuk memastikan bahawa perkara dan masalah ini tidak berbangkit.

Yang Berhormat Dr.Toh juga mencadangkan supaya kita mewujudkan lebih banyak pejabat yang mempunyai Unit Penaksiran dan Pungutan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dalam tahun 1995 sebanyak 8 buah cawangan akan diwujudkan di bawah Lembaga ini dan desentralisasi cawangan pungutan juga akan diwujudkan iaitu decentralization, dengan- izin, cawangan-cawangan pungutan ini akan diwujudkan supaya kutipan berlaku dengan lebih berkesan.

Lain-lain cadangan yang dibuat oleh Dr. Toh akan diambil perhatian, mengenai dengan gaji yang lebih tinggi kepada pegawai-pegawai yang diserapkan ke dalam Lembaga, latihan yang banyak diberi kepada kakitangan, pengambilan pegawai-pegawai yang mempunyai kelulusan perakaunan, perauditan, ini semuanya diambil kira di dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti Lembaga Hasil Dalam Negeri yang ditubuh untuk tujuan itu semata-mata.

Yang Berhormat Puan Kian Sit Har juga membangkitkan soal guru yang bersara yang perlu membayar cukai. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, mana-mana guru yang bersara, dia perlu membayar cukai di atas pendapatan yang didapatinya semasa ianya bekerja dan kita semua maklum bahawa pendapatan dari pencen tidak dicukaikan.

Jadi, sesiapa sahaja bersara, bukan hanya terhad kepada guru-guru tetapi kepada sesiapa sahaja yang bersara yang mana gajinya dipotong oleh pihak Jabatan untuk membayar cukai, maka perlulah diselesaikan masalah percukaian di atas hasil kerjanya dahulu. Selepas itu, barulah boleh ia terlepas cukai jikalau dia

bergantung semata-mata ke atas pendapatan pencen ataupun persaraannya.

Yang Berhormat Tuan Saidin, akhir sekali telah menyebut mengenai pelarian cukai iaitu perkara yang disebut juga oleh Yang Berhormat Dr. Toh tadi. Ini akan kita ambil seperti mana yang kita jawab tadi, kita akan ambil perhatian untuk membanteraskan dan kita mengurangkan/meminimumkan aspek ini supaya negara dapat menikmati lebih banyak cukai pendapatan yang sepatutnya dikutip.

Mengenai dengan perkara yang disebut oleh Yang Berhormat iaitu teguran Ketua Audit Negara, saya tidak dapat menjawab di sini kerana perkara ini adalah spesifik. Kalau boleh Yang Berhormat memberi segala detail mengenai dengan percukaian terhadap syarikat, Yang Berhormat sebut tadi, pada saya selepas persidangan ini bolehlah kita serahkan kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menilai dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dengan itu, sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

**Fasal 1 hingga 34** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama hingga Ketiga diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAH WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 1994

Bacaan **Kali** Yang Kedua dan Ketiga

6.07 ptg.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rumpunan Wang Simpanan Pekerja, 1991 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk membuat beberapa pindaan ke atas Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1991 (Akta 452).

Tuan Yang di-Pertua, KWSP ditubuhkan pada tahun 1951 melalui Akta KWSP 1951. Sejak penubuhannya lebih 44 tahun lalu, Akta ini telah dipinda pada tahun 1991 bagi memenuhi keperluan pada masa itu. Walau bagaimanapun, dengan adanya perubahan dasar-dasar kewangan kerajaan sejak kebelakangan **ini**, maka KWSP harus dibolehkan bertindak lebih bebas, terbuka dan berorientasikan pasaran.

Peranan tradisional KWSP sebagai agensi kerajaan dan sumber pembiayaan kewangan kerajaan telah semakin berkurangan.

Di samping itu, keperluan sosial juga turut berubah. Ini adalah disebabkan oleh perubahan struktur kependudukan dan tahap kemajuan ekonomi negara. Oleh itu, sebagai sebuah institusi keselamatan sosial yang terpenting di negara ini, maka KWSP perlu dinamik dan berupaya memenuhi cita rasa dan keperluan yang berubah. Oleh hal yang demikian, Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Wang Pekerja 1991 adalah dibuat dengan tujuan:-

- (i) KWSP merupakan sebuah institusi keselamatan sosial bercorak kumpulan wang simpanan atau, dengan izin, "provideht fund" yang terulung di negara ini, yang berfungsi sebagai pemegang amanah bagi kumpulan wang simpanan ahli-ahlinya yang berjumlah 7.1 juta orang. Ini meliputi lebih kurang 88% dari tenaga kerja negara. KWSP memikul tanggungjawab menentukan bahawa ahli-ahlinya sentiasa dapat menikmati kemudahan-kemudahan dan faedah-faedah pra-persaraan dan persaraan yang bermakna.

- (ii) Sebagai sebuah institusi keselamatan sosial yang terulung di negara ini, yang mengalami perkembangan pesat dalam peranannya, adalah perlu KWSP sentiasa memperkukuhkan dan memperbaiki jentera pentadbiran dan sistem operasinya.
- (iii) Sebagai sebuah institusi bercorak pemegang amanah adalah menjadi tanggungjawab KWSP untuk menghasilkan pulangan yang berpatutan dan stabil ke atas simpanan ahli-ahlinya. Selaras dengan tanggungjawab ini, dasar pelaburan KWSP hendaklah dikaji dari masa ke semasa untuk menentukan bahawa KWSP berkeupayaan memberikan pulangan yang berpatutan kepada ahli-ahlinya,
- (iv) Dalam menjalankan peranannya untuk menyediakan jaminan kewangan kepada ahli-ahlinya ketika hari tua, satu masalah yang dihadapi oleh KWSP ialah penyelewengan di kalangan majikan. Dengan itu, KWSP perlu mengkaji keberkesanan sistem penguatkuasaan dan pengawalannya dan untuk mengubah sistem ini, jika perlu.
- (v) Dengan perkembangan-perkembangan baru dalam sistem keselamatan sosial di negara kita ini, maka beberapa skim pengeluaran baru untuk faedah pra-persaraan dan persaraan perlu diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta KWSP (Pindaan) 1994 ini merangkumi beberapa peruntukan untuk memenuhi kehendak dan matlamat seperti yang dinyatakan sebentar tadi.

Peruntukan-peruntukan utama adalah seperti berikut:-

Di Fasal 2 Rang Undang-undang, beberapa istilah berkaitan dengan operasi dan kegiatan KWSP diberikan takrifan yang terperinci bagi memastikan bahawa tiada kekeliruan timbul semasa pemakaiannya. Takrifan yang terperinci ini akan memudahkan pelaksanaan peruntukan-peruntukan di bawah Akta KWSP. Antara lain istilah-istilah berikut telah diberi takrif baru:

- (a) bayaran lebih masa;
- (b) faedah persaraan;
- (c) ganjaran;
- (d) menteri; dan
- (e) pinjaman perumahan khas.

Di bawah fasal 2 juga, takrif pekerja dan upah juga dipinda. Takrif pekerja yang dicadangkan adalah lebih luas daripada takrif sekarang. Di bawah takrif yang dicadangkan, "pekerja" bererti mana-mana orang yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan. Dengan pindaan ini, seseorang yang berumur di bawah 16 tahun juga boleh termasuk di dalam pengertian pekerja sekiranya dia diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan. Ini adalah untuk menyelaraskan peruntukan Akta KWSP dengan peruntukan, dengan izin, Children and Young Persons (Employment) Act 1966 yang membenarkan mana-mana orang yang berumur

di antara 14 tahun hingga 16 tahun bekerja secara sah dalam mana-mana tred, perniagaan, industri dan pekerjaan. Di bawah peruntukan sekarang, umur minimum yang dibenarkan mencarum ialah 16 tahun.

Takrif "upah" dipinda dengan mengecualikan pembayaran-pembayaran berikut:-

- (a) Faedah pengurangan pekerja, pemberhentian sementara atau penamatan;
- (b) Mana-mana elaun perjalanan ataupun nilai mana-mana konsesi perjalanan; dan
- (c) Mana-mana saraan ataupun bayaran lain sebagaimana yang dikecualikan oleh menteri.

Pembayaran faedah dan elaun di atas adalah wajar dikecualikan daripada takrif upah oleh sebab pembayaran ini dibuat sebagai pampasan dan bayaran balik kepada pekerja dan bukan upah kepada pekerja.

Fasal 6 dan Fasal 7 rang undang-undang adalah bertujuan untuk memperluaskan lagi skop pelaburan yang boleh diceburi oleh KWSP. Pengurusan pelaburan adalah merupakan satu bidang yang amat penting bagi KWSP oleh kerana pendapatan dari pelaburan adalah punca utama yang menentukan kadar dividen yang boleh diberikan kepada pencarum-pencarum KWSP. Pada asasnya Fasal 6 mentafsirkan dengan lebih jelas kuasa-kuasa pelaburan KWSP yang diperluaskan serta menentukan bentuk pelaburan yang dibenarkan.0

Fasal 6 dan Fasal 7 secara amnya mempunyai dua tujuan. Pertamanya, untuk memperluaskan jenis-jenis instrumen pelaburan yang sama taraf dengan sekuriti Kerajaan Malaysia; dan keduanya, bagi membolehkan KWSP memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai pelabur institusi, dengan izin, institutional investor, dengan membenarkan KWSP melabur dalam ekuiti program-program penswastaan, projek-projek usaha sama serta memberi kuasa kepada menteri berkenaan untuk menentukan jenis-jenis pelaburan lain yang terbaik dan memberi pulangan yang tinggi kepada KWSP.

Selain daripada itu, Fasal 6 mengandungi peruntukan baru yang bertujuan untuk membolehkan KWSP membuat pelaburan dengan cara memberi pinjaman perumahan kepada ahli-ahli KWSP. Peruntukan ini adalah selari dengan program masa depan KWSP sebagai sebuah institusi sosial bagi menyediakan lebih banyak kemudahan kepada ahli-ahlinya.

Fasal 8 adalah untuk menentukan kuasa menteri mengawasi prestasi KWSP sebagai sebuah agensi keselamatan sosial. Peruntukan seperti di Fasal 8 menetapkan bahawa Lembaga KWSP hendaklah melaporkan prestasi tahunannya kepada menteri serta mendapatkan kelulusan menteri bagi menentukan kadar dividen tahunan. Peruntukan sedia ada tidak mewajibkan Lembaga berbuat demikian.

Fasal 16 rang undang-undang memasukkan seksyen baru 37A yang bertujuan membuat peruntukan suatu kaedah bagi membolehkan KWSP menilai apa-apa amaun caruman berdasarkan maklumat yang ada, dalam keadaan di mana terdapat majikan yang tidak menyimpan ataupun enggan

mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan bagi membolehkan penilaian dibuat oleh KWSP. Adalah didapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh pegawai-pegawai KWSP semasa menaksirkan apa-apa caruman sama ada secara tunggakan ataupun seraasa, ialah kekurangan maklumat atau dokumen seperti penyata upah, buku daftar dan seumpamanya. Dengan adanya peruntukan ini, pegawai-pegawai KWSP boleh menaksirkan apa-apa caruman berdasarkan maklumat-maklumat yang ada dan dengan cara ini akan memudahkan sesuatu penaksiran dibuat.

Fasal 26 dan Pasal 27 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk mengubahsuaikan seksyen 54 dan seksyen 55 Akta KWSP 1991 untuk membolehkan pelaksanaan skim-skim pengeluaran baru yang telah diumumkan baru-baru ini. Dengan adanya peruntukan-peruntukan ini, ahli-ahli KWSP boleh mengeluarkan caruman-caruman mereka bagi tujuan menikmati faedah-faedah pra-persaraan bagi tujuan perumahan, kesihatan dan pengeluaran umur 50 tahun serta pengeluaran persaraan pada umur 55 tahun. Di bawah skim pengeluaran persaraan ini, faedah baru yang boleh dinikmati oleh pencarum-pencarum ialah pengeluaran persaraan berbentuk skim anuiti.

Fasal 32 adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada menteri untuk mengisytiharkan mana-mana orang atau golongan orang yang diambil bekerja dan orang-orang yang mengambil orang atau golongan orang tersebut sebagai pekerja dan majikan serta bayaran yang diterima oleh orang tersebut sebagai 'upah' bagi maksud Akta KWSP 1991.

Seksyen 73 dipinda seperti yang disebut, di bawah Fasal 32. Kuasa ini adalah perlu terutamanya dalam keadaan di mana kontrak perkhidmatan di antara orang yang disebutkan di atas, adalah kabur dan perhubungan di antara orang yang diambil bekerja dan orang yang mengambil orang itu bekerja adalah tidak jelas.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara di atas Fasal 3, 4, 5, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 28, 29, 30, 31, 33 dan 34 meminda peruntukan-peruntukan tertentu bertujuan memastikan dan menjelaskan lagi pemakaian dan penguatkuasaan Akta itu serta juga bertujuan untuk menyusun semula serta memperkukuhkan struktur pentadbiran organisasi KWSP.

Dengan pindaan-pindaan seperti di atas kepada Akta KWSP 1991 adalah diharap pengurusan dan operasi KWSP akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi dengan tujuan untuk mempertingkatkan peranan KWSP dalam usaha untuk membangun dan memajukan sistem keselamatan sosial di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Puan Kian Sit Har.

6.20ptg.

**Puan Kian Sit Har:** Tuan Yang di-Pertua, Akta cadangan mengesyorkan KWSP membenarkan pencarum-pencarum menggunakan sebahagian simpanan mereka untuk melabur termasuklah membeli saham-saham. Cadangan tersebut didapati tidak munasabah, ini adalah kerana KWSP merupakan caruman daripada pekerja-pekerja yang berpendapatan sederhana bagi simpanan hari tua mereka. Maka itu fungsi dan matlamat asal KWSP harus dikekalkan. Cara yang berkesan bagi KWSP ialah melabur supaya pencarum-pencarum mendapat faedah simpanan yang lebih tinggi.

Kumpulan Simpanan yang begitu besar jika tidak diguna ia adalah sisa-sisa sahaja. Pada ketika ini KWSP hanya membenarkan pencarum mengeluarkan sebahagian simpanan bagi tujuan membeli rumah dan pembayaran perubatan sahaja. Pasaran saham yang banyak bergantung kepada pelabur-pelabur luar adalah kurang stabil. Maka itu kerajaan harus melonggarkan syarat agar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini dapat melabur ke dalam pasaran saham supaya pencarum mendapat faedah yang tinggi, jika dibandingkan 8% sekarang. Dengan berbuat demikian, banyak pihak akan dapat faedah termasuklah rakyat.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim.

6.23 ptg.

**Puan Hajah Selemiah binti Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya, bagi mengampil bahagian dalam menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1994.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh dengan secara ringkas tentang rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan tadi.

Kita amat bersyukur di atas tertubuhnya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang menunjukkan kepekaan kerajaan mengambil berat tentang kebajikan pekerja-pekerja, lebih-lebih lagi untuk masa tua mereka. Ini adalah satu cara yang sekurang-kurangnya dapat menjamin kedudukan kewangan dan mengurus wang yang diperlukan bagi meneruskan kelangsungan hidup pada masa depan apabila sudah tua atau bersara.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Malaysia telah melebarkan lagi perkhidmatan KWSP, apabila ia mengumumkan beberapa pembaharuan KWSP dalam Belanjawan tahun 1995 baru-baru ini, dengan membenarkan pencarum membuat pengeluaran sehingga 30% bagi tujuan memiliki rumah dan 10% untuk rawatan perubatan.

Menyimpan wang kita dengan cara memotong gaji setiap bulan untuk caruman iaitu 10% disumbang oleh kita sendiri melalui potongan dan 12% lagi oleh majikan. Pencarum hendaklah memahami bahawa simpanan mereka bukan sebenarnya untuk bersenang-senang ketika muda

kerana fungsi KWSP ditubunkan pada asalnya ialau sebagai institusi keselamatan dan kesejahteraan kehidupan di masa depan.

Tuan Yang di-pertua, berbincang tentang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja haruslah pihak kerajaan meneliti beberapa perkara atau boleh dikatakan masalah yang mungkin timbul terutamanya seperti caruman majikan, telah terdapat beberapa kes di mana majikan telah tidak mencarum bersama-sama dengan simpanan pekerja. Oleh yang demikian, pihak pekerja boleh disifatkan sebagai teraniaya. Sewajarnya suatu tindakan tegas perlu diambil - terhadap majikan-majikan yang terlibat dalam penganiayaan atau penyelewengan dalam mencarum bersama-sama pekerja. Pihak pekerja pula kadangkala tidak begitu peka dengan haknya sebagai seorang pekerja, di mana pencarum perlu mengambil tahu sama ada majikannya telah mencarum bahagian majikannya ke dalam akaun KWSP pekerja tersebut. Ketiadaan kepekaan ini mendorong majikan yang tidak bertanggungjawab untuk mengamil kesempatan mengabaikan tanggungjawab dalam mencarum bersama-sama dengan pekerja.

Oleh yang deraikian, adalah perlu pekerja-pekerja didedahkan melalui kursus-kursus pendek atau diberi penerangan-penerangan oleh badan-badan tertentu seperti KWSP sendiri tentang hak-hak caruman pekerja-pekerja dan majikan. Namun, amatlah diharapkan agar tanggungjawab KWSP haruslah diperluas dan dipelbagaikan lagi.

Selain dari tanggungjawab mengurus, pembungan caruman pekerja-pekerja dan majikan, KWSP adalah disarankan seperti mendedahkan kepada pekerja-pekerja tentang hak-hak mereka yang terkandung

dalam skim KWSP, melalui kursus-kursus dan penerangan-penerangan dari semasa ke semasa, seperti membekalkan risalah-risalah yang mengandungi peruntukan yang bertulis, tentang perkara-perkara yang dianggapkan perlu diketahui oleh pekerja-pekerja dalam skim tersebut serta juga mengawasi majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab serta mengabaikan caruman pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan majikan memberikan sumbangan kepada KWSP hanya setelah dikesan oleh Pejabat Buruh sahaja, maka timbullah seperti yang berlaku tuntutan beberapa banyak tidak dituntut oleh pekerja-pekerja setelah tiba umur persaraannya. Oleh itu kenapa operasi KWSP tidak dilakukan seperti yang dilakukan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri?

Saya juga berpendapat supaya mengasingkan penyimpan-penyimpan yang beragama Islam membuat potongan zakat seperti yang dilakukan oleh Tabung Haji. Kemudahan-kemudahan KWSP perlu dipelbagai bagi penyimpan-penyirapan menikmati kemudahan KWSP seperti menunaikan Fardu haji, mengubal penyakit kronik, bagi membiayai pelajaran untuk anak-anak belajar di luar negeri. Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini mungkin telah pun dijalankan, tetapi biarlah hendaknya diperkemaskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan adalah ditekankan bahawa walaupun KWSP telah merupakan badan yang sentiasa mengambil berat tentang kedudukan kewangan dan masa depan pekerja-pekerja, badan

tersebut perlu meneliti segala kelemahan dan mencari jalan untuk meningkatkan kualiti pekerja. Peningkatan kualiti pekerja amatlah perlu sekali untuk menjamin prestasi yang lebih canggih dalam menghadapi cabaran yang kian meningkat, dari masa ke semasa. Dan juga tidak lupa bahawa sumbangan pekerja-pekerja melalui caruman juga menjamin kedudukan mereka seterusnya menjamin kebajikan mereka di masa tua.

Seorang pesara yang terjamin kedudukan kewangannya tidak akan menimbulkan masalah kemiskinan, juga akan mendorong kepada kesejahteraan negara yang tercinta. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya yang serba ringkasnya di dalam Dewan yang mulia **ini**. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan tadi. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

6.29 ptg.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk mengambil bahagian serta menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 yang telah pun dibentangkan di Dewan yang mulia **ini**.

Pada asasnya matlamat utama pindaan ini ialah supaya memberikan kuasa yang lebih kepada KWSP yang seterusnya akan membenarkannya melabur dalam aset-aset yang lebih. Dari segi tradisi, KWSP merupakan institusi utama yang telah selama ini membiayai hutang sektor awam dan seterusnya pembangunan negara.

Oleh yang demikian, KWSP setakat ini telah diwajibkan dari segi undang-undang memegang sebahagian besar dari aset-asetnya dalam bentuk alat-alat hutang sektor awam seperti bil-bil Perbendaharaan dan bon-bon kerajaan yang memiliki berbagai-bagai tempoh kematangan.

Namun, masa telah pun berubah. Dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini, Kerajaan Persekutuan telah berjaya mengemukakan satu belanjawan seimbang. Ini bererti keperluan meminjam Kerajaan Persekutuan telahpun dikurangkan secara besar-besaran. Apa yang tertinggal berkait dengan keperluan meminjam sektor awam sebahagian besarnya terdiri daripada keperluan-keperluan meminjam kerajaan-kerajaan negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan, perusahaan-perusahaan awam bukan kewangan dan lain-lain perbadanan sektor awam. Malah keperluan-keperluan meminjam sektor awam ini pun semakin lama semakin berkurangan khasnya dengan adanya penswastaan agensi-agensi milik kerajaan yang kini dijalankan pada kadar yang begitu pesat.

Hasil daripada pengurangan yang dijangkakan dalam keperluan meminjam sektor awam, maka keperluan untuk meminjam dari EPF akan juga dikurangkan. Maka ini bererti kesediaan alat-alat hutang sektor awam untuk dibeli oleh KWSP akan semakin lama semakin berkurangan. Oleh yang demikian, KWSP perlu mengubah corak pelaburannya selaras dengan perubahan-perubahan struktur dalam keperluan-keperluan pembiayaan negara ini dan selaras dengan pertumbuhan pesat dalam caruman dari para pekerja dan juga pihak majikan. Perubahan-perubahan

ini terdapat dalam bentuk satu pengurangan dalam peluang untuk pelaburan dalam alat-alat hutang sektor awam dan peningkatan secara besar-besaran dalam pembiayaan dalam sektor swasta berekoran daripada penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mempertimbangkan corak baru pelaburan KWSP kita harus mengambil kira tentang matlamat utama KWSP iaitu sebagai sebuah pertubuhan keselamatan sosial yang akan menyediakan suatu kumpulan wang untuk hari tua para pekerja. Untuk mencapai matlamat itu, pihak majikan dan para pekerja diperlukan di bawah undang-undang untuk mencarum kepada KWSP ini. Apa yang diperolehi oleh KWSP kemudiannya dilaburkan untuk mendapatkan pulangan yang seterusnya akan mempertingkatkan lagi simpanan para pekerja.

Jadi, dalam menentukan corak pelaburan kedua-dua pulangan dan risiko adalah penting. Pada masa pulangan dicari, KWSP harus memastikan bahawa corak pelaburan dan ini termasuk pelaburan baru adalah sedemikian rupa sehingga risikonya tidaklah begitu tinggi sehingga menjejaskan simpanan para pekerja kepada risiko.

Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya saya bersetuju dengan Rang Undang-undang yang ada di depan Dewan yang mulia ini. Cuma saya hendak menyarankan EPF harus mempertimbangkan satu lagi bentuk pelaburan. Ini adalah dalam pembangunan sumber-sumber manusia. Buat masa ini para pekerja tidak dibenarkan mengeluarkan sebahagian daripada simpanan mereka untuk membiayai pendidikan tinggi anak-anak mereka, sama ada di peringkat maktab, politeknik atau pun universiti. Saya mendapati hal ini agak aneh sedikit. Sebab yang diberikan ialah bahawa sebahagian besar daripada mereka yang mencarum kepada EPF

mempunyai simpanan cumulative RM50,000 ke bawah. Memandangkan kepada hakikat ini sekiranya mereka yang mencarum kepada EPF dibenarkan mengeluarkan sebahagian daripada simpanan untuk membiaya pembelian rumah dan pendidikan pada masa yang sama, maka kebanyakan di antara mereka khasnya datang dari kumpulan pendapatan rendah yang menyumbang kepada EPF akhirnya akan mendapati tidak mempunyai sebarang simpanan untuk hari tua mereka. Ini adalah bertentangan dengan matamat EPF. cuma mereka yang memperolehi pendapatan yang lebih tinggi dan yang mempunyai simpanan cumulative yang lebih besar dalam EPF akan mendapat faedah di bawah skim ini.

Saya setuju bahawa semua yang mencarum kepada EPF harus akhirnya menyimpan sebahagian daripada simpanan mereka untuk hari tua. Di sebelah dalam rangka kerja ini, saya ingin menyarankan bahawa bagi mereka yang mempunyai simpanan cumulative yang rendah mereka harus diberikan pilihan untuk mengeluarkan sebahagian daripada simpanan EPF, mereka untuk membiayai samaada pembelian rumah atau pendidikan tinggi anak-anak mereka. Mereka yang mencarum kepada EPF yang mempunyai simpanan terhad harus diberikan opsyen untuk mengeluarkan simpanan mereka sama ada untuk membeli rumah ataupun membiayai pendidikan tinggi anak-anak mereka. Sebab, mengapa saya mencadangkan ini ialah kerana EPF harus memainkan peranan sebagai satu institusi membiayai pendidikan tinggi memandangkan kepada hakikat bahawa pembangunan sumber-sumber manusia begitu penting sekali dalam mempertingkatkan kebolehsaingan ataupun dengan izin, competitiveness negara kita.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

**Dr. Toh Kin Woon:** Tambahan lagi dengan membenarkan mereka yang mencarum kepada EPF mengeluarkan sebahagian daripada simpanan untuk membiayai pendidikan tinggi anak-anak mereka akan mempertingkatkan keupayaan mendapatkan pendapatan masa depan keluarga-keluarga mereka itu. Ini sudah tentu merupakan satu bentuk pelaburan simpanan EPF yang amat produktif sekali.

Tambahan lagi, sekiranya nilai atau norma Asia menjaga orang tua dan adik beradik ditanamkan di kalangan pemuda-pemudi negara ini, mereka ini kemudiannya akan atau boleh menggunakan keupayaan mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi untuk menjaga orang-orang tua mereka. Amalan sedemikian merupakan suatu bentuk kebajikan sosial yang harus kita memperkukuhkan di negara ini. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

**6.38 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut serta membahas serta menyokong satu akta untuk meminda AKta Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1991 (Pindaan 1994).

Tuan Yang di-pertua, sebagaimana yang kita ketahui bahawa tujuan akta ini adalah untuk memberikan kuasa-kuasa yang lebih kepada pihak KWSP untuk melabur dalam banyak lagi aset-aset ataupun dalam bon-bon kerajaan ataupun untuk menceburi pasaran-pasaran saham. Memanglah kita mengalu-alukan apa sahaja langkah-langkah atau pun usaha-usaha yang dijalankan atau pun yang akan dijalankan oleh pihak KWSP untuk

memastikan pencarum-pencarum mendapat pulangan yang lebih baik daripada apa yang telah pun diperolehi sekarang.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa jumlah pencarum KWSP sekarang telah pun melebihi RM80 bilion dan ini merupakan satu, jumlah yang sungguh besar dan jika diawasi ataupun jika dijaga jumlah kewangan yang sedemikian besar, ianya boleh mempengaruhi- kalau wang ini dimasukkan ke dalam pasaran saham umpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun kita mengalu-alukan usaha KWSP untuk menceburi banyak lagi bidang-bidang pelaburan baru tetapi perlukan KWSP mengamoi ingatan pengajaran-pengajaran daripada apa yang telah pun kita lalui pada masa-masa yang lalu dan saya percaya KWSP sendiri pun, telah mengalami kerugian-kerugian apabila mereka ini melabur di dalam pasaran-pasaran kewangan khasnya apabila mereka ini terlibat di dalam pasaran di luar negara.

Kerana kita tahu tujuan konsep KWSP ditubuhkan ialah untuk menjadi satu bekalan kepada pekerja-pekerja kita semasa mereka tua kelak.

Berbagai cara ataupun cadangan-cadangan telah pun disyorkan supaya pemegang-pemegang pencarum KWSP mendapat pulangan yang lebih baik ataupun mendapat menggunakan kewangan mereka setnasa mereka ini masih lagi hidup ataupun semasa mereka memerlukan kewangan ini. Salah satu daripada saranan yang telah pun dibuat oleh kerajaan yang memang dialu-alukan oleh keseluruhan rakyat negara kita ialah pengeluaran pencaruman untuk tujuan membeli rumah yang telah pun dinaikkan kepada 30%.

Tuan Yang di-Pertua, ramai daripada kita, baik di Dewan-Rakyat ataupun - di Dewan Negara telah pun, sepertimana dicadangkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon tadi supaya wang KWSP juga boleh digunakan untuk tujuan pendidikan dan juga telah pun pernah dicadangkan supaya sebahagian... Saya sendiri telah pun mencadangkan semasa membahaskan Rang- Undang-undang Perbekalan 1995 supaya 10% daripada simpanan 'pencarum-pencarum dalam KWSP ini disalurkan ke dalam tabung amanah.

Apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab, saya memang bersetuju dengan jawapan Yang Berhormat bahawa tujuan

KWSP bukanlah untuk tujuan pelaburan. Dan memang saya pun sendiri tidak bersetuju kalau wang ini dikeluarkan untuk dilaburkan oleh pencarum-pencarum sendiri ke dalam tabung amanah. Apa yang telah pun saya cadangkan ialah 10% daripada kewangan setiap pencarum ini disalurkan kepada tabung-tabung amanah tetapi mereka ini tidak dibenarkan untuk mengeluarkan kewangan ini supaya mereka ini mendapat pulangan yang lebih baik kerana KWSP sekarang ini hanya memberikan pulangan dalam sekitar 8% sahaja. Kalau yang 10% itu dapat disalurkan, umpamanya, dalam ASB dan jangan diizinkan mereka ini mengeluarkan sampai ke umur 55 tahun, mereka ini akan dapat pulangan sampai ke 147 atau 15%. Inilah yang telah pun saya maksudkan. Bukannya kita bermaksud supaya wang itu dikeluarkan, mereka itu melabur sendiri. Apa yang dimaksudkan ialah supaya pencarum-pencarum ini ada akaun masing-masing di mana 10% daripadanya dimasukkan di dalam ASB ataupun amanah-amanah saham negeri yang diluluskan oleh pihak kerajaan supaya untuk memastikan mereka ini mendapat dividen dan juga pulangan yang lebih baik. Dengan penjelasan ini, saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kita, saya harap akan bersetuju di atas cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin timbulkan ialah soal KWSP melabur di luar negara. Kita telah pun mempunyai ataupun baru sahaja kita menghadapi pengalaman pahit tentang kerugian yang berbilion ringgit di dalam foreign exchange oleh Bank Negara. Saya difahamkan KWSP telah pun mula melabur di dalam beberapa syarikat di Thailand dan juga di Singapura. Walaupun

bilangan jumlah adalah kecil dan juga terkawal tetapi kita perlu berhati-hati dalam soal ini kerana, dengan izin, di pasaran saham, kalau kita biarkan, kalau diberikan kelonggaran yang terlalu sangat tanpa pengawasan, nanti takut-takut Lembaga Pengarah KWSP terlajak seperti mana yang telah pun Bank Negara terlajak satu ketika dahulu memasuki foreign exchange yang kita telah pun rugi berbilion ringgit pada masa itu. Kerana keadaan itu telah pun berlaku, segala-galanya telah pun terlambat. Jadi, sebelum terlambat saya fikir, baik kita ingatkan supaya berhati-hati kalau hendak melabur di pasaran luar negara kerana saya difahamkan KWSP telah mula melabur di pasaran di Thailand dan juga sedikit di pasaran di Singapura iaitu Syarikat Telekom Singapura. Walaupun saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan memberi jawapan, jumlahnya terlalu kecil tetapi saya fikir tidaklah salah kalau kita memberikan ingatan di peringkat awal ini supaya kita tidak salah langkah kepada satu ketika kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membuat satu cadangan dan saya berharap cadangan ini akan dapat difikirkan oleh pihak kementerian. Sepertimana sekarang di bawah peraturan sekarang, pihak pekerja diwajibkan menyumbang 9% dan juga pihak majikan diwajibkan memberikan sumbangan sebanyak 11% tanpa mengira gaji seorang pekerja itu. Jadi, bermakna kalau tinggi gaji seorang pekerja itu, banyaklah sumbangan yang akan diberikan oleh pekerja dan juga oleh majikan. Kalau rendah gaji seorang pekerja itu, rendahlah sumbangan yang akan diberi oleh pekerja dan juga majikan.

ganjaran-ganjaran lain apabila syarikat mendapatkan keuntungan. Umpamanya diberikan bonus gratuity dari sebagainya. Tetapi sebagai ganjaran tambahan, saya ingin mencadangkan supaya sumbangan kepada KWSP juga dikaitkan dengan keuntungan syarikat. Tentang mekanisme, tentang kaedah itu, terpulanglah kepada kebijaksanaan pihak Kementerian Kewangan untuk memikirkannya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahaja pandangan saya dan dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

**6.48 ptg.**

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Empat orang semuanya yang telah membahaskan rang undang-undang ini iaitu Yang Berhormat Puan Kian Sit Har, Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon, Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim dan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Ingin saya nyatakan awal-awal lagi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa KWSP pada asasnya adalah satu institusi sosial yang menggunakan potongan daripada pekerja dan sumbangan daripada majikan, dengan tujuan utamanya untuk memastikan bahawa mana-mana pesara mendapat pendapatan yang berterusan ataupun pendapatan untuk menyarakan hidupnya dan keluarganya sehingga akhir hayat.

Jadi, ini adalah consideration, dengan izin, yang pertama supaya kehidupannya terjamin.

Oleh sebab akhir-akhir ini ada perubahan di dalam bentuk ekonomi dan juga kedudukan kerajaan, misalnya apa yang disebutkan oleh Dr. Toh Kin Woon tadi, disebabkan oleh perbelanjaan seimbang yang telah kita capai selama dua tahun dan juga penswastaan, maka tidak ada keperluan untuk KWSP dijadikan sebagai sumber pinjaman sektor awam, maka wang KWSP mempunyai opportunity cost, dengan izin, yang baru. Maka justeru itu KWSP membuka pemikirannya terhadap kemudahan-kemudahan (possibilities) yang lain. Itulah yang dibincangkan oleh pihak kerajaan dan juga Lembaga KWSP mengenai kedudukan yang baru.

Jadi, seperti mana Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon sebutkan tadi adalah satu senario baru yang dihadapi bukan sahaja oleh KWSP tetapi oleh ekonomi negara khususnya sektor awam. Oleh itu, pihak KWSP membuka peluang-peluang untuk penggunaan pra-persaraan. Tetapi Ahli-ahli Yang Perhormat sepatutnya memahami bahawa yang penting ialah selepas persaraan. Jadi, peluang yang kita buka untuk pra persaraan adalah bertujuan untuk membolehkan pencarum-pencarum membelanja untuk tujuan yang tertentu, misalnya untuk membeli rumah.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, untuk tujuan kesihatan dan tadi apabila saya mendengar cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon dan Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim mengenai untuk memberi kemudahan pendidikan, kemudahan

membayar zakar, kemudahan pergi haji, perkara ini telah pun diperbincangkan oleh KWSP dan juga kerajaan dan setelah ditimbang-cadangan ini telah pun ditolak kerana ia merupakan satu perkara yang boleh dibiayai oleh sumber-sumber lain. Seperti apa yang saya sebutkan tadi, yang pentingnya ialah apabila seseorang itu bersara dia mempunyai wang yang cukup untuk membiayai kehidupannya sehingga akhir hayat.

Jadi, pihak kerajaan telah pun membenarkan bidang-bidang yang saya sebutkan tadi, yang terhad, iaitu bidang-bidang membeli rumah. Rumah adalah merupakan perkara yang asas, perkara yang diperlukan secara asas. Pada hal mengenai pembiayaan pendidikan, pembiayaan haji ada sumber-sumber lain, misalnya biasiswa malah ada bank-bank yang memberi pinjaman pendidikan pada kadar interest yang cukup rendah. Jadi, ini telah pun kita tolak dan kita pentingkan perkara yang asas yang saya katakan tadi.

Mengenai cadangan-cadangan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, iaitu perlu kita berhati-hati di dalam pelaburan di luar negara. Ingin saya nyatakan bahawa pelaburan di luar negara yang melibatkan KWSP bukanlah bentuk pelaburan baru. Ianya telah lama dibuat dan apa-apa pelaburan yang dibuat di luar negara adalah dibuat dengan kebenaran dahulu oleh Menteri Kewangan. Segala cadangan dan juga caution, dengan izin, yang diberi oleh Yang Berhormat tadi kita ambil perhatian yang serius.

Yang Berhormat juga telah menyebut mengenai cadangan menyalurkan 10% wang KWSP kepada tabung-tabung manah yang mendapat pulangan yang lebih baik daripada dividen yang diberi oleh KWSP. Itu boleh

dipertimbangkan. Tetapi perlu diingat bahawa di dalam Fasal-fasal 5, 7 dan 8 yang dipinda di dalam Akta ini membolehkan KWSP melabur di mana-mana institusi yang mempunyai risiko yang rendah tetapi pulangan yang tinggi. Tetapi saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba iaitu 10% daripada caruman ahli itu diambil untuk diberi sebagai akaun individu kepada ahli-ahli untuk melabur. Ini boleh dipertimbangkan oleh pihak KWSP dan pihak kerajaan. Jikalau ianya mempunyai merit tentu sekali kita akan mempertimbangkan secara positif.

Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim juga membangkitkan mengenai dengan majikan yang gagal mencarum, dan Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon ada menyebut mengenai hakikat ini. Ingin saya nyatakan bahawa majikan yang gagal mencarum sentiasa diambil tindakan dan diperhatikan. Dari segi ini, daripada usaha-usaha pegawai KWSP, majikan yang gagal mencarum telah pun turun daripada 18.3% pada tahun 1993 kepada 11.03% setakat akhir November, 1994. Lebih daripada 2,000 majikan telah pun didakwa di mahkamah,

Dengan kuasa yang diberi di bawah pindaan Akta ini seperti mana yang dibacakan tadi, maka keupayaan dan keberkesanan pegawai-pegawai KWSP untuk membanteras masalah ini akan lebih bertambah dan insya Allah, pada tahun-tahun hadapan percentage majikan-majikan yang gagal mencarum akan turun di bawah 11.03% sehingga ianya menjadi 0%, insya Allah.

Ada cadangan daripada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat supaya meningkatkan pendidikan untuk majikan dan pekerja mengenai

pentingnya pembayaran atau penggunaan wang daripada KWSP ini. Sememangnya KWSP sentiasa mengadakan program pendidikan untuk majikan dan pekerja-pekerja iaitu program pengembang atau apa yang dipanggil 'extension education' kepada kedua-duanya iaitu pekerja dan majikan untuk memastikan bahawa ke fahaman mengenai dengan tanggungjawab di bawah Akta ini mendalam dan seterusnya membolehkan KWSP meningkatkan prestasinya di dalam pengutipan pelaburan dan pembayaran dividen kepada ahli-ahli pencarum.

Yang Berhormat Puan Kian Sit Har menegur bahawa pelaburan memberi saham adalah tidak munasabah. ingin saya menyatakan bahawa seperti mana yang saya katakan tadi apabila permintaan terhadap pinjaman daripada sektor awam menurun disebabkan oleh kenaikan ekonomi negara, tabungan kerajaan tinggi dan pencapaian perbelanjaan seimbang, maka opportunity cost untuk wang KWSP menambah. Jadi, kalau kita hendak biarkan wang itu hanya duduk dalam tabung KWSP, maka ianya tidaklah arif. Oleh itu, adalah perlu KWSP mencari sumber-sumber untuk dilaburkan tetapi pelaburan ini diawasi dengan teliti. Kita memastikan bahawa tempat-tempat yang dilabur itu betul-betul selamat dan risiko yang dihadapi betul-betul tidak tinggi dan akhirnya memberi pulangan yang boleh diagih-agihkan kepada pencarum~pencarum KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai dengan - sudah saya jawab tadi, tetapi saya ingin tekankan lagi di sini mengenai dengan saranan Yang Berhormat Dr. Toh, iaitu dicadangkan supaya dimasukkan pemberian pendidikan kepada pencarum-pencarum yang mana cumulative incomenya di bawah RM50,000 kerana apa yang dikatakan perbandingan di antara kumpulan ini dengan kumpulan yang atas RM50,000 kehendak kemudahannya adalah berlainan. Saya telah jawab tadi kumpulan-kumpulan yang di bawah RM50,000 pendapatan cumulativenya adalah mempunyai sumber-sumber yang lain yang boleh didapati oleh mereka.

Ingin saya tekankan lagi sekali sebagai terakhir iaitu KWSP merupakan satu badan ataupun institusi sosial yang tujuan asasnya, tujuan primarynya, dengan izin, ialah untuk kebajikan pesara, bukan untuk mencari untung ataupun mencari cara-cara untuk memperbanyakkan pendapatan sahaja, malah untuk memastikan wang untuk kebajikan pesara itu terus ada dan kebajikan pesara itu terus terjamin sehingga akhir hayatnya.

Dengan itu, jikalau ada apa yang saya tidak terjawab, maka pihak kami akan mengambil perhatian dan akan meneliti cadangan-cadangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi memberi pandangan-pandangan yang constructive kepada pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

**Fasal 1 hingga 34** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### RANG UNDANG-UNDANG BANTUAN GUAMAN (PINDAAN) 1994

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**7.06 mlm.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1994 untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda peruntukan Akta Bantuan Guaman 1971 bagi membolehkan ramai lagi masyarakat golongan yang kurang mampu layak mendapatkan perkhidmatan guaman dan yang kurang mampu yang pernah menikmati serta mendapat faedah dari perkhidmatan bantuan guaman tetapi telah terkeluar daripada golongan orang-orang yang layak dibantu akibat

pendapatan mereka yang telah meningkat sejak penguatkuasaan dan pindaan Akta Bantuan Guaman pada tahun 1984.

Oleh yang demikian bagi mengemaskinikan undang-undang ini selaras dengan perubahan masa, pindaan kepada beberapa seksyen peruntukan tertentu Akta Bantuan Guaman 1971 dan peruntukan-peruntukan baru Akta Bantuan Guaman 1971 adalah perlu.

Di bawah seksyen 2, Akta Bantuan Guaman 1971, takrif 'hakim' meliputi "Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret" sahaja. Cadangan pindaan ini adalah bertujuan untuk meluaskan takrif 'hakim' kepada hakim-hakim "Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan" selain daripada "Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret". Dengan pindaan ini, maka peranan dan kuasa-kuasa hakim mahkamah-mahkamah atasan dalam konteks bantuan guaman juga diperluaskan selaras dengan penubuhan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dan dengan wujudnya struktur baru badan kehakiman.

Di bawah Akta Bantuan Guaman 1971, kelayakan untuk bantuan guaman adalah berasaskan tahap pendapatan dan pemilikan harta seseorang pemohon dan suami, isteri di mana berkaitan. Kelayakan untuk bantuan guaraan ditentukan melalui satu ujian kemampuan untuk menentukan pendapatan boleh guna dan modal boleh guna seseorang pemohon bantuan guaman. Modal boleh guna dikira dengan mengambil kira harta yang dimiliki oleh seseorang tolak nilai harta yang menjadi pertikaian dalam sesuatu prosiding, nilai pakaian, alat-alat pekerjaan dan rumah yang dimiliki diguna atau didiami oleh pemohon dan keluarganya sebagai rumah kediamannya di mana nilai tahunannya

ditaksirkan tidak melebihi RM1,500 serta perabot di dalamnya. Pendapatan boleh guna ditentukan dengan mengambil kira semua pendapatan seseorang pada tempoh setahun kebelakangan tolak sesuatu amaun bagi maksud seseorang itu serta tanggungannya dan sesuatu amaun yang lain yang ditetapkan bagi maksud sewa rumah. Had maksimum dan kadar potongan bagi perkiraan modal boleh guna dan pendapatan boleh guna yang digunakan sekarang bagi menentukan kelayakan seseorang untuk bantuan guaman tidak pernah dipinda sejak tahun 1984. Kadar yang ditetapkan pada tahun 1984 adalah tidak realistik dan tidak lagi mencerminkan nilai sebenar modal boleh guna serta pendapatan boleh guna golongan miskin atau kurang mampu pada harga semasa.

Fasal 3 dan 4 di bawah Rang Undang-undang untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 seperti di Lampiran I, bertujuan untuk meminda seksyen 15 dan 16 Akta tersebut untuk meningkatkan had maksimum modal boleh guna dan pendapatan boleh guna. Ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan had yang telah ditetapkan pada tahun 1984 pada satu *ceiling* yang munasabah dengan mengambil kira nilai sebenar matawang atau nilai harga semasa.

Fasal 5 bertujuan memasukkan seksyen baru 16B. Seksyen baru 16B ini adalah bertujuan untuk mengenakan bayaran pendaftaran bagi segala bantuan guaman sivil dan jenayah terhad yang diberi oleh Biro Bantuan Guaman selain daripada nasihat undang-undang. Tujuan mengenakan yuran pendaftaran ini adalah untuk menampung perbelanjaan berhubung dengan pembukaan fail dan perkara-perkara yang berkenaan. Kadar yuran ini adalah selaras dengan cadangan pindaan kepada

seksyen 29 untuk meningkatkan yuran pendaftaran bagi nasihat guaman daripada RM1.00 kepada RM2.00 bagi tujuan yang sama.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 17(1) di bawah Fasal 6 akan menaikkan ceiling had paling tinggi modal boleh guna dan pendapatan boleh guna sebanyak purata 40%. Kadar potongan-potongan yang dibenarkan dalam pengiraan modal boleh guna dan pendapatan boleh guna juga akan dinaikkan sebanyak 40%, kecuali potongan bagi maksud kenderaan di mana kenaikan adalah 200%. Potongan bagi kenderaan dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM3,000. Memandangkan bahawa tahap modal boleh guna dan pendapatan boleh guna yang ada sekarang telah ditetapkan semenjak 1984, pindaan yang dicadangkan adalah sesuai.

Di antara 1984 dan sekarang, Indeks Harga Pengguna telah meningkat 22.8 markah iaitu daripada 90.4 markah pada tahun 1984 kepada 113.2 markah pada tahun 1993. Ini bermakna paras pendapatan dan potongan yang dibenarkan berasaskan kadar harga dan nilai ringgit pada tahun 1984 tidak lagi mencerminkan pendapatan sebenar golongan miskin dan kurang mampu yang perlu dibantu pada harga semasa. Di samping itu, bayaran guaman yang dikenakan oleh peguam swasta telah pun meningkat dalam 10 tahun kebelakangan ini, dan ini bermakna lebih ramai golongan miskin tidak mampu memperolehi perkhidmatan guaman dari peguam swasta. Pindaan yang dicadangkan dianggarkan adalah berpatutan dan akan dapat membantu golongan miskin yang pernah menikmati perkhidmatan Biro Bantuan Guaman tetapi telah terkeluar daripada golongan orang-orang yang layak di bantu akibat pendapatan mereka telah meningkat sedikit.

Pada ketika ini di bawah kategori pertama, seorang pemohon layak mendapat bantuan guaman percuma jika pemohon tersebut memiliki modal boleh guna tidak melebihi RM1,500 dan pendapatan boleh guna tidak melebihi RM2,000 setahun. Di bawah kategori kedua, seseorang yang memiliki modal boleh guna yang nilainya berjumlah di antara RM1,500 dan RM8,000 dan mempunyai pendapatan boleh guna di antara RM2,000 dan RM7,500 setahun adalah layak untuk mendapat bantuan guaman dengan membayar sumbangan yang ditentukan oleh Pengarah. Adalah dicadangkan had maksima modal boleh guna dan pendapatan boleh guna

serta kadar potongan-potongan yang dibenarkan, ditingkatkan kepada suatu tahap yang menggambarkan kedudukan relatif golongan miskin yang perlu dibantu dengan bantuan guaman.

Cadangan-cadangan bagi maksud di atas adalah seperti berikut; bagi kategori pertama yang berkelayakan untuk bantuan percuma had modal boleh guna yang boleh dimiliki oleh seorang pemohon dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM2,000 dan had pendapatan boleh guna dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM3.000 setahun. Bagi kategori kedua, yang berkelayakan untuk bantuan dengan bayaran sumbangan had maksitnum nilai jumlah modal boleh guna yang boleh dimiliki oleh seorang pemohon itu dinaikkan dari melebihi RM1,500 tetapi kurang daripada RM8,000 kepada melebihi RM2,000 tetapi kurang daripada RM13,000, dan had pendapatan boleh gunanya dinaikkan dari melebihi RM2,000 tetapi kurang daripada RM7,500 kepada melebihi RM3.000 tetapi kurang daripada RM12,000,

.Kadar potongan yang dibenarkan dalam pengiraan modal boleh guna dan pendapatan boleh, guna bagi perkara-perkara yang dibenarkan juga ditingkatkan seperti berikut; pertama, nilai tahunan rumah yang diduduki oleh seseorang pemohon dan keluarga dinaikkan dari RM1,500 kepada RM2,500. Kedua, nilai kenderaan pengangkutan yang dimiliki dinaikkan RM1,000 kepada RM3,000. Ketiga, jumlah elaun unruk setiap orang tanggungan dinaikkan daripada RM400 setahun kepada RM1,000 setahun. Keempat, elaun untuk diri pemohon dinaikkan dari RM1,250 kepada RM2,000. Kelima, sewa rumah yang tidak lebih RM1,000 setahun

dinaikkan kepada RM1,500. Keenam, sebarang bayaran oleh pemohon dan isteri atau suaminya terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Keselamatan Sosial Pekerja dipotong dalam pengiraan pendapatan boleh guna pemohon.

Cadangan pindaan kepada seksyen 29 melalui Fasal 7, rang undang-undang adalah bertujuan untuk meningkatkan bayaran yang dikenakan terhadap seseorang pemohon bagi nasihat guaman daripada RM1.00 kepada RM2.00. Tujuan mengenakan yuran pendaftaran nominal ini adalah semata-mata untuk menampung perbelanjaan berkaitan dengan pembukaan fail dan urusan yang berkaitan. Bayaran nominal ini akan juga memastikan hanya pemohon-pemohon yang benar-benar memerlukan bantuan guaman sahaja yang akan memohon untuk bantuan yang dikendali oleh Biro Bantuan Guaman dan mengelak pembaziran dalam semua segi dan sebagai langkah menjimat perbelanjaan kerajaan.

Kadar yuran ini tidak pernah diubah sejak tahun 1984 dan peningkatan kadar yuran yang nominal daripada RM1.00 kepada RM2.00 tidak akan membebankan seseorang pemohon. Pindaan yang dicadangkan akan membolehkan golongan miskin memohon untuk bantuan guaman yang sekarang ini terkeluar daripada takrif golongan yang boleh dibantu disebabkan had maksimum modal boleh guna dan pendapatan boleh guna yang ditetapkan berasaskan nilai harga dan nilai mata wang pada tahun 1984.

Cadangan untuk meningkatkan bayaran yang dikenakan terhadap pemohon bagi nasihat guaman akan meningkatkan hasil kerajaan. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam bayaran secara nominal sebanyak seringgiti itu dijangka tidak akan membebankan golongan miskin dan tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 1994 adalah bertujuan untuk menyemak semula takrifan "modal boleh guna" dan "pendapatan boleh guna" yang digunakan dalam penentuan kelayakan seseorang untuk bantuan guaman. Had maksimum modal boleh guna dan pendapatan boleh guna serta kadar potongan yang dibenarkan tidak pernah disemak sejak tahun 1984. Ini telah mengakibatkan ramai golongan miskin yang kurang mampu terkeluar daripada golongan yang layak untuk bantuan guaman ekoran daripada peningkatan pendapatan mereka secara relatif akibat daripada peningkatan dalam nilai harga barangan, walaupun kedudukan ekonomi mereka tidak berubah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah biriti Baهران.

7.06 mlm.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Terima kasih, Tuan Yang Yang di-Pertua. Oleh kerana peruntukan bantuan guaman adalah untuk memberi keadilan undang-undang kepada seluruh masyarakat dan oleh kerana kos perkhidmatan guaman yang tinggi, ianya juga memberi keadilan kepada golongan miskin dan kurang mampu yang sukar untuk mendapatkan perkhidmatan guaman dari peguam swasta, maka, saya menyokong Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1994 ini.

Pindaan yang dibuat kepada Akta ini memanglah satu langkah yang baik kerana kelayakan untuk bantuan ini telah ketinggalan zaman dan tidak mengambil kira peningkatan taraf hidup masyarakat. Memanglah wajar kadar kelayakan ini disemak. Dengan pindaan ini lebih ramai lagi rakyat akan layak mendapat bantuan guaman.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan bantuan guaman ini penting bagi golongan berpendapatan rendah yang miskin, yang selalunya kurang pendidikan dan kurang pengetahuan tentang hal-bal undang-undang dan selalunya "ignorant", dengan izin, dan takut untuk menuntut hak dan keadilan. Segolongan besar masyarakat daripada golongan sasaran yang disebutkan tadi, terutamanya, wanita yang selalunya mudah di aniayai, tidak tahu ataupun kurang arif akan wujudnya perkhidmatan bantuan guaman ini dan juga cara-cara mendapatkan perkhidmatan yang diberi.

Di sini saya mencadangkan supaya masyarakat diberi pendidikan dan pendedahan yang berkesan mengenai bantuan dan nasihat guaman yang disediakan. Di harapkan Biro dapat memberi ceramah-ceramah, dailog-dailog dan lain-lain cara lagi untuk memperkenalkan (ro sell) perkhidmatan ini terutamanya kepada yang buta undang-undang dan juga menyebarkan babawa keadilan adalah hak semua dan boleh dinikmati oleh semua. Saya juga agak kecewa dengan sikap peguam-peguam yang melibatkan diri dengan kes-kes di bawah Biro Bantuan Guaman. Mereka lazimnya membuat kerja sambil lewa dan tidak membuat siasatan mendalam. Di harapkan mereka mengubah sikap dan membantu golongan yang memerlukan perkhidmatan mereka dan lebih berdedikasi.

Perkhidmatan Biro Bantuan Guaman ini sendiri hendaklah diperbaiki supaya lebih berkesan di dalam membantu mereka yang memerlukannya dan tidak memandang ringan terhadap kes-kes yang diberikan kepada mereka.

Biro juga harus memperluaskan lagi perkhidmatan mereka dan mempertingkatkan lagi kemahiran dan keberkesanan untuk berkomunikasi dengan pemohon-pemohon bantuan. Saya juga berpendapat sudah sampai masanya perkhidmatan ini diperluaskan ke seluruh negara bukan sahaja di bandar-bandar yang tertentu sahaja.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Setiausaha Parlimen menjawab.

7.21 mlm.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah yang baru memberi pendapat mengenai rang undang-undang ini dan saya mengucapkan terima kasih atas kefahaman beliau betapa penting rang undang-undang ini dipinda dan saya terima kasih juga kerana beliau faham adalah hasrat Kerajaan Barisan Nasional adalah untuk membolehkan lebih ramai lagi penduduk yang miskin, penduduk yang telah dapat menikmati kemakmuran negara tetapi masih kekurangan boleh menikmati perkhidmatan dari Biro Bantuan Guaman.

Yang Berhormat tadi ada mencadangkan bahawa Biro Bantuan Guaman haruslah menyediakan pendidikan dan pendedahan kepada semua golongan masyarakat khususnya kepada masyarakat-masyarakat di luar bandar yang masih belum tahu mengenai perkhidmatan Biro Bantuan Guaman.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan di sini bahawa Biro Bantuan Guaman memang sedaya-upaya melalui berbagai cara termasuk

melalui radio, TV dan media-media massa yang lain untuk menerangkan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh mereka kepada rakyat miskin.

Tambahan pula Biro Bantuan Guaman juga mengadakan klinik-klinik di daerah-daerah di seluruh pelusuk negara dan saya berharap Yang Berhormat berkenaan dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain juga memberi tahu kepada penduduk-penduduk di sekeliling kawasan mereka supaya sentiasa mengambil perhatian bilakah pegawai-pegawai dari pusat Biro Bantuan Guaman ada mengadakan klinik di kawasan masing-masing ataupun daerah masing-masing dan masa itulah semua yang memerlukan nasihat ataupun memerlukan bantuan dari Biro Bantuan Guaman harus datang dan minta penerangan yang lebih jelas. Bukan hanya apabila kita memerlukan bantuan tetapi untuk kita mengetahui apakah perkhidmatan yang diberi oleh Biro Bantuan Guaman supaya apabila kita memerlukan bantuan, kita tahu di mana kita hendak pergi dan siapa kita hendak jumpa.

Yang Berhormat juga menimbulkan sikap peguam-peguam yang tidak bertanggungjawab. Ini satu perkara yang menyedihkan dan saya berharap Yang Berhormat boleh memberi tahu pihak Biro Bantuan Guaman mengenai kes-kes yang tertentu kerana kalau ada kes-kes yang tertentu, ianya tentu akan diambil tindakan dan saya harap Yang Berhormat dapat memberi maklumat terperinci.

Dengan itu, apa-apa perkara yang saya tidak menjawab tadi akan diambil perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KANUN PROSEDUR JENAYAH (PINDAAN) 1994**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

7.26 mlm.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994 dibacakan bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda peruntukan Kanun Prosedur Jenayah (P.M.S. Cap. 6) bagi memansuhkan siasatan permulaan di Mahkamah Majistret, sistem perbicaraan dengan juri dan perbicaraan dengan bantuan pengapit.

Siasatan permulaan pula adalah prosedur yang ditetapkan di bawah Seksyen 138 KPJ bahawa semua perbicaraan di Mahkamah Tinggi mestilah didahului oleh suatu siasatan permulaan oleh Majistret. Perbicaraan menggunakan sistem juri yang terpakai bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berasaskan kepada peruntukan Seksyen 199A Bab XXII Kanun Prosedur Jenayah (F.M.S. Cap. 6 manakala di Sabah dan Sarawak dikenali sebagai assessor atau sistem pengapit berasaskan peruntukan Seksyen 183A Bab XXI Kanun Prosedur Jenayah.

Kedua-dua sistem ini terpakai bagi semua perbicaraan di bawah KPJ bagi kesalahan-kesalahan yang boleh membawa hukuman mati tetapi pada amalannya ia terpakai hanya untuk kes bunuh.

Siasatan permulaan merupakan siasatan yang diadakan oleh seseorang Majistret untuk menentukan sama ada terdapat alasan-alasan yang mencukupi untuk mensabitkan seseorang yang dituduh itu bagi maksud perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Pengalaman menunjukkan bahawa keterangan yang digunakan di Mahkamah Tinggi telah pun" dikemukakan semasa siasatan permulaan di Mahkamah Majistret.

Oleh itu, siasatan permulaan adalah merupakan satu proses yang tidak membawa apa-apa makna dari segi keadilan dan tidak berfaedah kepada kedua-dua pihak sama ada pihak pendakwa ataupun pihak tertuduh. Ianya hanya akan mengakibatkan proses perbicaraan yang berpanjangan. Dari segi rasionalnya, siasatan permulaan adalah untuk menapis pendakwaan yang tidak berasas serta memastikan agar hanya kes-kes yang kukuh sahaja dibawa ke Mahkamah Tinggi. Ini akan

menjimatkan masa Mahkamah Tinggi. Pada kebiasaannya, Majistret sentiasa 'commit' yang tertuduh untuk perbicaraan di Mahkamah Tinggi.

Dalam kes-kes yang berat dan sensasi biasanya terdapat publisiti yang meluas semasa siasatan permulaan dijalankan dan ini adalah tidak adil kepada tertuduh. Siasatan permulaan juga boleh membebankan kerajaan dari segi elaun-elaun yang perlu dibayar kepada saksi-saksi di dua peringkat perbicaraan iaitu di Mahkamah Majistret dan juga di Mahkamah Tinggi. Bagi maksud menghapuskan siasatan permulaan, Fasal 5 bertujuan memotong Bab 17 dan 17A, KPJ.

Dengan penghapusan peruntukan ini, tidak ada lagi keperluan bagi siasatan permulaan diadakan di Mahkamah Majistret bagi maksud mengcommitkan orang tertuduh untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi bagi kesalahan-kesalahan yang perlu dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Perbicaraan dengan juri dan pengapit seringkali mengakibatkan perbicaraan yang berlanjutan lantaran kerumitan untuk mendapatkan orang-orang yang layak bagi menjadi juri ataupun pengapit.

Salah satu sebab keengganan orang awam memikul tanggungjawab tersebut ialah kerana mereka takutkan pembalasan dendam yang akan diterima dan tidak mahu menanggung beban menghantar tertuduh ke tali gantung. Perbicaraan dengan juri juga seringkali membawa kepada isu-isu teknikal yang sukar difahami oleh para juri.

Tugas para juri ialah untuk membuat keputusan terhadap fakta, manakala hakim pula membuat keputusan tentang undang-undang tetapi ada kala isu undang-undang dan fakta bercantum serta tidak dapat dibezakan oleh para juri, walaupun diterangkan oleh hakim semasa beliau menggulung perbicaraan. Keadaan ini sering mengakibatkan ketidakadilan penghakiman semata-mata atas alasan teknikal sahaja. Ada kalanya para juri membebas dan melepaskan seseorang tertuduh walaupun fakta-fakta menunjukkan sebaliknya. Satu daripada faktor yang mungkin menyebabkan para juri mencapai keputusan demikian ialah kerana mereka terpengaruh dengan kepintaran dan kepandaian peguambela berhujah.

Tuan Yang di-Pertua, perbicaraan dengan juri juga selalu disifatkan sebagai trial by ones peers, manakala perbicaraan oleh seorang hakim tidak boleh disifatkan sedemikian kerana seorang hakim itu dikatakan telah hilang hubungannya dengan orang awam tetapi keadaan ini tidak benar kerana terdapat banyak kes yang boleh membawa hukuman mati dibicarakan oleh seorang hakim sahaja tanpa bantuan juri seperti kesalahan-kesalahan berkaitan dengan dadah dan senjata api.

Peranan pengapit pula, ianya hanya untuk membantu hakim atas fakta-fakta di dalam sesuatu perbicaraan. Hakim tidak terikat dengan pendapat pengapit dengan syarat hakim merekodkan sebab-sebab beliau tidak setuju dengan pendapat pengapit tersebut. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana mahkamah semasa mensabitkan tertuduh tidak bersetuju dengan pendapat mana-mana pengapit atau yang tertinggal, rekod prosiding dan exhibit hendaklah dihantar ke Mahkamah Persekutuan dan ini akan dianggap sebagai rayuan yang dikemukakan oleh tertuduh sama ada beliau telah memberi notis rayuan atau tidak.

Berasaskan kepada faktor-faktor yang dinyatakan di atas maka dengan ini adalah dicadangkan supaya Bab XXI, XXII dan XXIII Kanun Prosedur Jenayah dipotong untuk menamatkan perbicaraan dengan juri dan perbicaraan dengan bantuan pengapit di peringkat Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga dicadangkan kepada seksyen 288 Kanun Prosedur Jenayah untuk menetapkan serta menjalankan hukuman sebat ke atas penjenayah-penjenayah kolar putih. Pindaan ini adalah susulan kepada Kanun Keseksaan (P.M.S. Cap. 45) yang dibuat pada tahun 1993 untuk menggerakkan hukuman sebat mandatori bagi kesalahan-kesalahan criminal misappropriation of property, criminal breach of trust dan penipuan.

Pindaan melalui fasal 22 adalah untuk membezakan cara pelaksanaan hukuman sebat terhadap penjenayah kolar putih dengan yang dikenakan kepada penjenayah yang melakukan kesalahan-kesalahan berunsur keganasan. Tujuan mengenakan hukuman rotan ke atas penjenayah kolar putih adalah untuk memalukan mereka.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah pindaan susulan kepada cadangan-cadangan untuk menghapuskan siasatan permulaan, perbicaraan oleh juri dan pembicaraan dengan bantuan pengapit.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang dikemukakan ini telah pun dikaji secara terperinci dan kerajaan berpendapat pindaan-pindaan yang dikemukakan ini dapat mengemaskini proses pembicaraan jenayah di mahkamah tanpa menjejaskan keadilan bagi mana-mana pihak. Sebaliknya cadangan-cadangan ini, apabila dilaksanakan akan membebaskan sistem kehakiman jenayah kita daripada prosedur dan tatacara yang tidak bermakna. Ini bukan sahaja menyumbang kepada penyegeraan dalam penyelesaian kes-kes di mahkamah serta menjimatkan

kos dan masa mahkamah dan semua pihak yang terlibat secara keseluruhannya berasaskan kepada fakta-fakta yang dinyatakan tadi, maka tidak syak lagi bahawa penghapusan sistem juri, pengapit dan sistem siasatan permulaan bukan sahaja akan dapat melicinkan lagi prosiding pembicaraan, malahan akan membantu menyegerakan penyelesaian kes-kes di mahkamah serta dapat pula menjimatkan masa, sumber dan tenaga di peringkat Mahkamah Majistret dan Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

7.36 mlm.

**Puan Kian Sit Har:** Tuari Yang di-Pertua, cadangan penubuhan Jawatankuasa Khas bagi mengkaji undang-undang negara yang disarankan oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Hamid Omar adalah bernas dan patut disokong. Tidak dapat dinafikan bahawa banyak undang-undang negara sekarang adalah undang-undang tinggalan zaman penjajah yang harus dikaji dan dipinda supaya bersesuaian dengan keadaan negara sekarang serta perkembangan masa.

Dalam mengkaji dan menggubal undang-undang bagi melengkapi undang-undang yang sedia ada, kepentingan rakyat serta perlindungan

rakyat harus diutamakan. Kegagalan mengambil kira aspek ini akan menyebabkan undang-undang yang dipinda dan diubah sia-sia sahaja dan tidak mencapai matlamat. Walaupun di setengah-setengah negara maju seperti Amerika Syarikat hukuman merotan telah dimansuhkan, namun di negara kita dan Singapura ia masih berkuatkuasa. Masalah-masalah sosial di negara maju kian bertambah. Maka adalah perlu bagi mereka mengimbas kembali sama ada gejala sosial itu timbul akibat dari kelonggaran undang-undang mereka.

Bagi negara kita, jenayah remaja masih di tahap yang terkawal yang mana ramai di antara mereka dihantar ke pusat-pusat pemulihan akhlak bagi menjalani pemulihan dan ini adalah bersesuaian dengan hasrat kerajaan melahirkan masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Perdana, kita semua maklum sebagai ibu bapa kita merotan anak-anak kita. Sebagai guru kita merotan murid. Mereka yang didapati bersalah dihukum rotan. Namun, kesalahan yang melibatkan kolar putih terlepas begitu sahaja. Kalau seorang pelajar mencuri RM1 dari rakannya, dia tetap dihukum. Kenapa pula jenayah besar yang melibatkan wang yang banyak terlepas dari pengadilan.

Baru-baru ini Kabinet telah bersetuju bahawa penjenayah kolar putih juga harus dihukum. Menteri Undang-undang Yang Berhormat Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar telah menegaskan bahawa tujuan menghukum penjenayah kolar putih adalah bertujuan supaya mereka menginsafi akan kesalahan mereka. Keputusan ini adalah bijak supaya semua penjenayah kolar putih bukan sahaja dipenjarakan dan menjadi hero selepas itu, malahan mereka juga akan dirotan. Hanya caranya berlainan sahaja. Kita harus berikan sokongan kepada langkah tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Setiausaha Parlimen menjawab.  
7.39 mlm.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terirna kasih kepada Yang Berhormat Puan Kian Sit Har kerana telah memberi pendapat yang bernas apabila membahaskan mengenai Rang Undang-undang ini.

Memang Kerajaan Barisan Nasional sentiasa dari masa ke semasa mengambil iktibar untuk mengkaji semula rang undang-undang di negara kita supaya ianya akan lebih berkesan untuk membentuk satu masyarakat yang berdisiplin, satu masyarakat yang dapat mengurangkan gejala-gejala yang tidak baik di negara kita, mengurangkan masalah sosial dan sebagainya. Dengah demikian, maka kita lihat dari masa ke semasa dalam Dewan ini kita menggubal berbagai-bagai undang-undang termasuk kita telah menggubal undang-undang untuk mengenakan hukuman rotan kepada penjenayah kolar putih.

Kita juga ingin menegaskan di sini bahawa dari segi melihat undang-undang, kita akan melihatnya dari segi keperluan negara kita, dari segi sudut sosial negara dan kita tidak boleh semata-mata 'menitih' ataupun mengikut bentuk dan nilai dari negara-negara yang lain. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini diacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 7.44 malam.**